

DR.10.9.2002

Sila Recall DR layout 10/09/2002

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 10 September 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk-bentuk pelampau yang terdapat di negara ini. Bagaimanakah seriusnya budaya pelampau sebagai pencetus konflik dalam mengancam perpaduan, keselamatan dan kestabilan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, golongan pelampau yang terdapat di Malaysia boleh digolongkan kepada dua kategori utama iaitu yang pertama, golongan pelampau agama iaitu golongan yang menggunakan dan memperalatkan agama dengan membuat tafsiran agama secara sendiri dengan mengeluarkan pendapat atau pandangan mereka terdapat isu-isu tertentu untuk tujuan atau kepentingan tertentu golongan tersebut.

Yang kedua, golongan pelampau kaum iaitu, golongan sesuatu kaum tertentu yang mempergunakan isu-isu perkauman seperti bahasa, adat resam dan agama bagi tujuan atau kepentingan kaumnya tanpa mengira perasaan-perasaan kaum yang lain. Golongan pelampau agama dan juga pelampau kaum ini adalah merupakan faktor utama yang bukan sahaja boleh menjadi pencetus konflik di antara kaum yang berbilang bangsa dan agama tetapi juga di dalam kaum yang seagama. Ini berlaku kerana ahli kepada golongan ini yang telah diasuh mindanya sekian lama akan mempunyai sikap dan perwatakan seperti taksab kepada ketua mereka, bersikap keras kepala, degil dan juga menutup fikiran mereka dengan tidak lagi dapat menerima pandangan daripada golongan-golongan yang lain, walaupun merupakan golongan yang majoriti.

Sekiranya pandangan mereka tidak dapat diterima ramai, golongan ini sanggup mengambil pendekatan di luar batas perundangan demi mencapai cita-cita mereka walaupun pendekatan berkenaan boleh mengancam perpaduan, keselamatan dan juga kestabilan negara.

Ada lagi satu pelampau iaitu ucapan yang melampau, pun ada. Ucapan melampau pun boleh memudaratkan orang lain dan dirinya sendiri. Jangan sedap bercakap sahaja, membuat tohmahan tidak betul kepada orang lain, akhirnya diri sendiri yang terjerat. "*Sedap pulut, santan binasa, sedap mulut badan binasa*". Terima kasih. [*Tepuk*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa integrasi dan perpaduan kaum adalah merupakan faktor terpenting dalam menentukan masa hadapan negara terutama negara ini mengandungi pelbagai penduduk yang terdiri daripada berbilang kaum. Kita dapati, sejak akhir-akhir ini, integrasi dan perpaduan kaum banyak terjejas oleh dua atau tiga pihak yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Di satu pihak kita dapati bahawa tidak ada satu langkah yang betul-betul efektif yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan, apakah langkah-langkah yang sedang difikirkan akan dilakukan oleh kerajaan dan adakah integrasi dan perpaduan kaum ini dapat diperkukuhkan dalam jangka waktu berapa lama.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan tadi iaitu tentang langkah-langkah dan fikiran yang munasabah. Sepatutnya dalam negara yang telah 45 tahun merdeka, kita semua ini adalah penduduk-penduduk rakyat Malaysia yang telah menerima segala kebaikan, keselamatan dan juga kemakmuran. Sepatutnya, kita semua memikirkan bersama. Jangan ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan tentang fikir panjang kerajaan tidak mahu mengambil tindakan kepada mereka ini. Jadi, saya harap kita semua menentukan sama ada tindak tanduk kita itu boleh menyusahkan rakyat Malaysia ataupun boleh menyusahkan kita semua dari segi perpaduan dan juga kemakmuran negara kita. Terima kasih.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada jawapan kepada kementerian tadi tentang pelampau agama. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah tindakan akan diambil ataupun telah diambil atau dicadang untuk diambil kepada mana-mana pihak yang menyalahgunakan ayat-ayat Al-Quran. Contohnya, [*Membaca sepotong ayat Al-*

Quran] ditukarkan dengan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran yang salah*] sepertimana yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Terengganu baru-baru ini. [*Tepuk*] [*Dewan gamat seketika*]

Seorang Ahli: Tangkap, tangkap!!

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kerajaan ataupun parti kerajaan ini tidak pernah pun mentafsirkan Al-Quran itu sebagai perkara-perkara yang boleh memberi kepentingan kepada kita. [*Dewan gamat seketika*]. Sebenarnya, parti pembangkanglah yang memutarbelitkan segala apa yang ada dalam Al-Quran seperti misalnya, saya sebutkan juga, amanat Yang Amat Berhormat Abdul Hadi Awang yang mengatakan orang UMNO bercampur dengan MCA, MIC adalah boleh ditafsirkan sebagai 'kafir'. Tetapi, saya tidak tahu pula hari ini, yang PAS bersekongkol dengan DAP walaupun sudah lari sekejap, apakah jenisnya pula orang yang macam ini? Terima kasih.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Puan Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Haa, diam-diamlah *you* 'pendek'. [*Ketawa*] [*Dewan gamat seketika*]

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: [*Ketawa besar*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: 'Tinggikan' diri *you* lagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Puan Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, sudahlah. Yang Berhormat, sudahlah.

Seorang Ahli: Tenangkan diri dia dululah.

Seorang Ahli: Sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Erm.....[*Ketawa*] [*Dewan gamat seketika*]

Seorang Ahli: Yang Berhormat.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

2. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan berapakah jumlah modal sebenar yang disalurkan kepada *Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.* untuk menjayakan projek MSC dan perincian syarikat-syarikat serta projek-projek yang telah dilaksanakan setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah modal sebenar yang disalurkan oleh kerajaan, syarikat tempatan dan asing untuk menjayakan projek MSC sehingga 30 Ogos 2002 ialah sebanyak RM4.77 bilion. Ini adalah bagi tujuan pembinaan infrastruktur, promosi, R&D, pelaksanaan Fasa I dan Fasa II, aplikasi-aplikasi perdana serta pembangunan sumber manusia. Sehingga 30 Ogos tahun ini, sebanyak 745 syarikat telah diberikan taraf MSC. Pecahannya adalah seperti berikut iaitu, syarikat milik tempatan - 495, syarikat milik asing - 232, syarikat usahasama - 18 dan kesemuanya berjumlah 745 buah.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah merupakan syarikat-syarikat yang menjalankan projek-projek aplikasi perdana MSC. Bagi aplikasi perdana *Electronic Government*, di bawahnya adalah empat projek. Projek yang pertama adalah projek *monitoring system* yang dijalankan oleh *FSBM Ctech Consortium*, yang kedua *Human Resource Management Information System (HRMIS)* yang dilaksanakan oleh *MRCB Multimedia Consortium*, yang ketiga ialah *Generic Office Environment* yang dijalankan oleh *Sapura Consortium*, *Electronic Procurement* oleh *Commerce Dot Com. Sdn. Bhd.*

Bagi aplikasi perdana *Multipurpose Card* adalah dua. Yang pertama ialah *Government Multipurpose Card (GMPC)* dengan izin, yang dijalankan oleh *GMPC Corporations Sdn. Bhd* dan yang kedua ialah *Payment Multipurpose Card (PMPC)* yang dijalankan oleh *MEPS Sdn. Bhd.*

Bagi aplikasi perdana *Telehealth*, syarikat-syarikat yang terlibat dalam pelaksanaan aplikasi perdana adalah seperti berikut iaitu yang pertama ialah *Lifetime Health Plan* dan *Continuous Medical Education* dan *Mass Customised/Personalised Health Information and Education* yang dijalankan oleh *Medical Online Sdn. Bhd.* Projek yang kedua di bawah *Telehealth* ialah *Teleconsultation* yang dijalankan oleh *Worldcare Health Sdn. Bhd.*

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah aplikasi perdana *Smart School* yang dijalankan oleh *Telekom Smart School Sdn. Bhd Consortium*. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Projek MSC adalah merupakan projek yang dianggap sebagai '*pact project*' bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya ingin mendapat penjelasan di dalam Dewan ini kerana mungkin ramai di kalangan *public* tidak mengetahui tentang *investment exposure* yang telah dilakukan oleh MDC sendiri. Kalau boleh, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan yang pertamanya tentang kerugian demi kerugian dalam pelaburan yang dilakukan oleh MDC. Sebagai contohnya *e-village*, Agensi Pekerjaan KWX Sdn. Bhd, *Optical Fiber Technology*, *Street Market Sdn. Bhd* dan beberapa subsidiari-subsidiari yang lain.

Kerugian yang dilalui ataupun dialami oleh MDC melebihi RM100 juta dan ini merupakan suatu *set back* kepada apa yang diimpikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Sedangkan kita digembar-gemburkan bahawa projek ini adalah projek yang berjaya, *viable* dan sebagainya tetapi kerugian demi kerugian yang dialami oleh MDC ini perlu diperjelas di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang keduanya, soalan yang kedua, apakah kaitannya pemberhentian Tan Sri Osman Yeop Abdullah dalam menerajui MDC ini, apakah ianya berkaitan dengan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di dalam projek-projek yang dijalankan di dalam projek MSC itu sendiri.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, bulan hantu di negeri Pulau Pinang baru habis tetapi nampaknya Yang Berhormat Ahli dari PAS selalu nampak hantu yang biasanya tidak ada ini.....[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, aplikasi perdana MSC adalah membawa negara kita ke satu tahap supaya kita dapat mencapai objektif Wawasan 2020 di mana negara Malaysia boleh menjadi satu negara yang maju pada tahun 2020. Dan ini adalah penting untuk kita mengadakan satu *quantum leap* dan ke arah satu masyarakat ekonomi, k-ekonomi atau *knowledge economy*. Oleh sebab itu, aplikasi perdana amatlah penting dan jika Yang Berhormat-Yang Berhormat ada masa, tapi pameran yang telah dijalankan pada Minggu ICT ini barulah habis tetapi kalau ada peluang melawat pameran-pameran yang dijalankan di Mines baru-baru ini, kita barulah nampak betapa pentingnya aplikasi MSC dan juga bagaimana kita dapat membawa negara ke satu taraf yang boleh dikatakan taraf negara maju.

Jadi walaupun ada perbezaan dari pihak pembangkang dan mungkin antara orang di tempat lain tetapi kalau kita mengikuti komen-komen yang diberikan oleh ahli-ahli *International Advisory Panel* yang mengatakan bahawa MSC walaupun pada

permulaannya kemungkinan adalah satu projek yang boleh dikatakan terlalu besar tetapi setakat ini mereka telah mengakui bahawa MSC telah mencapai satu tahap dan satu taraf di mana kita berjaya melaksanakan projek MSC ini. Seperti yang dikatakan oleh *Professor of Public and Private Management, William Miller* dari Universiti Stamford, dia mengatakan bahawa dengan izin, *the base of innovation is increasing right here in MSC*, dan MSC telah memasuki satu fasa atau *creative phase* dengan izin, *there is on going development and it suppose to drive a local technology innovation*.

Jadi ini bermakna bahawa kejayaan MSC dan perlaksanaan akan membawa negara kita untuk mencapai satu taraf di mana kita dapat bersaing dalam era globalisasi dengan negara-negara lain. Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan kedudukan atau peletakan jawatan sebagai *Chief Executive Officer* atau Pengerusi Eksekutif MDC oleh Tan Sri Osman Yeop ini, memang telah dinyatakan oleh kedua-dua orang iaitu Perdana Menteri Malaysia dan juga Tan Sri Osman Yeop sendiri bahawa dia meletakkan jawatannya kerana sebab-sebab kesihatan dan tidak ada sebab-sebab lain yang seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat dari pembangkang PAS dan dengan ada niat jahat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belakang pun diucapkan tahniah, daftar kehadiran. Salah seorang daripada ahli panel MSC mengatakan iaitu Silicon Valley memakan masa 30 tahun untuk maju baru sampai ke peringkat yang ada sekarang ini dan rata-rata memikirkan bahawa kalau diambil dalam masa yang sama, dalam masa mungkin 7 tahun sejak MSC ditubuhkan sehingga sekarang, prestasi Silicon Valley mungkin jauh lebih kurang daripada apa yang dicapai oleh MSC yang ada sekarang ini dalam masa yang sama. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan atau kementerian membuat satu *bench marking* untuk memperjelas prestasi mengikut tahun, mengikut *period* dengan izin, dari satu masa ke satu masa kalau *dicomparekan* dengan projek-projek yang sama di seluruh dunia supaya kita boleh memperjelaskan bukan sahaja kepada pihak pembangkang, kita tidak perlu.

Yang perlu diperjelas ialah pada kita sendiri dan kepada masyarakat umum apa sebenarnya berlaku di MSC ini. *Bench marking* ini amatlah penting dan adakah kementerian hendak melaksanakan *bench marking* supaya kita mengetahui prestasi kita sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Encik Ronald selaku Presiden Alcatel Asia Pacific telah mengatakan bahawa dengan izin, *as for the MSC there has been a lot of progress despite the economic crisis. I see the MSC vision still Intec despite what the critics have to say. The Silicon Valley took 30 years to establish. We can assume the MSC to develop overnight.* Itulah selain daripada seorang yang telah menghadiri mesyuarat International Advisory Panel ini.

Dan *bench marking* Tuan Yang di-Pertua, untuk MSC adalah ditentukan sejak projek MSC dijalankan pada tahun 1996 dan *bench marking* untuk syarikat-syarikat bertaraf MSC, *target* atau sasaran yang pertama ialah supaya sejumlah 500 syarikat diberi taraf MSC sebelum tahun 2004 tetapi pada hari ini telah lebih daripada 745 syarikat telah diberi taraf MSC dan oleh sebab ini sasaran atau *target* perlu di tukar daripada 500 ini ke 750 dan kemungkinan bahawa *target* 750 mungkin perlu dinaikkan hingga 800 atau lebih tetapi apa yang mustahak sekali ialah *bench marking* yang kedua ialah diharapkan bahawa syarikat bertaraf *world class* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Sasaran ialah 50 syarikat bertaraf antarabangsa atau *world class*, diberi taraf MSC tetapi sehingga sekarang syarikat bertaraf *world class* yang diberi taraf MSC ialah 53 syarikat dan ini bermakna bahawa kita perlu mungkin naik lagi sasaran ke 75 syarikat bertaraf antarabangsa dan inilah di antara *bench marking* yang perlu dijalankan dan perlu diakui oleh beberapa ahli-ahli *International Advisory Panel* bahawa *bench marking* yang dijalankan ini telah boleh dikatakan telah dicapai dengan izin, *ambassador Diana Lady Dorgan*, seorang *senior advisor* kepada *Cyber Century Forum* mengatakan bahawa, *the degree to wish realistic bench marking to what has been accomplish is impressive. All the technology in the world is only as good as those that is inspires it's usage, those that usage and those that benefit from it.* Sekian terima kasih

3. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh manakah langkah-langkah yang akan dilakukan bagi melindungi barangan keluaran Malaysia setelah pelaksanaan WTO nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiaw]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hakikat bahawa Malaysia telah mendapat faedah daripada rundingan di bawah WTO melalui

liberalisasi tarif serta pengurangan halangan-halangan bukan tarif sejak menjadi ahli GATT dengan izin, *General Agreement on Tariff and Trade* dalam tahun 1997. Dengan adanya sistem perdagangan antarabangsa yang terbuka dan berdasarkan peraturan-peraturan yang adil di bawah WTO, Malaysia telah berupaya menjadi negara pengekspor ke-18 terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk melindungi barangan keluaran Malaysia termasuk pembukaan pasaran tempatan di bawah rundingan WTO dibuat secara berperingkat berdasarkan keupayaan industri-industri tempatan. Pada masa ini 35% produk dalam senarai produk-produk atau *tariff line* dengan izin, yang diimport ke dalam Malaysia tidak diikat di bawah komitmen WTO.

Dan kedua, mengambil tindakan di bawah Undang-undang Anti-Lambakan atau Anti-Dumping untuk melindungi barangan Malaysia daripada amalan perdagangan tidak adil seperti penjualan barang-barang import pada harga yang lebih murah daripada harga yang dikenakan di negara asal. Setakat ini Malaysia telah mengambil tindakan ke atas sembilan kes anti lambakan. Dan mengambil tindakan *safe guard* dengan izin, mengikut peraturan WTO di dalam keadaan tertentu untuk melindungi industri tempatan jika terdapat import yang menjejaskan industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan terus membantu syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan daya saing barangan buatan Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa melalui beberapa strategi iaitu:

- 1) Meningkatkan tahap automasi dan teknologi melalui usaha berikut:-
 - (a) menggalakkan inovasi produk atau proses di kalangan industri;
 - (b) menggalakkan industri untuk mengeluarkan keluaran atau menjalankan aktiviti yang bernilai tambah tinggi dan mengurangkan operasi yang berintensifkan buruh dan bernilai tambah rendah;
 - (c) menggalakkan penggunaan ICT dan e-commerce di kalangan industri; dan.

- (d) menggalakkan aktiviti lain yang bernilai tambah tinggi selaras dengan konsep perkilangan *plus-plus* seperti R&D, pemasaran, logistik dan lain-lain.
- 2) Menyediakan pakej insentif dan bantuan kewangan yang bersesuaian untuk membantu syarikat-syarikat tempatan meningkatkan daya saing.

Sekian terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, dengan lambakan barangan daripada negara-negara yang mendapat faedah secara langsung daripada proses globalisasi itu terutamanya melalui WTO ini. Sebagai langkah *preemptive* dan pendekatan penyelesaian *early warning approach*, apakah usaha-usaha yang akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu syarikat-syarikat IKS atau kumpulan SME, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dalam menghadapi karenah WTO nanti?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sentiasa mengambil berbagai langkah untuk meningkatkan keupayaan kemahiran, keupayaan teknologi IKS dan juga untuk membantu mereka menembusi pasaran antarabangsa.

Di bawah kementerian MITI kita sudah menyediakan sembilan jenis geran persamaan atau *matching grant* dan satu jenis pinjaman mudah untuk membantu IKS dan geran-geran yang disediakan termasuk geran untuk perancangan dan pembangunan perniagaan atau ITAF I, geran untuk peningkatan produk dan pembangunan proses ITAF II, geran untuk peningkatan produktiviti dan kualiti dan persijilan ITAF III, geran pembangunan pasaran ITAF IV, geran untuk peningkatan keupayaan reka bentuk kejuruteraan, geran e-perkilangan ERP, geran pelaksanaan standard 'portal' net, geran dana perolehan teknologi, geran dana pengkomersialan pendidikan dan pembangunan. Pinjaman mudah untuk EKS juga disediakan untuk membantu syarikat-syarikat yang sedia ada dan baru dalam pembiayaan projek, aset tetap dan borang kerja.

Selain daripada itu bagi membantu syarikat-syarikat tempatan untuk memasuki pasaran antarabangsa dan juga menyediakan insentif cukai bagi mengurangkan kos promosi termasuk potongan dua kali untuk potongan cukai dua kali untuk promosi eksport dan juga potongan dua kali bagi promosi jenama Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negara kita Malaysia pernah mengemuka dan mencadangkan dalam persidangan WTO dan perbincangan-perbincangan yang berkenaan supaya *none trade issues* tidak dimasukkan dalam perjanjian WTO. Misalnya isu yang berkaitan dengan *environment, human rights* dan sebagainya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen sejauh mana *responds* daripada kelompok negara yang membangun dan kelompok negara yang sudah maju berhubung dengan pandangan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Datuk Fu Ah Kiow: Dalam persidangan WTO di Doha baru-baru ini, ada beberapa keputusan dan salah satu ialah persidangan telah mengambil keputusan supaya proses dan kajian dan klasifikasi diteruskan sehingga persidangan kelima dan ini bermakna kita perlu bersetuju dengan *consensus* oleh semua ahli-ahli WTO terhadap isu-isu baru sebelum perundingan akan dimulakan.

Mengenai dengan isu alam sekitar, persidangan telah juga mencapai persetujuan untuk memulakan perundingan bagi menentukan hubung kait peraturan WTO dengan perjanjian-perjanjian pelbagai hala alam sekitar dan pembukaan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan alam sekitar. Persidangan juga bersetuju rundingan dimulakan tanpa prasangka terhadap keputusannya dengan izin *without prejudging outcome*. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Juslie bin Ajirol [Libaran] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa ramaikah pelajar yang mendaftar di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) sepanjang penubuhannya serta impaknya kepada generasi muda dan berapa ramaikah yang telah menikmati faedah selepas keluar daripada institusi berkenaan.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, seramai 25,449 orang pelajar telah mendaftar untuk mengikuti latihan kemahiran di enam buah institut kemahiran belia negara (IKBN) sepanjang penubuhannya sepanjang tahun 1966. Implikasinya kepada generasi muda dapat dilihat daripada keluaran pelajar yang menjadi pekerja mahir dan juga separuh mahir dalam bidang latihan yang diikuti di industri-industri yang berkenaan di seluruh negara.

Kajian susulan dijalankan pada tahun 1998 menunjukkan 90 peratus daripada pelajar keluaran IKBN berjaya mendapat pekerjaan di sektor perindustrian sebagai tenaga pekerja mahir dan juga separuh mahir dalam bidang yang dipelajari.

Hanya 10 peratus sahaja mengusahakan perniagaan sendiri dalam jurusan yang berkaitan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai enam buah IKBN iaitu IKBN Dusun Tua, IKBN Sri Iskandar, IKBN Kuala Kubu Bharu, IKBN Wakaf Tapai, IKBN Jitra dan IKBTBN Sepang dalam kapasiti pengambilan hampir 2,500 orang.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, IKBN atau IKBTBN akan ditingkatkan lagi kapasitinya supaya ianya dapat menampung sehingga 5,300 belia apabila semua projek kenaikan taraf berkenaan siap keseluruhannya.

Di samping enam IKBN dan IKBTBN yang sedia ada, Kementerian Belia dan Sukan akan mempunyai lapan buah IKBN baru yang akan mula beroperasi tahun 2003. IKBN-IKBN ini termasuk di Kuala Perlis, Seberang Perai, Chembong (Negeri Sembilan), Alor Gajah (Melaka), Pagoh (Johor), Bachok (Kelantan), Miri (Sarawak) dan Kinarut (Sabah). Apabila lapan IKBN ini beroperasi sepenuhnya sebanyak 7,280 tempat latihan akan dapat disediakan kepada belia-belia kita.

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan juga telah diluluskan sebanyak enam lagi IKBN baru yang sedang dalam pembinaan yang dijangka siap pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan. IKBN baru yang dimaksudkan IKBN di Kuala Muda (Kedah), IKBN Tenggara (Johor), IKBN Gerik (Perak), IKBN Jerantut dan IKBN Temerloh di Pahang.

Apabila kesemua IKBN ini beroperasi pada tahun 2003 dan enam lagi yang akan siap pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan maka kementerian ini dijangka akan dapat menyediakan sebanyak 18,110 peluang latihan kepada belia setiap tahun yang akan menyumbang tenaga mahir kepada pembangunan negara.

Tuan Juslie bin Ajirol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan negara masih memerlukan tenaga mahir dan separuh mahir, IKBN adalah salah satu saluran kerajaan untuk maksud ini seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang menambahkan bilangan IKBN di seluruh negara, di Sabah khasnya di Parlimen Libaran di samping itu menambahkan kursus-kursus yang ditawarkan sesuai dengan keperluan semasa. Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat bagi Libaran. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, enam IKBN yang sedia ada akan dinaikkan taraf. Lapan IKBN baru yang akan beroperasi tahun 2003 dan enam yang

akan siap dibina pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan. Ini bermakna memang ada penambahan dan pada masa yang sama saya hendak ingatkan pada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Belia dan Sukan melalui IKBN bukan sahaja satu-satunya saluran untuk kita melatih pelajar-pelajar kita dari segi prasarana kemahiran tadi. Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pendidikan juga memainkan peranan untuk membantu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang saya kira jarang datang ke Parlimen. Jadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh sambunglah nanti.

Soalan saya ialah pertamanya.....[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila-sila. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Soalan yang pertama ialah apakah langkah drastik yang pihak Kementerian Belia dan Sukan lakukan untuk menampung keperluan kepada kekurangan tenaga pekerja yang terpaksa kita import daripada pekerja asing. Itu yang pertama.

Yang kedua.....

Tuan Yang di-Pertua: Hem!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Adakah Yang Berhormat Menteri sebagai Ketua Pemuda UMNO ingin bersama-sama, bekerjasama dengan Pemuda PAS walaupun pemuda tidak ada hari ini, di Terengganu khususnya untuk sama-sama membanteras aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan pemuda-pemuda kita rosak dari sudut akhlaknya dan saya lihat dalam surat khabar cukup mengejutkan. Umpamanya

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:kes.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, soalnya sudah cukup dah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Soalan sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hem!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kes HIV menyebabkan hampir 200 orang sebulan dan anak-anak muda kita yang terlibat dengan Aids umpamanya

menyebabkan tahun lepas sahaja hampir 20,000 orang. Jadi di Terengganu kita cuba membanteras aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Nampaknya Yang Berhormat setuju bahawa aktiviti-aktiviti konsert umpamanya yang dibantah oleh pemuda PAS di Terengganu dipersetujui sama oleh kementerian Yang Berhormat terutama oleh pemuda UMNO sendiri kerana yang dianjurkan oleh pihak polis sendiri. Adakah Yang Berhormat bersetuju langkah yang dilaksanakan di Terengganu. Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Ketua Pemuda UMNO hadir, Ketua Pemuda PAS tidak kelihatan pada pagi ini. *[Dewan riuh]* Keduanya dari segi gejala-gejala sosial saya tengok kebanyakannya menular di Kelantan dan di Terengganu. *[Tepuk]* Maka tepuk dada tanya selera sendiri.

Tidak jadi masalah untuk bekerjasama. Saya telah pun menghidupkan semula Majlis Perundingan Belia Negara di mana kita jemput semua pemimpin-pemimpin NGO termasuk pemimpin-pemimpin daripada pembangkang yang malangnya tiga tahun kita telah menghidupkan Majlis Perundingan Belia Negara, sekalipun mereka tidak menerima jemputan kita.

Senang hendak menyuarakan dan menuding jari di Dewan ini tetapi usaha yang bersungguh-sungguh di peringkat akar umbi, saya tengok yang berkesan yang berjalan yang betul-betul bersungguh-sungguh merupakan Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Keduanya dari segi penglibatan dan juga jurusan yang telah ditetapkan sememangnya kita beri tumpuan kepada *marketability* dengan izin. Permintaan pasaran dan sebenarnya semua IKBN-IKBN yang telah kita kenal pasti, IKBN yang telah kita akan naik taraf dan juga bina baru akan menepati dan juga mengikut pasaran dan permintaan pasaran.

Sebab itu beberapa IKBN diberikan jurusan utama sebagai persediaan mereka untuk berdepan dengan pasaran dan permintaan pasaran semasa, elektronik, 'mechatronic', industri plastik dan sebagainya merupakan bidang-bidang baru yang telah pun diambil kira. Terima kasih.

5. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jumlah hutang luar negara yang terkini dan apakah anggaran jumlah hutang luar negara bagi setiap tahun pada tempoh 2003 hingga 2005 dan bagaimana Kerajaan bercadang mengurus hutang luar negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, hutang negara mempunyai dua komponen iaitu hutang kerajaan dan hutang swasta.

Hutang negara tahun 2001 ialah RM170.4 bilion ataupun US\$44.8 bilion. Secara umumnya anggaran hutang luar negara dijangka berkurangan setiap tahun dari 2003 hingga 2005. Memandangkan kedudukan ekonomi negara yang semakin kukuh membolehkan keperluan pembiayaan kerajaan dan swasta diperolehi lebih banyak dari sumber kewangan dalaman negeri.

Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar pengurusan hutang yang berhemat. Ini telah meletakkan Malaysia di dalam kategori negara hutang sederhana. Di antara 60 peratus hingga 70 peratus keperluan pinjaman kerajaan diperolehi dari sumber dalam negeri. Bagi pihak swasta pula semua pinjaman luar negeri adalah tertakluk kepada Akta Kawalan Pertukaran Asing 1993 yang mensyaratkan semua pinjaman dari luar negeri melebihi RM5 juta perlu mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia.

Dengan adanya kawalan ini, kerajaan dapat memastikan bahawa pinjaman luar negeri oleh pihak swasta juga berada di paras yang tidak mengimbangkan negara.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Timbalan Menteri Kewangan. Saya ingin hendak tanya mengenai selalunya Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri menyatakan apabila pinjaman dibuat di luar negara ini adalah untuk buat *test market*, kedudukan *rating* Malaysia dan sebagainya.

Saya hendak tanya kedudukan *rating* Malaysia sekarang ini di pasaran kewangan antarabangsa dan juga keadaan kadar pertukaran wang Amerika Syarikat telah menurun lebih kurang 16 peratus berbanding dengan mata wang antarabangsa yang lain. Jadi saya hendak tanya adakah kerajaan akan mengkaji semula *pegging* yang dilaksanakan untuk mengurangkan keadaan hutang luar negara.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kita mempunyai peruntukan kewangan dalam dua segi. Pertamanya dari segi *revenue* kita iaitu hasil dalam negeri sendiri dan hasil dalam negeri itu sendiri kita bayar gaji dan sebagainya.

Kalau ada lebih kita ambil peruntukan itu, kita masukkan ke dalam dana pembangunan kita.

Kalau kita lihat dari segi kebiasaannya kerajaan sentiasa berwaspada supaya kita punya pinjaman itu dapat kita selaraskan secepat mungkin dan dengan lebih teratur serta dengan lebih rendah lagi. Misalnya kerajaan selalu berwaspada mencari peluang mengurangkan perkhidmatan kos ataupun *service* hutang kerajaan ya. Jika kerajaan mempunyai dana lebihan, kerajaan akan membuat bayaran awal pinjaman ataupun *prepayment* dan jika kadar faedah pinjaman di pasaran adalah rendah, jadi kerajaan akan melaksanakan pembiayaan semula pinjaman ataupun yang dikatakan *refinancing*.

Misalnya kita kena tengok contoh pada tahun 1998, kerajaan telah memperolehi satu pinjaman sebanyak USD1.35 bilion pada kadar faedah US *six month* *libor* plus 2.9%. Pada tahun 1999 kos pinjaman di pasaran kewangan telah menarik dan kerajaan telah mengambil kesempatan ini untuk membiayai semula pinjaman tersebut pada kadar *US six month libor plus 1.2%* dan seterusnya pada tahun 2000 kerajaan telah *revise* balik pinjaman kita *US six month libor plus 0.52%* maknanya *half percent*.

Jadi dalam masa dua tahun kerajaan berjaya mengurangkan kos pinjaman sebanyak 2.4% iaitu bersamaan dengan USD33.6 juta ataupun 127.67 juta setahun. Pinjaman ini akan matang pada akhir tahun 2003. Jadi, kalau kita lihatkan cara perwaspadaan kita, pengawasan kita kepada pinjaman luar kepada negara itu sekali kita akan melihat bahawa, kalau misalnya harganya murah, kita *refinance* ataupun kita *prepayment* kalau misalnya duit kita banyak ya. Jadi dengan cara itu dapat kita mengurangkan pinjaman luar negara kita.

Kalau kita tengok piawaian luar negara, 40 hingga 80 peratus itu mengatakan sederhana maka kita punya pinjaman adalah di dalam kategori sederhana dan *rating* luar negara tentang Kerajaan Malaysia sekarang ini, Alhamdulillah bagus dan kalau kita lihat dari segi *benchmarking* dari segi cap RM3.80 yang diperkatakan tadi kerajaan melihat bahawa ia masih lagi menguntungkan dari segi *comparative study*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah hutang negara supaya, maksud saya pembayaran dilakukan dan langkah yang diambil supaya

perkara hutang ini tidak menjadi bebanan yang terus menerus kepada generasi-generasi yang akan datang dan adakah kerajaan mengalami tekanan-tekanan daripada pihak tertentu dalam menjelaskan hutang negara, sebagaimana yang berlaku kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu yang dipotong melalui peruntukan wajib, sebagai satu cara untuk menjelas hutang negeri.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Ini ada dua soalan Tuan Yang di-Pertua, satu ialah *mostly* soalan hutang negara dan satu lagi ialah mengenai soalan hutang negeri. Jadi kalau kita tengok tadi, saya bagikan misalan hutang negara ini kita sentiasa berwaspada. Kalau misalnya kita duit banyak, kita akan bayar lekas, jadi ini dikatakan *prepayment*. Kalau misalnya peratusannya itu rendah, kita akan *refinance* dan kita akan bayar dan ini akan menjadikan bahawa kita dapat untung dari segi pembayaran itu.

Mengenai kerajaan negeri kita telah buat formula baru hari itu dan telah pun diluluskan bahawa geran kita akan pinda dan dengan adanya pindaan geran itu mengikut kepala tadi, tiap-tiap negeri akan dapat banyak peruntukan.

Yang keduanya kita katakan begitu bahawa kita minta negeri-negeri mengambil cukai, memungut cukai, jadi dengan adanya pungutan cukai itu pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan itu agak sedikit tapi kalau kerajaan hendak *famous* ataupun masyhur di kalangan hamba rakyat, dia tidak kutip cukai, dengan tidak kutip cukai itu dia minta daripada Kerajaan Persekutuan pula, jadi apa yang kita lakukan ialah geran yang kita bagi itu, kita akan potong mulanya daripada pinjaman. Terima kasih. *[Ketawa]*

6. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) bagaimana tahap penggunaan komputer peribadi di negara kita kalau dibandingkan dengan keadaan 5 tahun dahulu; dan
- (b) bagaimana pula keadaan di negara-negara lain seperti di Singapura, Hong Kong dan Jepun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 2001 terdapat lebih kurang 3 juta unit komputer peribadi bagi seluruh negara dibandingkan 760,000 unit bagi tahun 1996. Ini merupakan pertambahan sebanyak 294.7% dalam masa lima tahun. Dengan

nisbah pemilik kepada pengguna komputer pada kadar 1:3, pengguna komputer pada tahun 2001 dianggarkan sebanyak 9 juta pengguna berbanding 2.3 juta dalam tahun 1996.

Ini merupakan peningkatan pengguna komputer sebanyak 26.7 peratus dalam masa lima tahun. Mengikut laporan ITU (*International Telecommunication Union*) pada tahun 2000 sehingga tahun 2001 kadar pemilikan komputer peribadi bagi Singapura adalah 5.1 peratus, di Hong Kong 38.5 peratus dan di Jepun 34.9 peratus dan di Malaysia kadarnya ialah 12.5 peratus. Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di zaman ICT kerajaan memang berusaha untuk meningkatkan penggunaan komputer di kalangan rakyat di negara kita, misalnya membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian pencaruman mereka untuk membeli komputer.

Tadi mengikut jawapan Setiausaha Parlimen kadar lebih kurang kita capai adalah 12.5 peratus tapi lebih jauh beza, kalau berbanding dengan negara lain. Jadi bolehkah Setiausaha Parlimen memaklumkan cara-cara lain ataupun program-program yang akan dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan lagi penggunaan komputer di kalangan rakyat atau pun masyarakat dan kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu kedudukan Malaysia mengenai *international ranking* ini, mengenai penggunaan komputer peribadi di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kempen KWSP yang merupakan satu kempen yang mempertikaikan pemilikan komputer peribadi ini, lain-lain cara adalah untuk menggalakkan supaya harga komputer adalah kemampuan oleh golongan kurang berpendapatan.

Yang kedua ialah untuk memberi insentif bagi perolehan komputer dengan cara mengecualikan cukai (*tax*) atau cukai atas barangan yang berkomponen komputer. Yang lain ialah melalui skim untuk pegawai-pegawai kerajaan di mana mereka boleh dapat pinjaman dan adalah skim yang seumpamanya yang dijalankan oleh pihak swasta.

Berkenaan dengan *ranking* setaraf dunia, setakat ini saya tidak ada maklumat berkenaan dengan perolehan komputer tapi pemilikan komputer adalah satu tanda atau *indicator* dan lagi kami menggunakan satu indeks yang lebih luas iaitu *network, network regional index* yang dijalankan di bawah laporan *World Economic Forum* ini

bolehkah kita gunakan indeks ini di mana boleh katakan, dengan izin, *the degree in which the community is prepared to participate in the network environment on the network world*.

Jadi bagi tahun 2002 ini, Malaysia adalah satu dalam tahap 36 dalam *network regional index* ini. Malaysia adalah dalam indeks 36, tapi kalau kita gunakan indeks-indeks di komponen yang lain seperti *network used component index* yang dengan izin *measures the extend of a current network connectivity*, dengan izin, Malaysia adalah dalam tahap 35 dan akhirnya kalau kita gunakan apa yang dikatakan *enabling factors* iaitu, dengan izin, *measures the country's capacity to exploit existing network and create a new one*, Malaysia adalah dalam indeks 38. Inilah yang saya dapat jawab setakat ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Matlamat kerajaan satu rumah satu komputer tidak mungkin tercapai berikutan skim pengeluaran KWSP diberhentikan. Apakah cadangan lain kerajaan untuk membolehkan rakyat memiliki komputer di rumah masing-masing dan adakah kementerian Yang Berhormat bercadang menubuhkan satu tabung khas untuk mencapai matlamat ini ialah satu rumah satu komputer? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak ada rancangan untuk menubuhkan satu tabung dari segi untuk pemilikan komputer kerana telah ada banyak skim seperti yang saya menyenaraikan tadi iaitu skim yang dijalankan oleh pihak swasta, skim pinjaman dijalankan oleh pihak kerajaan dan lain-lain skim perlu dijalankan.

Tapi kita mesti pandang lebih luas di mana untuk merapatkan jurang digital memang ada lain-lain cara atau rancangan seperti di bawah *universal service obligation* atau *universal service provision*. Memang ada skim untuk memberi komunikasi atau perhubungan di tempat-tempat yang tiada talian telefon atau di mana kumpulan-kumpulan atau kaum yang tidak mempunyai talian telefon. Melalui skim ini kita dapat memenuhi apa yang dikatakan *social obligation* untuk merapatkan jurang digital ini. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang usaha dan langkah Kementerian ke arah memanipulasikan suasana kekurangan tenaga kerja di negara ini dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada kaum belia menganggur dan sejauh manakah sambutan tenaga kerja tempatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latif bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia memang tidak menafikan bahawa terdapat suasana kekurangan tenaga kerja di negara ini memandangkan bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos tahun ini, jumlah keseluruhan jawatan kosong yang dilaporkan adalah sebanyak 95,747 jawatan berbanding hanya 85,948 orang pencari kerja yang berdaftar. Kebanyakan jawatan kosong yang wujud dalam pasaran adalah bagi jawatan-jawatan kategori bukan siswazah yang memerlukan kelayakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan ke bawah khususnya dalam sektor pembinaan, pembuatan dan perladangan.

Berikutan dengan itu, kementerian telah menjalankan berbagai langkah untuk mengatasi keadaan kekurangan tenaga kerja ini bagi membantu para pencari kerja termasuklah kaum belia yang menganggur mendapatkan pekerjaan. Antara langkah-langkah adalah meningkatkan penyebaran maklumat pasaran buruh semasa dengan lebih kerap dan meluas melalui *hompag*, penerbitan laporan bulanan, ceramah-ceramah, pameran serta siaran radio dan televisyen tempatan, termasuk juga mengadakan *job fair* di negeri-negeri dan di bandar-bandar besar.

Kedua, menggiatkan usaha pendaftaran pencari kerja bagi tempoh Januari hingga Julai 2002 seramai 76,620 orang pencari kerja telah didaftarkan dan sebanyak 80,412 jawatan kosong telah dilaporkan di kementerian ini.

Pegawai-pegawai juga akan dikerah mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai jawatan-jawatan kosong yang wujud dalam pasaran bagi membantu peluang para pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Seterusnya adalah mewujudkan *electronic labour exchange*, ELX yang telah pun dilancarkan dan ini akan mempercepatkan pendaftaran, penjodohan dan penempatan pencari kerja ke dalam jawatan-jawatan kosong.

Kita juga meningkatkan aktiviti bimbingan kerjaya dan kaunseling kepada pencari kerja di semua pejabat JTR, kementerian juga untuk jangka panjang telah menubuhkan pembangunan kemahiran untuk memberi pinjaman kepada pelatih yang mengikuti latihan kemahiran bersesuaian dengan keperluan tenaga kerja negara.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Seperti yang kita maklum, bahawa kebanyakan kerja-kerja yang diiklankan sama ada kerja kosong atau cetusan kerja baru, ia pasti disimpan mereka yang berpengalaman.

Bagaimana pula untung nasib pekerja-pekerja yang ingin memohon yang tidak berpengalaman, apakah kerajaan mempunyai tata cara ataupun cara untuk menangani menempatkan mereka yang tidak berpengalaman ini dibela dan diberi secara saksama seperti mereka yang telah berpengalaman. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada sahabat saya Kinabatangan.

Pengalaman memang merupakan perkara pokok yang memang dikehendaki oleh semua majikan, majikan beranggapan bahawa mereka yang ada pengalaman biasanya adalah mereka yang produktif. Langkah-langkah yang dijalankan oleh kementerian adalah seperti berikut:-

Pertama sekali, kita bekerjasama dengan majikan melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad bagi mewujudkan kursus-kursus apprentice, di mana kursus-kursus apprentice ini menitikberatkan kerja-kerja hands on di mana mereka yang diberi peluang untuk mengikuti kursus tersebut, diberi pendedahan apa yang mereka belajar lebih menekankan kepada practicality iaitu 70% sementara hanya 30% sahaja diperuntukkan untuk teori.

Bidang-bidang yang kita putuskan dalam kursus apprentice scheme ini, adalah seperti perhotelan dan hospitaliti, plastic injection, mechatronic dan lain-lain di mana yuran pengajian adalah dibayar sepenuhnya oleh PSM Berhad, sementara majikan hanya menyara elaun hidup dan biasanya selepas mereka menerima latihan apprentice scheme ini, mereka akan dapat diserapkan dalam pekerjaan yang diperuntukkan oleh majikan-majikan tersebut.

Perkara kedua, adalah melalui skim siswazah menganggur di mana selama empat bulan kita dedahkan mereka kepada kursus-kursus yang berkait rapat dengan ICT dan dua bulan adalah diwajibkan mereka ditempatkan di premis-premis pekerjaan serta organisasi multi nasional.

Kajian yang kita buat sehingga kini kebanyakannya 80% daripada mereka beroleh pengalaman walaupun dua bulan yang memeranjatkan kita, kebanyakan mereka diserap terus bekerja dalam pasaran kerja yang diwujudkan oleh majikan-majikan tersebut.

Perkara ketiga, dalam jangka panjang seperti saya panjangkan apa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan katakan tadi, kita mewujudkan suasana latihan dan kemahiran yang berkait rapat dengan keperluan tenaga kerja di pasaran industri, di mana kebanyakan kursus-kursus yang dijalankan adalah sangat sesuai dengan

pasaran kerja, malah latihan kemahiran, keterampilan masing-masing itu memang dilatih supaya suasana pembelajaran sama dengan suasana mereka bekerja. Lantas majoriti keluaran-keluaran graduan ataupun pelatih daripada IKBN, ILP mahupun IKM selalunya diterima oleh masyarakat industri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk Jawapan Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHAN RAYA (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[9 September 2002]***

Tuan Yang di-Pertua: Dipohon Yang Berhormat Marang menyambung ucapan.

11.05 pagi.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menganggap undang-undang ini sangat penting bagi memelihara proses demokrasi supaya berlangsung dengan cara yang lebih subur.

Maka perlunya perubahan ke arah kesuburan demokrasi, amalan demokrasi yang tulen yang benar-benar memberi hak kepada rakyat, untuk memilih dengan cara yang seadil-adilnya dan rakyat membuat perubahan melalui proses yang betul, apabila rakyat memikirkan perlunya membuat perubahan kerajaan, dan begitu juga supaya kerajaan tidak letih walaupun sudah memerintah berpuluh-puluh tahun mengalami pelbagai kelemahan dan kekurangan, perlu berundur dan perlu berehat, inilah yang berlaku dalam demokrasi yang sihat di negara-negara dalam dunia.

Dan kita melihat di England, di Amerika, di Perancis, di Jerman, di India, di Jepun termasuk Papua New Guinea di negara yang majoriti rakyatnya Orang Asli, kita melihat apabila berlakunya kelemahan-kelemahan dalam kerajaan, maka rakyat menolak parti yang memerintah melalui proses pilihan raya, mereka tidak disogokkan dengan perkara-perkara negatif melalui penipuan, politik wang, rasuah, ugutan dan sebagainya.

Dan kita bimbang demokrasi dipermain-mainkan sebagaimana saya sebut ada dalam dunia, negara demokrasi yang juga menamakan demokrasi, tetapi berlandaskan kepada *dictatorship*, negara-negara komunis yang tertentu di mana pilihan raya diadakan hanya satu parti sahaja, satu parti sahaja yang bertanding, rakyat menyertai pilihan raya dan kerajaan memang dengan 99.9%.

Adakah rakyat hendak diperbodohkan dengan sebegitu rupa, kita bimbang undang-undang yang dikemukakan ini merupakan satu undang-undang, walaupun pelbagai parti dibenarkan bertanding dalam pilihan raya, tetapi mewajibkan satu parti sahaja yang boleh menang, parti yang lain tidak boleh menang.

Undang-undang itu betul, tetapi bagaimana pelaksanaannya memerlukan pelaksana yang jujur dan ikhlas, memerlukan badan kehakiman yang benar-benar telus, yang berwibawa, yang boleh menegakkan kedaulatan undang-undang dalam erti kata yang sebenarnya.

Walaupun di Kelantan dan Terengganu kita telah membuat perubahan, melalui pilihan raya tetapi dengan cara yang begitu sukar dan begitu payah. Terpaksa mendapat sokongan jumlah rakyat yang besar – 80%. Kalau tidak, tidak boleh menghapuskan pengundi-pengundi hantu yang boleh berlaku di sepanjang masa, yang diberi perlindungan dengan begitu rupa, perlindungan yang tidak terkawal dan ini berlaku di dalam beberapa pilihan raya.

Dan apabila kita membuat proses perubahan dan kita melihat sendiri, bagaimana media massa digunakan dengan begitu rupa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Dalam sidang yang lepas, baru tiga bulan, Menteri yang sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menggulung akta ataupun Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa senarai pemilih yang dikeluarkan oleh SPR tidak mengandungi pengundi hantu,

disebutkan di dalam Dewan ini, dan kata-kata beliau ialah jangan disebut hantu, nanti tuan-tuan jadi hantu.

Tiga bulan kemudian, menteri yang sama, bahkan yang atas lagi Perdana Menteri memberitahu Malaysia dan dunia bahawa senarai pemilih SPR memiliki pengundi hantu. Mereka telah merangka rang undang-undang ini untuk menaikkan denda bagi sesiapa yang membantah senarai pemilih, semasa senarai ini dibentangkan daripada RM200 kepada RM1,000 untuk mengelakkan bantahan kepada para pemilih yang ingin mendaftar.

Tetapi hari ini mereka sendiri yang menyatakan bahawa senarai pemilih itu mengandungi hantu dan menteri yang sama datang ke Dewan ini membawa rang undang-undang yang baru.

Persoalan saya ialah di manakah integriti, kredibiliti menteri yang sama dan kerajaan yang sama yang membawa rang undang-undang berkaitan dengan pilihan raya yang sama dalam tempoh tiga bulan telah membohongi Dewan ini sendiri. Pohon penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini menunjukkan tidak konsisten dan cakap yang berubah dan tidak serupa bikin dan kita perlu menyedari bahawa kadang-kadang undang-undang ini merupakan cara untuk melindungi hantu-hantu supaya dapat dibawa dengan selamat bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional yang sedang memerintah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap, saya beri. Yang memerintah dan saya melihat bahawa Barisan Nasionallah yang mencipta hantu-hantu dalam kawasan saya sendiri, dalam pilihan raya tahun 1990. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Hendak beri kemudian, selepas saya jawab habis. Nanti sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin, hendak bagi kemudian ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, ya, di mana dibawa pengundi-pengundi daripada Pekan, Pahang, pekerja-pekerja kilang, di Pekan Pahang dibawa ke kawasan Marang dan di sana ada pengundi-pengundi daripada MIC, sedangkan dalam kawasan saya tidak ada MIC, sepatutnya mengundi di Sungai Siput bukan mengundi di Marang. *[Ketawa]*

Ini sebagai contoh yang berlaku, nama-nama yang jelas dan saya menganggap bahawa menimbulkan isu hantu oleh pihak yang berkenaan, Perdana Menteri dan menteri yang berkenaan adalah sebagai suatu taktik pencuri yang mahu menyelamatkan diri daripada diburu oleh orang ramai yang meneriakkan pencuri, pencuri, maka pencuri yang sebenar juga mengatakan pencuri, pencuri sebagai cara untuk melepaskan diri. *[Tepuk]*

Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang pertama, sebelum itu bagi pihak saya kami di sini BBC mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Marang yang dilantik sebagai Ketua Pembangkang, syabas. Yang baik itu, yang murni itu kita mengucapkan syabas dan kita sungguh bangga pada hari ini bila Marang sebagai Ketua Pembangkang, *maiden speech* beliau bercakap tentang demokrasi, alhamdulillah.

Sebab kadang-kadang saya bimbang, terdengar suara-suara kecil, adakah benar PAS ini betul-betul menjunjung sikap dan konsep demokrasi ini, sebab baru-baru ini Menteri Besar Kelantan sendiri mengatakan mungkin satu negara, sistem politik yang baik mungkin satu sistem kerajaan satu parti sahaja, saya nampak ini bercanggah sedikit ini, sebab apa dalam parti PAS yang berkuasanya bukannya suara demokrasi, suara satu lagi badan yang diketuai oleh pemimpin Kelantan.

Sebab apa kadang-kadang suara Terengganu, suara Kelantan ini kadang-kadang berbeza dan juga suara PAS Kedah, sekarang ini diterajui oleh pimpinan Terengganu, sudah yakin moventnya pemikiran dalam politik PAS mungkin berubah, saya hendak bertanya. Tadi saya sungguh bangga dalam maiden speech Ketua Pembangkang mempunyai *very reassuring indeed*, dengan izin, sangat meyakinkan diri kami sendirilah bahawa akan terus memikul unsur-unsur supaya terus dibaja, disulami dengan air supaya subur demokrasi negara ini. Tetapi Menteri Besar

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, soalnya Yang Berhormat. Soalnya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi Menteri Besar Kelantan mengatakan penggawa itu mungkin tidak perlu dia kata, hendak sistem lain, yang mana satu yang hendak dipupuk oleh PAS ini, Terengganu PAS kata demokrasi tetapi PAS Kelantan kata tidak. Ini hendak minta pandangan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya tunggu-tunggu. *[Ketawa]* Saya mengucap berbanyak terima kasih kerana ucap tahniah yang saya sudah lama jadi pembangkang sebenarnya. Sebenarnya apa yang berlaku ialah Yang Berhormat tidak faham dan pihak Barisan Nasional tak faham antara perlu dengan ucapan yang menegur dan mengkritik. *[Tepuk]* Kami yang berada di dalaman lebih memahami hakikat yang sebenar. Kami bukan sahaja menjunjung demokrasi, bahkan mempertahankan demokrasi di mana....

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada apa, Kuala Kedah ya. Teruskan Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Marang hendak bagi?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi kepada siapa Marang?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kami menjunjung demokrasi secara praktikal di mana Kerajaan PAS Terengganu pernah ditumbangkan melalui politik wang tahun 1961. Dan kita menunggu beberapa kali pilihan raya sehingga hampir 40 tahun. Di Kelantan kita pernah tewas tahun 1978 dan menunggu 12 tahun, kita boleh sabar menunggu. *[Tepuk]* Dan terus melalui proses demokrasi apa yang berlaku ialah Barisan Nasional tidak tahan dengan kekalahan hanya pilihan raya kecil di Anak Bukit. *[Tepuk]* Kerana kalah di Pendang tak dapat majoriti dua pertiga, lalu mengamuk dan menggubal undang-undang yang seperti ini. *[Tepuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ketua Pembangkang, saya ingin bertanya tadi ada timbul iaitu pengundi daripada Pekan dibawa ke Marang. Apakah ini tidak ada satu sabotaj terhadap Menteri Pertahanan yang kita kasihi. *[Disampuk]* Ini dibuat oleh siapa? Mesti siasat ini. Saya nampak ada unsur-unsur yang cuba bawa

pengundi daripada Pekan ke Marang, dan Pekan baru-baru ini hanya menang dengan 241 undi, itu pun hanya dengan undi Orang Asli. *[Ketawa]* Jadi, saya minta pihak SPR siasat, dan angkara siapa yang buat kerja ini, barangkali hendak sabotaj Menteri Pertahanan yang saya kasihi *[Ketawa]* supaya dia kalah pilihan raya akan datang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu campur tangan dalaman UMNO. Ini perkara dalaman UMNO dan saya tidak mahu menuduh jiran Pekan, Rompin yang terlibat dalam perkara ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah menandakan bahawa yang sebenarnya mengangkut hantu-hantu ialah Barisan Nasional sendiri. Sebagai contoh, kawasan Pendang umpamanya kita meningkat undi di Pendang, seratus lebih undi di Pendang kita meningkat, di mana menunjukkan bahawa di sana ada pengundi-pengundi yang tidak dikenali dan pihak jentera pilihan raya Barisan Alternatif mahir di dalam menggunakan komputer. Bahkan ada menteri-menteri daripada kerajaan sendiri yang memuji dan saya mengucapkan terima kasih bahawa kita mempunyai jentera yang cukup yang dapat memantau, yang dapat mengesan pengundi-pengundi dalam masa pilihan raya di mana kita dapati beribu-ribu pengundi yang tidak dikenali, dan kita tidak kenal. Bila kita tidak kenal sudah tentulah mereka kenal ini pengundi mereka. Inilah kerja-kerja yang dilakukan, yang kita merasakan bahawa undang-undang ini kita bimbang untuk melindungi kesalahan-kesalahan atau kesilapan yang dilakukan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Pokok Sena. Hendak beri jalan, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Marang. Pasal isu pengundi hantu. Perdana Menteri mengulas, dia kata mungkin ada 500 orang pengundi hantu PAS menang, di mana dia kata 500 orang itu dapat dikenal pasti tidak dilahirkan di situ, tak tinggal di situ. Saya hendak tanya Yang Berhormat, dalam kawasan saya ada seorang, dia dilahirkan di Seberang Perak, dekat Kilang Ais, dibesarkan di situ, belajar di Sekolah Iskandar, Sekolah Menengah Sultan Abdul Hamid College, Universiti Malaya di Singapura, pernah berniaga di Pekan Rabu, buka klinik di Pekan Melayu, sekarang duduk di Putrajaya, bekerja di Putrajaya, jadi Ahli Parlimen Kubang Pasu, mengundi di Pokok Sena. Saya hendak tanya ini hantu apa, hantu jerangkongkah atau hantu apa? *[Ketawa]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya rasa hantu tunggal, Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*] satu hantu tunggal yang lebih merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk di mana kita perlu mengawasi supaya pilihan raya tanpa penipuan, tanpa politik wang, tanpa ugutan, tanpa keganasan dalam erti kata yang sebenar. Dan sepatutnya kita mewujudkan peraturan mengawal proses demokrasi, terutamanya sebagai contoh di masa *caretaker government*, kerajaan yang mengambil tugas di masa tidak ada pilihan raya. Kita melihat dalam negara kita Perdana Menteri yang menjadi ketua parti juga menjadi ketua kerajaan yang mengambil alih ini, tidak berlaku sebagaimana negara-negara lain dia ambil daripada ketua hakim, dia ambil daripada orang-orang yang bebas.

Oleh kerana itulah proses demokrasi berlaku dengan cara yang tidak betul. Dia tidak sedar bahawa dia bukan bersikap sebagai parti bila memegang kerajaan dalam masa pilihan raya, maka jentera-jentera kerajaan digunakan. Sebagai contoh, media-media, alat-alat kerajaan, pihak polis dan seumpama digunakan untuk menjamin kemenangan Barisan Nasional. Di sana ada dalil-dalil yang menunjukkan kelemahan-kelemahan yang ketara berlaku sebagai contoh umpamanya menggunakan media massa. Ada undang-undang yang diperuntukkan kononnya tidak boleh - kempen hendaklah dilakukan secara yang terhad, beberapa hari sahaja. Ini adalah menyempitkan demokrasi, menguruskan demokrasi dan menghakiskan demokrasi di mana rakyat tidak diberi peluang sepanjang masa untuk menegur, mengkritik dan memberi pandangan, parti-parti politik tidak boleh menyentuh pihak yang berkenaan sekiranya ada kelemahan-kelemahan yang berlaku.

Apabila kita mahu menyuburkan demokrasi di Kelantan dan Terengganu sebagai contoh, bukan sahaja dalam konteks pilihan raya, bahkan dalam konteks pentadbiran umpamanya, kita mewujudkan demokrasi di dalam pentadbiran supaya pegawai-pegawai kerajaan lebih bebas, lebih telus, lebih berwibawa, lebih profesional dalam menjalankan tugas-tugas mereka di mana kami mengadakan dialog dengan pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya setahun sekali untuk mendengar teguran dan kritikan daripada mereka, pertukaran dilakukan bukan berdasarkan kepada politik, tetapi berdasarkan kepada prestasi di mana mereka menjalankan tugas dengan baik, alhamdulillah, cara yang dilakukan ini telah meningkatkan pentadbiran. Sehingga hari ini 12 jabatan di Terengganu telah mendapat ISO, [*Tepuk*] dan semua pejabat daerah dan tanah di Terengganu

mendapat penghargaan kualiti daripada pihak Kerajaan Pusat. Ini urusan pentadbiran. Saya merasakan bahawa kalau diharap kepada politik, kita tidak mendapat anugerah ini.

Kita melihat bagaimana kita telah berjaya membuang semangat 'tongkat' di mana di antaranya subsidi dalam masa pilihan raya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sama ada Ketua Pembangkang sedar atau tidak pentadbiran baik dapat ISO, kita pembangkang dapat ISA, setuju atau tidak.
[Ketawa]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Itu akan saya panjang dalam ucapan Belanjawan, insya-Allah dalam tajuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat bagaimana kita telah berjaya menaikkan semangat rakyat apabila politik wang, di mana wang bantuan subsidi projek digunakan untuk kempen pilihan raya. Bila berlaku pilihan raya maka berlakulah projek kilat - jalan pun baru diturap. Berpuluh-puluh tahun tak dibuat sebegitu rupa, bila musim pilihan raya maka mereka bawa projek. Sekolah yang lama dicat baru untuk membolehkan menteri merasmikan. Bangunan yang lama dipinda sedikit ataupun diletakkan batu asas sebagai contoh, untuk mengambil peluang berkempen. Ini adalah kesilapan-kesilapan yang berlaku di mana kita telah berjaya di Kelantan dan Terengganu menghapuskan tongkat-tongkat yang diberi dalam masa pilihan raya sehingga kita berjaya menurunkan kadar kemiskinan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Rantau Panjang, hendak beri jalan? Sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan bahawasanya kalau menjelang pilihan raya pihak kerajaan tidak dibenarkan mengadakan majlis-majlis mesyuarat agung PIBG sekolah-sekolah, perasmian itu dan ini dan sebagainya di jabatan-jabatan sehingga menyebabkan UMNO tidak ada tempat langsung untuk bercakap, bersyarah ataupun himpunkan rakyat apabila tidak ada tempat-tempat sebegini. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau sekiranya akta yang dibentang ini ditambah supaya setiap majlis kerajaan sama ada Kerajaan PAS atau UMNOkah tidak dibenarkan mengadakan menjelang pilihan raya. Umpamanya selepas penamaan calon, majlis perjumpaan dengan rakyat, majlis perasmian mesyuarat agung PIBG, majlis penyampaian sumbangan input pertanian umpamanya tidak dibenarkan menjelang

pilihan raya, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau sekiranya perkara ini dibentangkan di Parlimen ini.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya bersetuju dan apa yang berlaku menunjukkan bahawa pemimpin Barisan Nasional tidak yakin kepada kepercayaan rakyat, tidak yakin kepada kebebasan demokrasi dalam erti kata yang sebenarnya. Oleh kerana itu mereka lakukan aktiviti-aktiviti dengan yang cara yang berikut kerana sekiranya mereka mengadakan ceramah-ceramah politik tidak mendapat sambutan. Dengan sebab-sebab itulah diadakan majlis-majlis yang boleh memaksa rakyat melalui mesyuarat agung PIBG dan seumpama.

Hari ini mereka memaksa RTM menayangkan drama Gerhana di Kelantan. Ini satu lagi episod yang diarahkan oleh kerajaan sendiri sebagai satu cara untuk menarik rakyat ke negeri Kelantan dan kita mengucapkan terima kasih sebenarnya. Walaupun tayangan yang dilakukan itu tidak mengubah, bahkan memberi kesan yang sangat positif kepada Kelantan dan Terengganu kerana mereka yang berada di sana mengetahui hakikat yang sebenar adakah wujud gerhana ataupun tidak, dan ini memberi peluang kepada pelancong-pelancong daripada luar untuk datang ke Pantai Timur sehingga penerbangan terpaksa ditambah untuk mereka melihat adakah sebenarnya gerhana berlaku ataupun mereka boleh sembahyang gerhana di Kelantan kerana mahu melihat...sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Marang dan juga Ketua Pembangkang yang baru. Saya dapat mendengar dan kita semua dapat mendengar wakil-wakil rakyat pembangkang ini bercakap serupa tak bikin, serupa burung kakak tua berkata-kata tetapi tidak tahu apa yang diperkatakan. Berhubung dengan pindaan Akta Kesalahan Pilihan Raya ini memang jelas bahawa ekoran daripada karenah dan juga perilaku yang diterjemahkan oleh pihak pembangkang amat mengelirukan dan juga menakutkan orang ramai. Justeru itu, kerajaan berpandangan adalah wajar untuk kita meminda akta ini sejajar dengan tuntutan dari masa ke semasa. Pihak pembangkang memutarbelitkan fakta dan kenyataan. Kelantan memang gerhana, kemiskinan di Terengganu dan Kelantan memang nampak sekali.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Besar Terengganu, kadar kemiskinan di Terengganu pada hari ini berapa yang sudah kaya, berapa yang masih miskin di tahap ketika ini. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya terima kasih. Sebelum Yang Berhormat jawab Sabah berapa kadarnya, saya hendak jawab dahulu tentang Terengganu di mana semasa kami mengambil alih pemerintahan, Terengganu adalah nombor dua terkaya di Malaysia dan kadar kemiskinan di Terengganu ialah kedua di Malaysia. Sebaik sahaja kami membuat beberapa perubahan dan membuang tongkat, memberi tongkat yang sebenar kepada rakyat, bukan tongkat yang sementara waktu di musim pilihan raya tanpa mengira parti politik, di mana kadar kemiskinan telah menurun dalam masa setahun daripada kedua kepada ketiga. *[Tepuk]* Di negeri lain saya tak tahu. Oleh kerana itulah maka Barisan Nasional telah bertindak secara demokratik melambatkan-lambatkan kewangan dan mengempen-kempen supaya pelabur-pelabur tidak datang ke Terengganu tetapi jaminan keamanan, keselamatan, ketelusan yang ada menjemput pelabur-pelabur datang juga ke Terengganu dan berlaku perubahan-perubahan ekonomi walaupun dalam keadaan yang lambat tetapi selamat, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu memanglah rakyat perlu kepada perubahan tetapi perubahan yang benar-benar positif. Sebagai contoh, media massa, kita melihat media massa di negara-negara demokrasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah berdiri Yang Berhormat. Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebelum media massa, RTM tunjuk gerhana bulan di Kelantan, di Kedah itu gerhana matahari. Kawasan Kuala Kedah kemiskinannya itu tidak ditunjuk, tunggu. Kemiskinan di Kuala Kedah, di Baling dan di Sik akan ditunjuk selepas kita memerintah Kedah nanti, akan keluarkan gerhana matahari di Kedah. Soalan saya, kenapa RTM pergi jauh ke Machang, ke Jeli dan sebagainya untuk mencari orang-orang miskin. Bukankah di bawah RTM itu banyak setinggan yang hidup cukup miskin - Kampung Abdullah Hukum, Kampung Kerinci di sebelah itu, jamban pun tidak ada, dan saya yang memegang biro buruh dan setinggan bagi pihak PAS saya selalu dipanggil oleh penduduk-penduduk setinggan di sini tentang kemiskinan mereka. Kita biasa memberi beras kepada mereka di belakang RTM itu, di Parlimen Lembah Pantai. *[Ketawa]* Jadi, kenapa RTM ini dok pergi jauh sangat, tak pergi tengok di belakang RTM itu, dahulu tempat kami semasa demonstrasi kalau ada gas pemedih mata kita lari di situ, termasuk Rompin sekali. *[Ketawa]* Jadi, di kawasan itu miskin sehingga sekarang kenapa RTM tidak tunjuk,

gelap gelita, bukan gerhana di belakang Angkasapuri. Minta komen sedikit Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan dan Terengganu, bulan naik juga tetapi di'gerhana'kan oleh media massa. Yang menjadi masalah di Sabah, di Pahang dan di negeri lain, anak bulan pun tidak nampak. *[Ketawa]* Ini yang sebenarnya. Dan kita mahu supaya media ini betul-betul diberi kebebasan.

Di negara lain, sebagai contoh, bukan sahaja parti-parti yang memerintah diberi peluang untuk berucap, bercakap atau berdialog dalam media, diberi juga kepada parti-parti pembangkang supaya mereka boleh memberi jawapan, supaya rakyat boleh menilai baik buruk dan supaya rakyat boleh mengukur dengan cara yang tepat untuk membuat pemilihan yang tepat secara yang lebih demokratik. Inilah yang sedang berlaku sekarang.

Sepatutnya perubahan yang seperti inilah yang perlu dilakukan. Di antaranya ialah sebagai contoh perubahan yang telah dibuat, tempoh kempen bermusim secara terhad. Ini boleh menghakiskan, berapa hari sahaja boleh berkempen. Sedangkan mereka boleh sepanjang masa dan melalui program-program kerajaan, bahkan menggunakan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya? Ya, berdiri lagi.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...jentera-jentera kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan berdiri lagi, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Jentera kerajaan digunakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk sekejap.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...alat-alat kerajaan digunakan. Ini sangat malang bagi demokrasi. Kalau undang-undang itu hendak dikuatkuasakan bagi menghapuskan hal yang seperti ini adalah baik. Apa yang saya bimbang, undang-undang ini untuk memberi perlindungan kepada pencabulan terhadap

demokrasi yang menjadi tekanan kepada pihak-pihak pembangkang dan memberi peluang kepada pihak kerajaan untuk memerintah selama-lama, walaupun dalam tempoh yang begitu panjang, kalau manusia yang menjadi pegawai kerajaan mesti bersara, kerajaan kalau lama pun, ia perlu kepada masa rehat. Ini yang berlaku dalam negara demokrasi.

Apa yang berlaku dalam negara kita, pemimpin yang hendak bersara pun ditahan tidak bagi bersara. Sampai teriak! *[Ketawa]* Pujuk, tidak mahu! Ini adalah satu cara yang tidak baik, satu cara yang tidak sihat. Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dan rakan-rakan mempersoalkan soal demokrasi, cara berkempen dan sebagainya. Daripada statistik yang dapat kita lihat, di mana ceramah-ceramah daripada PAS khususnya melebihi daripada ceramah-ceramah Barisan Nasional. Ini menunjukkan bahawa demokrasi itu wujud di negara kita.

Walau bagaimanapun, apabila diberi ruang untuk berceramah, fitnah dan maki-hamun ada di situ. Sehingga ada yang menuduh manusia itu Tuhan dan menuduh seseorang pemimpin yang disegani melakukan sesuatu yang salah. Jadi, ini ceramah bentuk apa yang dimaksudkan? Apakah kempen ceramah ini khusus hanya boleh diguna pakai apabila memaki-hamun, memfitnah dan sebagainya. Tidakkah pembangkang boleh berceramah secara adil dan saksama, memberitahu rakyat perkara yang sebenarnya. Yang tidak betul jangan diputarbelitkan. Ini persoalan. Dan kalau tidak ada demokrasi dalam negara kita ini, masakan ceramah pembangkang lebih banyak daripada ceramah Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi masalah ialah Barisan Nasional tidak senang bila ceramah mereka tidak mendapat sambutan. *[Disampuk]* Dan sepatutnya mereka boleh jawab dalam ceramah-ceramah yang diadakan oleh mereka sendiri.

Kebebasan berceramah hendaklah diberi dengan seluas-luasnya. Inilah amalan demokrasi yang berlaku di seluruh dunia. Tugas polis ialah mengawal.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...sekiranya berlaku gangguan terhadap ceramah. Bukan untuk menghalang ceramah. Dan saya mendapat maklumat yang betul dan tepat, sering kali pemimpin Barisan Nasional mengarahkan polis supaya menghalang ceramah-ceramah yang diadakan oleh pihak pembangkang, mereka sendiri tidak boleh jawab. Bila tidak mampu jawab, gunakan polis. Ini satu cara yang tidak betul. Seolah-olah hendak jadikan negara kita sebagai negara polis, bukan negara demokrasi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri, Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Dato' Ketua Pembangkang. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan trend UMNO menggunakan polis. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam keadaan Terengganu sekarang yang dianggap aman dan track record sekarang ini, alhamdulillah, dalam kes jenayah yang semakin menurun, dalam kes kemiskinan yang semakin baik, untuk mengatasi program kemiskinannya, terdapat usaha yang dibuat melalui kawalan ataupun melalui pihak polis untuk mengadakan konsert secara besar-besaran di seluruh negeri Terengganu dan digunakan oleh pihak UMNO bagi menjadikan, maknanya Terengganu sebagai negeri yang nantinya mungkin menimbulkan huru-hara dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat melihat bahawa ini apabila pemuda-pemuda yang tidak bersetuju dengan keadaan ini, mereka akan berarak dan bangkit dan boleh menimbulkan keadaan huru-hara di Terengganu? Minta komen daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menghalang hiburan-hiburan yang sihat, hiburan yang baik dan hiburan yang menimbulkan semangat persaudaraan. Dalam negara demokrasi, bukan sahaja demokrasi pilihan raya, termasuklah demokrasi dalam hiburan, kebebasan dalam hiburan. Dibenarkan hiburan pelbagai kaum dan pelbagai agama yang tidak mengganggu. Dengan syarat memberi kesedaran yang positif, bukan yang negatif.

Apa yang kita lakukan untuk menghalang hiburan-hiburan yang negatif, yang digalakkan oleh Barisan Nasional. Apabila mereka tidak mendapat kebenaran daripada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah yang sepatutnya inilah yang berhak untuk memberi kebenaran, Barisan Nasional sanggup memaksa polis. Polis dipaksa untuk mengadakan majlis yang seperti ini.

Dan kita perlu menyedari bahawa polis yang sepatutnya dikerahkan untuk membanteras jenayah dan untuk menghadapi masalah-masalah yang tidak sihat, sosial, digunakan untuk pilihan raya, digunakan untuk menghakis demokrasi. Ini sangat malang. Bahkan di sana terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa undi-undi pos yang dibuat oleh polis dan tentera, sehingga hari ini tidak boleh dibetulkan. Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh jawab.

Sebelum hendak pinda undang-undang yang lain-lain ini, perbetulkan undi pos dahulu. Undi polis dan juga tentera merupakan satu cara yang tidak telus, yang tidak sihat, yang tidak menjamin demokrasi dan yang kita menerima pengaduan daripada kalangan polis dan tentera sendiri yang menunjukkan bahawa seolah-olah mereka tidak bebas dan mereka tidak percaya dan tidak yakin adakah undi yang mereka beri itu disampaikan dengan amanah ataupun tidak.

Oleh kerana itulah, ada di kalangan wakil-wakil Barisan Nasional yang lebih bersifat 'wakil pos' daripada wakil rakyat [*Ketawa*] kerana mereka menang dengan undi pos ataupun dengan undi-undi hantu. Sepatutnya inilah yang dibanteraskan dengan cara yang betul, bukan untuk memberi perlindungan kepada perkara-perkara yang negatif.

Satu lagi yang sangat malang ialah kesalahan menghalang pengundi-pengundi. Kesalahan menghalang pengundi-pengundi kalau dilakukan dengan sihat adalah baik. Pengundi dalam kawasan mesti ditambah. Pengundi yang ada nama yang dipastikan dalam kawasan mengundi. Kalau sekiranya pengundi hantu ditahan daripada menghalang pengundi hantu, ini menandakan bahawa kerajaan sendiri yang membawa pengundi hantu.

Oleh kerana itulah kerajaan bertindak terhadap rakyat tempatan yang menghalang pengundi hantu. Sepatutnya kerajaan berterima kasih kepada rakyat yang menolong supaya berlaku proses demokrasi dengan betul, proses demokrasi dengan baik, yang menolong pihak polis. Jangan rakyat yang ditahan untuk menyelamatkan pengundi-pengundi hantu yang dibawa oleh beberapa buah bas

daripada luar kawasan. Ini yang berlaku dalam beberapa pilihan raya bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional.

Kemudian satu undang-undang yang sangat luar biasa iaitu tidak boleh menimbulkan perasaan benci dan tidak puas hati. Tidak boleh menimbulkan perasaan benci dan tidak puas hati, mana dia demokrasi? Tidak boleh menegur, tidak boleh mengkritik. Kerana setiap teguran dan setiap kritikan bercanggah dengan tabiat yang tidak betul yang ada dalam diri manusia, yang mengaku diri masing-masing betul kerana kebiasaannya payah manusia dalam dunia ini yang mengaku dia salah. Semua mengaku dia betul.

UMNO kata UMNO betul, MCA kata MCA betul, PAS kata PAS betul dan kalangan lain kata dia betul. Syaitan pun kata dia betul, Tuan Yang di-Pertua, tidak mengaku dia tidak betul. Oleh kerana yang tidak betul, kita kena beritahulah tidak betul dan ada reaksi daripada orang yang sungguh-sungguh ikhlas mengaku dia tidak betul, ini adalah jarang-jarang tetapi kebiasaan yang berlaku, bila dikritik, dia melenting, dia marah. Adakah dengan reaksi ini boleh dianggap sebagai salah? Orang yang menegur itu melakukan satu kesalahan.

Ini adalah bercanggah dengan proses demokrasi dan dengan tabii manusia, saya menganggap undang-undang ini sebagai satu undang-undang luar tabii. *[Tepuk]* Undang-undang luar tabii yang bercanggah dengan tabii yang tidak patut diamalkan. Bahkan, di dalam Islam sendiri, membenarkan kita menegur, kita menasihati dan disuruh supaya menahan marah kepada orang yang menerima teguran dan menerima nasihat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat, ya. Ya, Kuala Terengganu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah tunjuk situ Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Pindaan yang dilakukan ini dalam konteks Akta-akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, sebagaimana yang disebut oleh Dato' Seri Ketua Pembangkang tadi, merupakan satu titik hitam kepada proses demokrasi di negara kita.

Dato' Seri Ketua Pembangkang, semalam saya telah menghabiskan masa membaca balik tesis yang ditulis oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga tulisan-tulisan beliau dan saya sempat melihat salah satu video ceramah beliau, dan dalam satu tulisan beliau mengatakan ataupun mempersoalkan tentang kredibiliti Parlimen di negara kita. Saya quote secara direct, dengan izin, "Bagaimana pula halnya dengan Parlimen yang sebagai badan tertinggi perundangan?"

Beliau menyatakan "Pada tahun 1992, Parlimen sudah diperalatkan oleh eksekutif politik. Parlimen sudah 'dikudakan' untuk meluluskan undang-undang yang zalim ini."

Tuan Husam bin Haji Musa: Hebat juga orang ini!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini ditulis pada tahun 1992 dan sekarang ini menteri yang sama juga membentangkan suatu enakmen ataupun satu undang-undang pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya yang jelas 'memperkudakan' Dewan ini, *[Tepuk]* memperalatkan Dewan ini untuk menyempitkan proses demokrasi di negara kita. Jadi, di manakah maruah orang yang mendapat Ph.D menulis tesis.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baik, bising Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ... kemudiannya membuat ucapan-ucapan yang menjelaskan bahawa sebenarnya kita berada dalam satu sistem diktator sehingga menyatakan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang diktator pada waktu itu. Tetapi sekarang ini bagaimana pula dengan undang-undang yang dibaca dan juga cuba diluluskan di Parlimen ini? Minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan bahawa cara untuk mendapat ijazah, untuk mendapat martabat dan kedudukan dari segi akademik masih lagi melalui cara-cara yang betul dan baik supaya penulisan yang dilakukan mestilah dengan jujur, yang berbeza dengan cara untuk mendapat kedudukan dalam kerajaan yang begini rupa. *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sehingga terpaksa melakukan perkara yang di luar daripada hakikat yang sebenarnya. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang bagi kawasan Marang. Kita sudah agak. Kita siang-siang sudah agak dan agakan kita ataupun sangkaan kita tepat. Tepat setepat-tepat 100% (*hundred percent*) bahawa rang undang-undang ini akan digunakan oleh parti pembangkang untuk melepaskan geram, melepaskan dendam, melepaskan tohmah dan melepaskan segala kebencian.

Seorang Ahli: Soalan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak minta Yang Amat Berhormat dari Marang, Ketua Pembangkang yang baru, menggantikan Allahyarham sahabat kita – sahabat kita yang telah pergi, mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atasnya.

Saya hendak ajak Yang Amat Berhormat istighfarlah, beristighfarlah. Antara keseronokan menghentam dan menganalisa, selepas itu ditaruh bumbunya, *ajinomotonya* oleh anak buah di keliling dia, fuh memang sedaplah! *[Disampuk]* *[Ketawa]* Yang tukang masak ini dibantu dengan rencah-rencah yang memang satu selera pula dengan yang memasak, memang sedaplah masakan itu bagi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, soalan hendak sampai Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tetapi bagi kita kadang-kadang masakan itu begitu 'jelek', kata orang Indonesia. "Enggak bisa dimakan, pak!" Walaupun masakan itu di..... Ini soalan, soalnya.

Saya hendak menyentuh yang terakhir Yang Amat Berhormat tadi. Fasal 5, seksyen baru 4A yang dimasukkan dalam Akta 5, dalam seksyen baru 4A ialah bagi

menghindarkan perasaan benci. Sebab itu akta ini dibuat supaya janganlah pilihan raya itu dijadikan tempat untuk kita menaburkan fitnah dan pembohongan sehingga mengeluarkan perkataan-perkataan fitnah, adu-domba, inilah akta ini digunakan untuk menghalang supaya pilihan raya yang sama-sama kita sertai itu, ia dilihat bersih dan memberikan ketenteraman, tidak ada perasaan benci-membenci antara satu sama lain.

Apakah ini satu perbuatan yang tidak boleh diterima oleh PAS? Kata PAS memperjuangkan Islam. Memperjuangkan Islam ialah memperjuangkan yang molek-molek dan yang cantik-cantik. Akta ini hendak memperjuangkan benda yang cantik-cantik dan yang molek-molek. Yang 'mulus-mulus' kata orang Indonesia, ya.

Kalau saya tengok Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang seolah-olah tidak hendak benda yang molek-molek. *Astaghfirullahal'azim*, maka itu saya ajak kita beristighfar beramai-ramai. *[Disampuk]* Jadi, jangan dibantahlah akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, itulah caranya untuk melayakkan diri menjadi calon Barisan Nasional *[Ketawa]* *[Tepuk]*. Yang saya yakin Yang Berhormat kalau meneruskan tugas ini akan dilantik menjadi calon lagi dalam pilihan raya yang akan datang. *Alhamdulillah* kami sentiasa beristighfar, istighfar kami ialah menghadap kepada Tuhan dan bukan menghadap kepada manusia dan kita perlu menilai kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Sepatutnya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang beristighfar sebelum daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang besar kemungkinan boleh berlaku melalui undang-undang yang banyak mempunyai kelemahan, yang banyak mempunyai kecacatan bahkan kita menyedari bahawa terwujud satu penyakit dalam pimpinan Barisan Nasional iaitu penyakit yang menjadi gerabak kereta api, yang mengikut apa sahaja yang dibawa oleh kepala kereta api. Ini yang menjadi masalah.

Apa sahaja yang dikehendaki oleh pemimpin akan diikuti tanpa mengira betul atau salah, benar ataupun tidak. Ini menjadi satu perkara yang sangat malang bagi demokrasi sedangkan kita melihat dalam negara lain, ahli-ahli Parlimen kerajaan boleh mengkritik kerajaan, dibenarkan memberi pandangan, mereka berani tetapi dalam negara kita di mana Barisan Nasional telah mendidik ahli-ahli dia, bukan sahaja menghapuskan demokrasi secara umum bahkan menghilangkan demokrasi dalam parti dia sendiri sehingga menjadi takut, tidak berani hendak menegur dan

tidak berani mengkritik dan penyakit ini menyebabkan lidahnya tidak terasa sama ada masin ataupun masam, pahitkah, maniskah tidak ada terasa. Maka boleh menyokong apa sahaja yang dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin mereka.

Kita sepatutnya dalam negara demokrasi hendaklah menyuburkan nasihat-menasihati, kritik-mengkritik. Sama ada kritik dengan cara yang lembut, termasuklah kritik dengan cara yang kasar kerana mungkin orang yang melakukan kesalahan tidak menerima nasihat dengan cara yang lembut maka dikritik dengan cara yang kasar. Dan Islam menganjurkan supaya kalau lembut tidak berjaya maka dengan cara yang kasar.

Ada orang dengan cara yang kasar dia boleh menerima teguran-teguran itu. Kadang-kadang dia tersedar dengan cara yang kasar. Kalau kita membuat peraturan-peraturan ini sudah tentu kita akan menghapus dan menghakis budaya nasihat-menasihati yang digalakkan oleh Islam, yang digalakkan oleh agama kita. Bahkan Islam menganjurkan orang yang memerintah, apabila mendengar penentangan daripada rakyat hendaklah bersikap terbuka, hendaklah bersikap sabar, bersikap menahan marah, bersikap menahan tindakan yang melulu. Sebagai contoh...

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Peringat berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Seolah-olah kerajaan dan pihak UMNO dan Barisan Nasional hendak membersihkan masyarakat dan juga pilihan raya daripada fitnah, daripada maki hamun dan sebagainya dan mereka cuba menjadikan budaya maki hamun dan fitnah ini sebagai budaya PAS dan budaya BA. Seolah-olah mereka suci bersih daripada fitnah. Tetapi apabila kita tengok ceramah-ceramah mereka dan apa yang mereka ungkapkan terhadap kita mereka juga menggunakan perkataan-perkataan yang kasar juga, mereka gunakan televisyen, mereka gunakan surat khabar, radio dan Radio FM sendiri digunakan oleh Tan Sri Hussien Ahmad untuk memaki hamun kita atau mengata dengan kata-kata yang kesat kepada kita.

Jadi, kalau kita yang menggunakan perkataan-perkataan nasihat dan sebagainya kepada mereka, dia kata maki hamun dan fitnah. Jadi, ini seolah-olah kalau ibarat tayar kereta dipanggil makan sebelahlah, makan sebelah sahaja tidak begitu adil. Jadi, macam mana kita mengharapkan undang-undang ini akan berlaku adil. Minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengharapkan UMNO boleh berlaku adil dalam rang undang-undang ini. Bukan sahaja mereka mempunyai sikap yang tidak adil terhadap parti lawan bahkan terhadap sesama mereka sendiri.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam pertelingkahan yang berlaku dalam UMNO sendiri pun terdapat perkara-perkara yang sangat negatif sehingga berlaku tembak-menembak. Polis terpaksa menggunakan pistol untuk tembak ke udara bagi menyuraikan pergaduhan dalam mesyuarat di peringkat cawangan. Kalau cawangan macam itu, dia punya akar macam itu, sudah tentu pokok besar dia pun mempunyai penyakit-penyakit dan puaka-puaka yang membahayakan dan ini perlu dibaiki. Kita melihat sendiri kalau mereka tidak boleh menjamin demokrasi dalam parti mereka sendiri, berlakunya politik wang berbagai-bagai politik termasuk dalam pertandingan Puteri UMNO yang disiarkan oleh akhbar hari ini pun, masih tidak boleh dikawal dan terdedah dalam surat khabar. Kalau dalam parti mereka tidak boleh kawal, bagaimana mereka hendak kawal pilihan raya umum. Oleh kerana itu mereka tidak layak untuk menguatkuasakan undang-undang ini. *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading. Sri Gading. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang, Yang Amat Berhormat Dato' Seri daripada Marang. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Peringat, nama 'peringat'lah cuma tidak ingat sahaja dan jawapan daripada Yang Amat Berhormat, saya rasa tidak tepat...

Seorang Ahli: Dia buat dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalanlah. *[Ketawa]* Seksyen ini dia bukan antara UMNO dan PAS, seksyen ini ialah siapa sahaja yang terlibat dengan

pilihan raya sama ada dia parti UMNO, Barisan Nasional, parti pembangkang, DAP hatta Bebas pun. Apabila undang-undang ini nanti kita luluskan di Parlimen ini di hujung perbahasan ini, akan digunapakai oleh kita semua. Dia tidak berkaitan antara UMNO dan PAS. Ini yang kadang-kadang orang PAS selalu menyangka buruk tiap-tiap undang-undang yang dibawa dalam Parlimen ini dia akan memikirkan macam mana UMNO untung dan dia rugi. Walhal undang-undang itu ialah hendak menegakkan keadilan untuk digunapakai oleh rakyat Malaysia.

Jadi, saya harap Yang Amat Berhormat tidak usahlah menjurus kepada seolah-olah kita pula antara UMNO dan PAS ini. Betullah Yang Amat Berhormat orang PAS dan saya orang UMNO tetapi dalam membahaskan ini ialah kepentingan yang diambil kira oleh kerajaan dan juga SPR saya fikir ialah rakyat keseluruhannya supaya apabila lulus di hujung perbahasan di Parlimen ini digunapakai oleh semua. Ha, ini.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya kepada pimpinan Barisan Nasional. Kalau mereka tidak boleh mengawal diri dalam masa tidak pilihan raya, bagaimana mereka boleh mengawal diri ketika demam pilihan raya. Boleh jadi mengigau dalam masa pilihan raya. Kalau masa proses biasa sebagai satu contoh umpamanya, pinjaman yang wajib diberi kepada negeri-negeri dalam pembekalan air, pinjaman tanpa *interest* kepada semua negeri. Tetapi khusus kepada Negeri Terengganu dan Kelantan dikenakan *interest* 2%. Ini sebagai contoh. Di mana demokrasi?

Kita menerima dengan cara yang begitu mendukacitakan dengan cara yang menyedihkan. Mereka hendak bercakap tentang demokrasi. Kalau dalam keadaan biasa, dalam keadaan pentadbiran yang patut tidak dicampur aduk dengan sentimen politik tetapi dalam perkara bekalan air pun ada sentimen politik boleh berlaku. Walaupun begitu rupa, Kelantan dan Terengganu dapat menyediakan bekalan air yang cukup. Kalau kita pergi ke Kelantan dan Terengganu, tidak ada tempayan-tempayan di letak di tepi jalan sebagaimana di Johor [*Tepuk*] Di mana kita menghadapi dengan penuh sabar rupanya di Johor yang gerhana sungguh bukan di Kelantan. Inilah yang sepatutnya diketahui oleh rakyat. Satu perkara yang sangat menarik juga ialah dari segi penentuan tarikh pilihan raya. Sering kali secara teka-teki, kita melihat banyak negara dalam dunia diberitahu awal-awal tarikh pilihan raya ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ada yang dua tahun, tiga tahun sudah tahu, dua tahun sudah tahu. Ini tidak tahu secara mengejut beberapa bulan. Ada orang kata hendak tanya bomoh dahulu, hendak tanya nujum dulu. Ini budaya bomoh. ..

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Hendak menentukan tarikh pilihan raya pun tanya bomoh bukan melihat kepada keadaan-keadaan yang sihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi yang mana Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mana, mana bagi? Kota Bharu, ya. Sila.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ketua Pembangkang. Saya hendak minta respons kepada kenyataan Yang Berhormat bagi Sri Gading. *[Ketawa]* Sudah tahu? Hendak bagi *Ajinomoto* sikit. Seolah-olahnya kenyataan Sri Gading tadi apabila undang-undang diluluskan dilaksanakan untuk semua, seolah-olah pelaksanaan undang-undang ini dilaksanakan dengan adil dan saksama oleh pihak berkuasa Kerajaan Barisan Nasional. Sepanjang rekod Kerajaan Barisan Nasional mengenai pelaksanaan undang-undang di Malaysia ini, saya minta pandangan Ketua Pembangkang termasuk polis, kehakiman dan juga agensi-agensi kerajaan yang dikuasai sepenuhnya oleh Ketua Eksekutif negara ini, adakah dia berlaku adil kepada semua parti pembangkang termasuk rakyat jelata seperti ISA misalnya, Undang-undang Hasutan dan sebagainya. Minta penjelasan daripada Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kalau dalam perkara yang lain menunjukkan berlakunya kelemahan-kelemahan yang ketara maka apalah yang kita boleh harap daripada Undang-undang Pilihan Raya yang menjadikan pemimpin parti kerajaan yang memerintah tidak boleh mengawal sentimen politik dan penyakit politik

mereka. Sepatutnya undang-undang yang hendak mengawal demokrasi mestilah dilakukan secara demokratik. Sebagai contoh Undang-undang Hudud dan Qisas di Terengganu. Sebelum daripada dibawa ke Dewan Negeri, sebelum daripada rang undang-undang didraf terlebih dahulu, draf ini dihebahkan kepada rakyat, diadakan seminar, diadakan perjumpaan dengan kalangan akademik, dengan kalangan NGO dengan kalangan parti politik semuanya, draf ini dibincangkan di peringkat bawahan supaya betul-betul bersih dan lumat sehingga kita dapat membuat satu kesimpulan yang baik, maka digubal rang undang-undang. Rang undang-undang ini pun masih boleh menerima perubahan. Ini cara yang baik...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masih lagi membuat perubahan rang undang-undang ini pun. Ini apa yang berlaku rang undang-undang ini akan jadi rang undang-undang juga kerana mereka tidak menghormati demokrasi dengan cara yang sebenar, mereka mengambil peluang daripada majoriti yang mereka dapat sehingga undang-undang menjadi undang-undang sarang labah-labah, burung-burung yang kecil sahaja boleh melekat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Burung yang besar lalu dengan begitu bebas. Kita tidak mahu undang-undang pilihan raya ini akan jadi undang-undang sarang labah-labah...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kubang Kerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kata 'adil'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang sana saya sudah taghut.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dato' Seri Ketua Pembangkang. Saya hendak merujuk semula apa yang Yang Amat Berhormat telah sebut tadi berkenaan dengan tambahan kepada Seksyen 4 ini, *clause* yang baru sama sekali ini yang tidak ada dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya sebelumnya.

Pada pendapat saya apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi saya minta penjelasan, adakah bermakna dengan *clause* ini yang memberikan kuasa kepada pendakwa raya secara begitu luas dan bebas untuk memberikan definisi kepada apa yang dikatakan sebagai perasaan tidak puas hati. Satu perkataan yang sangat longgar, apa-apa sahaja boleh ditafsirkan sebagai tidak puas hati.

Dalam *clause* ini disebut bahawa apa-apa sahaja yang dikatakan menimbulkan perasaan tidak puas hati sama ada dalam bentuk penulisan buku, dalam bentuk komen surat khabar, dalam bentuk ucapan sama ada sebelum, semasa, selepas pilihan raya sepanjang masa mana-mana Ahli Parlimen yang telah dilantik ataupun mana-mana pemimpin yang telah dipilih oleh parti masing-masing akan terikat. Mereka bila-bila masa sahaja boleh dibawa ke mahkamah oleh kuasa politik yang memerintah untuk menganiayai mereka menyebabkan Kerusi yang mereka telah menangi akan kosong dan apa sahaja perkara yang dianggap sebagai tidak puas hati akan dikenakan ke atas mereka dan ini dengan sendirinya mematikan secara rasminya pada hari ini demokrasi kita setelah kemerdekaan 45 tahun dan ini implikasi yang ingin ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang. Saya minta penjelasan yang lebih luas terhadap implikasi rang undang-undang ini kepada demokrasi berparlimen negara kita.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu ruang bagi membolehkan cara bertindak sewenang-wenang dan mengikut prinsip perundangan yang diamalkan oleh masyarakat antarabangsa yang adil, yang mereka menerima daripada prinsip perundangan Islam yang telah direalisasikan sejak 1400 tahun yang lalu iaitu undang-undang yang lebih bersifat kepada mendidik bukan bersifat untuk bertindak. Oleh kerana itu maka pihak perundangan lebih bersikap dengan cara yang lebih terbuka dan pemaaf sehingga

mencari jalan untuk membebaskan orang yang dituduh, bukan mencari jalan untuk menjatuhkan hukuman juga walau bagaimanapun dan inilah yang akan berlaku daripada undang-undang ini, menjurus ke arah itu dan ini akan menimbulkan satu penyakit yang boleh menghakiskan demokrasi berparlimen dalam negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Larut bangun.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Amat Berhormat Terengganu, tahniah, diucapkan tahniah tetapi tidak tahulah Yang Amat Berhormat ada masa atau tidak ada masa hendak kejar Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur. Kenapa tidak bagi kepada rakan-rakan yang lain yang hendak naik Presiden yang ada itu? Patutnya agih-agihkanlah. [Disampuk]

Saya hendak minta penjelasan. Sebenarnya kita, UMNO terutamanya, sudah banyak bertolak ansur. Kalau kita kejam, saya terutamanya tutup PAS ini, menyusahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan, saya sudah hendak masuklah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk cepatlah! [Ketawa]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, kadang-kadang ambil masa sedikit supaya hendak bagi mereka ini faham [Disampuk] Undang-undang ini dibuat adalah untuk memperbaiki karenah-karenah, perangai-perangai, "kelaku-kelaku" kata orang Utara yang dibuat oleh PAS terutamanya dengan budaya samsengnya dan macam-macam lagi. Jadi dengan tujuannya supaya kita dapat mendidik. Kami ini yang sedar terutamanya dan sudah tentu Yang Amat Berhormat bersetuju pindaan akta undang-undang yang dibuat ini supaya perjalanan pilihan raya berjalan dengan baik supaya perangai PAS ini terutamanya, perangai, sikap tidak tahulah kalau sebelah Terengganu kata tidak tahulah, minta maaf, kata orang Utara perangai supaya berjalan dengan baik, dengan teratur, tidak dengan cara keganasan yang dibuat oleh parti pembangkang terutamanya. Jadi kita harap

supaya pindaan ini dapat mendidik lagi terutama yang sebelah sana yang tidak habis-habis dengan perangai, sikap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat nasihat bukan soalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, penjelasan. Mintalah bagi penjelasan. Jadi saya minta penjelasan supaya terimalah hakikat daripada pihak pembangkang tentang pindaan yang dibuat ini supaya perjalanan sistem pilihan raya dalam negara kita ini berjalan dengan baik. Kalau bukan punca daripada pembangkang, saya percaya sistem yang ada memang tidak akan dipinda tetapi kerana sikap yang telah dimulakan oleh pihak pembangkang menyebabkan desakan bukan daripada UMNO sendiri bahkan daripada rakyat supaya dapat mendisiplinkan pembangkang terutama pemimpin-pemimpin ini. Terima kasih, minta sedikit penjelasan.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, respons bagi perkara yang pertama insya-Allah saya mempunyai masa yang lebih banyak daripada rakan-rakan yang ada di hadapan ini [*Sambil menunjukkan ke arah tempat duduk di Blok A*] [*Tepuk*] dan akan hadir dalam Dewan ini dan tiap-tiap minggu saya akan hadir dan saya akan tahu ada rakan-rakan yang ada di hadapan ini tidak datang, tidak berani hendak jawab soalan, terpaksa Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri yang menjawab soalan ini dengan berbagai-bagai cara.

Yang kedua saya merasakan bahawa undang-undang ini bukan hendak mencegah samseng, saya bimbang undang-undang ini sendiri jadi samseng [*Tepuk*] [*Sorak*] Ini yang boleh berlaku. Undang-undang sendiri akan jadi samseng dan sehingga hari ini parti pembangkang menunjukkan rekod-rekod yang baik dalam semua pilihan raya umum dan pilihan raya kecil. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihan Raya Indera Kayangan, petugas parti Keadilan daripada BA telah dibelasah dan telah menjadi kes polis.

Dalam pilihan raya di Padang Terap tahun 80-an, seorang petugas parti PAS telah dibunuh dalam pilihan raya itu iaitu di Lubok Merbau dalam pilihan raya tahun 1982, selepas pilihan raya seorang petugas PAS dibunuh di kawasan Marang. Sila sebutkan statistik berapa orang yang sudah ada dalam UMNO yang sudah dibelasah, yang disamsengkan oleh kalangan pembangkang, tidak ada sehingga hari ini. Apa yang berlaku ialah pergaduhan dalam Barisan Nasional sendiri.

Pembunuhan Almarhum Datuk Taha di Negeri Sembilan, itu krisis dalaman UMNO dan banyak lagi di tempat-tempat lain.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Silakan, ya.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin menyentuh tentang sikap tadi. Sedarkah Yang Berhormat bahawa sepanjang Pilihan Raya Pendang dan Anak Bukit baru-baru ini, wujud satu kementerian baru dengan sebuah jabatan baru dengan seorang Setiausaha Parlimen baru yang namanya Kementerian Propaganda dan Setiausaha Parlimennya ialah Setiausaha Parlimen Propaganda yang menyiarkan rancangan-rancangan, video-video klip yang membelasah PAS, parti pembangkang setiap malam tanpa ada ruang sedikit pun bagi PAS untuk menjawab, ini tidakkah merupakan sikap negatif anti demokrasi yang ditunjukkan oleh kementerian ini yang ditaja oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bagi gelaran yang begitu tinggi. Saya lebih bersetuju diberi gelaran sebagai "Pengarah Filem" *[Ketawa]* pengarah filem yang diatur sebagai propaganda Barisan Nasional dalam masa pilihan raya umum.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini sangat malang bagi sebuah kerajaan yang sepatutnya meningkat dari semasa ke semasa, yang sepatutnya menyuburkan demokrasi dari semasa ke semasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...dan saya ingin mengalihkan perhatian saya kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Seorang Ahli: Sudah tahu!

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya sudah tahu *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, penentuan tarikh pilihan raya ini janganlah jadikan sebagai satu teka-teki sahaja. Tiap-tiap kali pilihan raya sebagai satu ramalan. Macamlah anak kita hendak tanya bomoh dahulu. Ini sangat malang. Sebuah parti yang berada di zaman bertamadun, zaman yang dianggap serba canggih, yang

sepatutnya tidak takut, tidak bimbang dengan perkembangan yang berlaku dengan rakyat yang dikatakan ekonomi sudah pulih, rakyat sudah menyokong....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Rakyat sudah menyokong begitu hebat, mengapa tidak diberi peluang supaya tempoh kempen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: :Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...supaya tempoh kempen begitu panjang dan pilihan raya diberitahu tarikh ini daripada awal sebagaimana yang berlaku di Amerika, di England, di Bangladesh, Papua New Guinea, negeri Orang Asli pun tahu awal. Di negara kita ini dua bulan, sebulan baru hendak tahu. Ini satu perkara yang merupakan ingin mengambil kesempatan daripada demokrasi bukan untuk menyihatkan demokrasi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Silakan, Setiausaha Parlimen saya bagi. Ha, Menteri, Menteri ya, sila.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya hendak tanya kepada Ketua Pembangkang iaitu di England, silalah beritahu bila Tony Blair menentukan tarikh pilihan raya akan datang?

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kebiasaannya ramalan yang diberi oleh rakyat, oleh media massa adalah tepat, kebiasaannya menunjukkan bahawa mereka mendapat maklumat awal yang lebih tepat bahkan kadang-kadang sikap rakyat pun mereka boleh tentukan melalui pungutan suara, melalui akhbar. Ini menunjukkan bagaimana ketelusan, bagaimana rakyat boleh menilai demokrasi dengan cara yang betul.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kalau hendak ikut England, ikutlah cara apa yang positif, jangan ambil yang negatif daripada England, ini yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen, sila. Sri Gading boleh duduk dahulu. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana memberi jalan kepada saya. Pada mulanya saya tidak mahu hendak pohon penjelasan. Ada beberapa perkara yang saya perlu penjelasan sesudah daripada semalam saya dengar Yang Amat Berhormat bercakap sampai hari ini, saya masih tertanya-tanya. Pertama, Yang Amat Berhormat tidak dapat membezakan antara sistem presiden dan sistem berparlimen sehingga yang tadi dikatakan tarikh mesti ditentukan. Kita pakai sistem Parlimen, jadi Yang Amat Berhormat harus tahu beza ini semua. Jadi macam kita kata ramalan pilihan raya ataupun tidak, sudah tentu kita bila sampai tarikh dia lima tahun hendak luput, boleh diadakan. Jadi Yang Amat Berhormat jangan bimbang pasal itu, satu.

Keduanya mengenai dengan peraturan-peraturan Akta Kesalahan Pilihan Raya tadi, ia dilakukan untuk diwujudkan peraturan, bukan soal seperti mana kata tadi Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu katanya untuk menyempitkan demokrasi. Saya rasa keseluruhan ucapan Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa kita ada demokrasi dalam negara ini. Kalau tidak ada demokrasi, saya rasa Yang Amat Berhormat pun tidak wujud.

Hari ini kalau kita kata kita sistem diktatorial, maknanya ada satu orang sahaja yang perintah dan kita hari ini sudah tidak ada parti pembangkang, kita boleh tutup parti pembangkang, apatah lagi trend yang berikut yang berlaku kepada setiap pilihan raya kecil kebelakangan ini. Maka sebab itu saya rasa diwujudkan akta yang sedemikian rupa supaya lebih teratur dan berperaturan dan peraturan-peraturan ini bukan hanya untuk mengenakan parti PAS, dia untuk semua pihak untuk melindungi pihak pengundi kalau tidak silap saya Yang Amat Berhormat, kerana kalau kita lihat baru-baru ini misalnya menggunakan perkataan kesat.

Kalau Yang Amat Berhormat kata pihak Yang Amat Berhormat boleh kritik, kita terima kritik malah pihak Barisan Nasional pun mengkritik kerajaan. Macam dalam Dewan ini, pihak *backbenchers* mengkritik pihak kerajaan, kelemahan-kelemahan kita tetapi kita hendak mengelakkan daripada macam ada pihak PAS kebanyakan ahli-ahli PAS yang menjalankan kempen dengan bahasanya kalau tidak silap saya bahasa "u'uk"nya itu, yang lebih dahsyat sampai benda yang tidak ada pun diada-adakan. Saya tidak mahu sebut satu kes sampai menuduh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri sekian, sekian, sekian yang telah ditunjukkan kepada kita. Ini macam seolah-olah pihak yang tertentu itu duduk dalam rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Hari-hari dia tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan cucunya buat kerja. Inilah pihak PAS dan Yang Amat Berhormat sebagai sekarang ini Presiden parti PAS apakah hendak menegur atau tidak ahli-ahli PAS yang terkeluar daripada landasan dan lunas-lunas Islam? Kalau hendak menegur pihak kami, kami rela menerima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Belum, belum. *[Disampuk]* Tidak perlulah *[Ketawa]* Ada hendak suruh saya cakap Inggeris pula, tidak perlulah. Ini Yang Amat Berhormat dia lebih fasih, kalau hendak suruh saya cakap bahasa Arab, saya tidak bolehlah. Begitu juga saya tanyakan tadi Yang Amat Berhormat bersetuju atau tidak kita -kata sistem kita masih beroperasi dan boleh kita pertahankan sistem demokrasi kita. Kalau kita tidak ada demokrasi maknanya kita tidak ada lagi pilihan raya. Kalau tidak ada demokrasi maknanya kita boleh tutup parti PAS. Kalau saya memerintah, kalau saya sebagai diktator, saya sudah tutup parti PAS, sudah lama saya tutup, sudah tidak perlu lagi *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tetapi kita masih berpegang kepada prinsip demokrasi maka kita benarkan malah parti PAS sendiri ada *Harakah*, penuh dia boleh cerita, sebab itu kita kata....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua faham, cukuplah, semua faham.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi saya minta penjelasan Yang Amat Berhormat, saya ucap terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih baik Yang Berhormat balik semula ke meja akademik untuk membaca surat khabar-surat khabar lama dan membuat kajian semula supaya memberi satu andaian yang lebih tepat, dan andaian yang betul terhadap apakah yang tersirat daripada rang undang-undang yang dibentangkan ini *[Ketawa]*. Apa yang menjadi masalah, ialah di sana terdapat tanda-tanda akan wujud penyakit-penyakit yang

boleh menghakiskan demokrasi. Ini yang berlaku dan inilah yang sedang membimbangkan kita sebenarnya, dan perlu dibuat pembetulan. Dan kritik ini adalah satu kritik untuk membuat pembetulan. Inilah gunanya pembangkang. Kalau tidak senang dengan pembangkang, ini menandakan bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sudah mempunyai satu niat yang tidak betul terhadap demokrasi. [Tepuk] Marilah kita melihat sendiri

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat dan Sri Gading bangun. Hendak beri yang mana satu?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Berhormat bagi Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat. Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk. [Ahli-ahli Dewan tertawa dengan gelagat Yang Berhormat bagi Sri Gading setelah diminta duduk]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat dalam istilah matematik ala Inggeris Malaysia ini, saya tidak hendak “plus” dalam kes ini, tidak hendak campur dalam kes ini, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah “plus” maka saya pun kena “plus”, campur jugalah dalam kes berkenaan dengan dakwaan bahawa hasrat Barisan Nasional ialah untuk mengekalkan demokrasi dan mengukuhkan demokrasi dalam negara ini.

Saya ada teks ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Julai di *The Harvard Club of Malaysia Dinner* – jamuan makan malam yang dianjurkan oleh *The Harvard Club of Malaysia*, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut beberapa perkara berkaitan dengan dilema yang beliau hadapi. Dilema yang pertama ialah bagaimana hendak menarik tongkat daripada bumiputera. Itu keputusan Yang Amat Berhormat dan kerajaan – hendak menarik tongkat daripada bumiputera, hanya seorang bumiputera sahaja yang dikekalkan tongkatnya, iaitu Ras Adiba Radzi, yang lain tidak akan diberi tongkat lagi. [Ketawa]

Yang keduanya, bagaimana hendak mengawal dan menyekat demokrasi. Ucapan Perdana Menteri saya mesti petik sepenuhnya berkenaan dengan demokrasi. Beliau kata, mesti dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “*Democracy is mainly about the people choosing the government to rule the country. It is assumed that the people will choose the good people, the right people*

who can form a good government, delivering to the people both their material and spiritual needs, developing the country and defending the country against foreign hegemony. But sometime the majority of the people may not be able to choose wisely because they have been completely brainwashed”.

Maknanya tafsiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau rakyat majoriti tidak pilih Barisan Nasional maka rakyat itu sudah tersalah pilih, walaupun majoriti menolak Barisan Nasional dan memilih parti yang lain untuk menjadi kerajaan. Akhirnya Perdana Menteri, saya ringkaskan, mengatakan, *“The dilemma that the Malays and the people of Malaysia faced, is whether we should in the name of democracy allow the country to be destroyed or we ensure that the people are not subjected to manipulations to the point where they will use democracy to destroy democracy.”*

Dan Perdana Menteri dalam *paragraph* yang saya petik sekali lagi, membicarakan tentang bagaimana terdapat negara-negara yang menghapuskan demokrasi dan menyekat parti-parti politik, menghapus dan mengharamkan parti-parti politik yang akan berjaya melalui demokrasi. Dan Perdana Menteri bertanya, *“Can we take a lift from their book and rift condemnation for not being democratic.* Maknanya, Perdana Menteri membayangkan dengan bahasa yang amat jelas bahawa beliau berhasrat kalau PAS dan pembangkang masih kuat dan mungkin berjaya di dalam pilihan raya yang akan datang, maka PM mentafsirkan rakyat sudah tersalah pilih dan oleh itu perlu dihapuskan demokrasi. Apakah pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tentang pandangan ini?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama menunjukkan bahawa rupanya Barisan Nasional yang ada hari ini hidup dengan tongkat – kalau tidak ada tongkat mereka tidak boleh bertahan. Dan saya bimbang undang-undang yang dibentangkan ini menjadi satu tongkat kepada Barisan Nasional [*Tepuk*] untuk mempertahankan diri, bukan untuk menghidupkan demokrasi.

Yang kedua, kita melihat bahawa seolah-olah Barisan Nasional yang dipimpin oleh Perdana Menteri, was-was dengan demokrasi – penyakit was-was terhadap demokrasi. Dan ini dapat dilihat sendiri bagaimana beliau telah memberi cek tangguh kepada timbalannya selama setahun. Biasanya cek tangguh ini beberapa bulan sahaja, tetapi cek ini tertangguh setahun lebih. Ini menunjukkan, menandakan was-was terhadap demokrasi, dan oleh kerana itu saya hendak memberi nasihat bahawa

tidak ada pemimpin yang boleh bertahan dalam dunia dengan menggunakan kekuatan, berundur dengan cara yang baik. Proses demokrasi adalah menjadikan pemimpin berundur dengan cara yang baik dan dihormati sepanjang masa sebagaimana yang berlaku di negara Barat

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Ada dua orang bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap. ... dalam keadaan yang dihormati. Jadi kita tidak mahu pemimpin dalam keadaan yang tidak dihormati. Bukan bermakna mengadakan undang-undang yang keras, menghapuskan demokrasi, boleh mempertahankan pemimpin. Apa yang berlaku kalau demokrasi dihapuskan, demokrasi dihakiskan, pemimpin diundurkan dengan cara yang tidak terhormat. Sepatutnya kita mengambil pengajaran daripada Suharto di Indonesia, mengambil pengajaran daripada Marcos di Filipina, mengambil pengajaran daripada banyak pemimpin-pemimpin dunia yang berundur diri dengan cara yang tidak terhormat.

Marilah kita menghidupkan demokrasi dengan cara yang baik, yang subur, jangan was-was, jangan bimbang, jangan takut. Dan kami sendiri tidak takut, tidak takut, tidak bimbang. Oleh kerana itulah kami boleh menerima kekalahan walaupun berpuluh-puluh kali - pembangkang boleh menerima kekalahan dan terus menyertai pilihan raya. Tetapi undang-undang yang dibuat ini, dengan depositnya, dengan peraturannya, seolah-olah hendak menghalang daripada rakyat menyertai pilihan raya dengan cara yang subur dan sihat. Ya, sila.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya melihat UMNO berada di tahap kecemasan yang amat sangat...

Seorang Ahli: Kritikal.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Kritikal. Seumpama orang yang kelemasan, yang akan mencapai apa sahaja yang berada di sekelilingnya, dan inilah yang dibuat oleh UMNO, menggunakan semua aspek untuk menghalang demokrasi, menggunakan demokrasi untuk menghancurkan demokrasi. Dan saya rasa, inilah kemuncaknya, yang diusahakan oleh UMNO, menggunakan Dewan ini untuk meluluskan rang undang-undang ini. Dan saya melihat kesan pilihan raya Anak

Bukit, Pendang, di tempat Perdana Menteri sendiri, yang mana Perdana Menteri sendiri yang turun ke padang, tetapi rakyat menolak, dan hari ini rakyat telah menunjukkan isyarat bahawa Perdana Menteri ditolak di tempat sendiri. Dan saya rasalah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Soalan? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sudah lupa?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya agak barangkali kalau saya minta pandangan Yang Berhormat, kalaulah UMNO menang hari itu, Perdana Menteri tidak timbulkan perkara ini, kalau dia menang di Anak Bukit. Minta pandangan, terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya percaya kalau mereka menang tetapi tidak menang *[Ketawa]*, sudah tidak menang, jadi saya tidak boleh hendak kata apa-apalah kerana dia sudah tidak menang. Dan oleh kerana itu kita melihat, menunjukkan tanda-tanda yang tidak sihat mengapa undang-undang ini baru hendak dibentangkan sekarang, difikir, setelah terkejut dengan keputusan di Anak Bukit, barulah hendak dibentangkan undang-undang yang begini rupa. Dan saya berbalik kepada tajuk saya, iaitu supaya penentuan pilihan raya ini ditentukan lebih awal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Larut bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sila yang di hujung sana, Yang Berhormat bagi Larut. Yang itu *[Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading]* saya sudah tahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Ketua Pembangkang. Terima kasihlah. Saya nafikanlah pasal demokrasi yang Ketua Pembangkang katakan tadi. Ketua Pembangkang sendiri tidak menunjukkan kepimpinan melalui teladan. Yang Berhormat bagi Dungun ada, Yang Berhormat bagi Pokok Sena ada, Yang Berhormat bagi Parit Buntar ada, Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada, Yang Berhormat bagi Kepong ada, bagilah *chance* mereka jadi Ketua Pembangkang, kalau hendak menghidupkan demokrasi. *[Disampuk]* Baik, tidak mengapa. Itu alasan. Cara, sikap PAS.

Cuma saya hendak berbalik kepada kenyataan Ketua Pembangkang tadi yang mengatakan, ramai yang kena bunuh waktu pilihan raya. Saya hendak minta

kepada Ketua Pembangkang, mengapa tidak buat *report, police report*. [Disampuk] Tidak, saya belum habis lagi, desak sehabis-habisnya supaya tindakan perlu diambil untuk menguatkan hujah Ketua Pembangkang tadi tentang buruknya pilihan raya, sekalipun pembangkang menafikan perbuatan ini berpunca daripada pembangkang. Jadi, janganlah berbelit-belit, mengaitkan isu yang tidak ada kena-mengena dengan pilihan raya untuk memperkukuhkan hujah Ketua Pembangkang yang kami hendak tunggu dan hendak lihat sebagai kepimpinan melalui teladan. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat yang tadi mengatakan demokrasi tidak wujud, sedangkan PAS sendiri tidak menunjukkan satu teladan untuk memberi rakan-rakan yang lain menjadi Ketua Pembangkang. Apa salahnya? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengharapkan Yang Berhormat mengumumkan jawatan Ketua Pembangkang kerana telah diumumkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyebut bahawa banyak yang terbunuh ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi SriGading bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: tetapi adanya kes bunuh. Masih tidak banyak, tidak banyak. Tetapi bila ada kes yang semacam ini menandakan tidak sihat dalam demokrasi, dan termasuklah demokrasi dalaman UMNO sendiri, dalaman Barisan Nasional sendiri, dalam MCA sendiri berlaku bertumbuk, dalam krisis MCA. Dalam DAP saya rasa tidak berlaku kejadian bertumbuk, bukan? Tidak ada. Ini Barisan Nasional, UMNO yang mengajar semua ini, budaya yang diajar oleh UMNO, MIC kejadian lempar kerusi. [Ketawa] Ini budaya yang berlaku dalam Barisan Nasional, budaya yang tidak sihat. Ya, persilakan rakan saya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin menarik perhatian apabila Yang Berhormat menyebut tadi, penyakit yang ada pada Perdana Menteri kita pada hari ini ialah penyakit was-was, sehinggakan kalau kita lihat, rakyat yang disebutkan tadi hendak menetapkan, mengagakkan tarikh pilihan raya pun sukar, apatah lagi dengan apa yang ada pada beliau sendiri, hendak menetapkan tarikh beliau meletakkan jawatan pun, ramai rakyat tidak percaya.

Dan hari ini saya rasa suatu krisis yang baru yang timbul di kalangan UMNO, ialah mereka ini percaya atau tidak Perdana Menteri beliau ini hendak meletakkan jawatan pada tarikh yang ditetapkan. Ini tidak usah bincanglah, kita yang dalam PAS ini tunggu dan lihat sahajalah saya rasa, sebab kita tidak yakin dengan apa yang dia buat. Dan kekecewaan Perdana Menteri ini sendiri, penyakit was-was ini sendiri, saya rasa banyak kali telah dibangkitkan di dalam Dewan ini. Apabila kita katakan membincangkan soal meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya ini sendiri, dianggap penting dalam proses demokrasi. Kalau Perdana Menteri tahu, saya rasa memang dia lagi kecewa. Dalam Dewan ini ada berapa orang UMNO, saya hendak tanya? Berapa orang UMNO yang mengatakan dia mempertahankan proses demokrasi. Inilah kekecewaan yang dilahirkan oleh Perdana Menteri dan penyakit was-was ini bertambah, dan saya rasa agaknya tarikh pilihan raya, tarikh hendak meletak jawatan pun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan Perhimpunan Agung UMNOlah. Ini Parlimen. *[Ketawa]*

Tuan Saupi bin Daud: Saya minta pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebab tarikh atau perkara-perkara ini terletak kepada Perdana Menteri. Jadi sukar bagi kita, kalau hendak percaya kepada orang yang mempunyai penyakit was-was. Memang kita tidak boleh percaya. Jadi saya minta pandangan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, jadi masalahnya makmum masih ikut. *[Ketawa]* Ini yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua. Kalau di kalangan makmum sendiri sudah tidak yakin dengan tarikh yang dibuat, bagaimana kita daripada kalangan parti lain ini hendak percaya? Oleh kerana itu kita menerima dengan cara sambil lalu sahaja. Apa yang penting ialah kita pula menyuburkan demokrasi melalui undang-undang ini, bukan mengambil kira undang-undang ini sahaja yang perlu dibaiki semula. Yang lebih membimbangkan lagi ialah bagaimana undang-undang ini hendak direalisasikan dengan cara yang seadil-adilnya. Oleh kerana itu saya mengharapkan biarlah kita penuh bertanggungjawab di dalam mengemukakan undang-undang, bukan untuk masa kita sahaja bahkan untuk generasi yang akan datang yang dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila.

12.30 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional menyokong sekuat-kuatnya Rang Undang-undang 72002 Akta meminda Kesalahan Pilihan Raya 1954. Kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat dan pihak Yang Berhormat. Memang tepat dan sesuai, memang kena, memang tepat, sesuai dan memang kena masanya undang-undang ini dikemukakan untuk kita bahaskan dan sudah tentu kerana undang-undang ini memang molek dan cantik, maka sudah tentu Yang Berhormat bijaksana-bijaksana di dalam Dewan ini akan menyokong dan meluluskan.

Selepas itu kita guna pakai apabila ada pilihan raya yang berikutnya. Pilihan raya adalah sesuatu proses, saya hendak petikkan sedikit apa yang dibaca oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi iaitu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pilihan raya adalah satu proses amalan demokrasi

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kubang Kerian saya tahu, saya sudah agak, selepas ini Tumpat pula, selepas itu Setiu, Tanah Merah, Kota Bharu, Pokok Sena, Kuala Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ingin berikan laluanakah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya berikan laluan sahabat saya sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit sahaja, adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading menyokong penuh rang undang-undang ini, dia baca atau tidak rang undang-undang ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya belum habiskan ayat saya. Saya hendak mendefinisikan makna pilihan raya ini. Suatu proses mungkin tidak tepat Yang Berhormat Datuk Menteri boleh betulkan saya. Kalau hendak membetulkan sekarang pun boleh, hendak membetulkan dalam penggulungan pun boleh. Pilihan

raya suatu proses amalan demokrasi bagi membolehkan rakyat memilih untuk menentukan kerajaan bagi mentadbir dan memerintah negara bagi sesuatu masa.

Bagi membolehkan rakyat memilih ini dan ini lah di antara amalan-amalan yang cuba hendak diutarakan oleh rang undang-undang ini supaya diguna pakai oleh sesiapa sahaja yang ingin masuk dalam pilihan raya itu supaya rakyat yang menjadi perkara pokok di dalam demokrasi pilihan raya ini tidak terhalang, tidak terbantut, tidak disusahkan, tidak ditakut-takutkan, tidak diancam untuk mereka menggunakan hak mereka sebagai rakyat untuk menyuarakan pilihan mereka. Maknanya rang undang-undang cuba memberikan suatu ruang lingkup yang seluas-luasnya kepada rakyat agar mereka benar-benar rasa aman, tenteram, bebas dan begitu telus, begitu rasa merdeka, tidak ada rasa ketakutan. Dia boleh menggunakan hak dia dalam masa yang tertentu daripada pukul 8.00 pagi umpamanya sampai pukul 5.30 petang, bila-bila masa hendak menggunakan, bila-bila masa dia hendak datang, bila-bila masa dia hendak mengundi, tidak ada sesiapa yang boleh menghalang, mengganggu, menggugat, menggertak, mengancam, lebih-lebih lagi mengurung.

Pilihan raya kecil di Anak Bukit dan di Pendang masya-Allah, astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim, saya pun berada di sana dua minggu membantu sahabat saya yang hari ini sudah pun mengisi kekosongan kerusi Pendang yang semalam mengangkat sumpah. Menolong beliau dan menolong seorang lagi rakan saya, sahabat lama saya di Anak Bukit, masya-Allah saya pun tidak pernah melihat semacam itu gelagat orang dalam pilihan raya, dahsyat oh.... astaghfirullahalazim,

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batang Lupar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Batang Lupar silakan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Ketawa]* Terima kasih Datuk kerana dibenarkan mencelah. Saya mendengar ucapan astaghfirullahalazim, masya-Allah dan pelbagai lagi tetapi penjelasan belum dibuat. Jadi saya minta Yang Berhormat bagi Sri Gading berikan penjelasan, tunjukkan kepada masyarakat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mungkin tidak semua melihat apa yang

telah berlaku dan dibuat oleh pihak pembangkang semasa pilihan raya itu. Kita hendak melihat apa yang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan terangkan. Saya membuka dengan mukadimah yang begitu rupa hendak membayangkan betapa dahsyatnya astaghfirullahalazim, mana ada pilihan raya orang selak kain oh.... [*Ketawa*]. Ini sebagai contoh, dia selak kain untuk apa? Tunjukkan dia punya 'asam kecut' astaghfirullahalazim buat apa. [*Ketawa*].

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, Peraturan 36(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat oleh kerana perkara ini dalam tindakan mahkamah jadi kita tidak perlu menyentuh perkara ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dalam mahkamah tuduhan kerana.... Tetapi saya menggunakan perkataan 'selak kain', sama juga ya. Cuma saya menggunakan..

Tuan Husam bin Haji Musa: Tanya Menteri..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak tahulah sama ada boleh, saya gunakan perkataan 'asam kecut'. [*Ketawa*].

Tuan Hassan bin Mohamed [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat besut bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey Yang Berhormat bagi Besut sahabat saya.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih saya hendak menambah cerita sedikit. Cerita selak kain ini, saya sudah lama mendengarnya, semasa di Bentong, pilihan raya Ketari, yang selak kain ini orang cerita di kedai kopi, yang selak kain itu Puteri UMNO tetapi orang PAS ini dia tidak report polis perkara remeh seperti ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita tidak mendengar pula reportnya bukan? Tetapi kalau kes yang saya hendak sebutkan ini agaknya ada orang faham, itu yang sedang berjalan di mahkamah, saya beralih ke lain. Dalam kempen dia boleh menggunakan perkataan-perkataan memaki hamun, tegak memaki hamun, saya kadang-kadang orang PAS, saya minta maaf orang PAS, saya kasihan dengan orang PAS kadang-kadang, macam katalah Kuala Kedah punya bahasa. Dia kata Perdana Menteri sudah tidak menggunakan lagi perkataan pahala yang dipakai ialah ooo.. astaghfirullahalazim bermakna orang PAS selama ini tidak mendapat pahala

hanya mendapat ooo sahaja. *[Ketawa]*. Tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Marang dan rakan-rakan dari PAS.

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Bharu, Besut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagilah saya beri semua bercakaplah. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Mohamed: Dua-dua bercakap sekali Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Bagi Sri Gading, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat tertarik hati dengan hujah-hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading walaupun macam tidak berhujah. Tapi saya dengar juga, saya cuba dengar dan faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading yang melontarkan semua kesalahan, kelucuhan dan ketidakbaikan ini kepada parti pembangkang. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya pernah hadir bersama di hari penamaan calon di Likas yang menyanyikan lagu-lagu lucah secara beramai-ramai. Saya tidak mahu menyebut lagu-lagu yang dinyanyikan itu oleh Ketua Pemuda UMNO sendiri yang sekarang ini adalah Menteri Belia dan Sukan dan termasuk juga seperti yang berlaku kepada Menteri Besar Pahang, bukan sahaja di Sanggang, bukan sahaja menyanyi tetapi menunjukkan kelakuan-kelakuan, simbol-simbol yang lucah itu. Ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Yang kedua, saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah terperangkap dengan perangkapnya sendiri. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi ialah hujah-hujah yang dilihat dari televisyen Malaysia yang *diorchestrated* yang direncana sendiri oleh UMNO dan Barisan Nasional, menayangkan kepada rakyat bahawa pembangkang ini seperti itu. Kemudian Yang Berhormat bagi Sri Gading datang ke Dewan yang mulia ini berhujah dengan apa yang dirancang oleh UMNO sendiri. Saya rasa ini tidak munasabah sebagai seorang Ahli Parlimen yang ditayang dalam televisyen ini yang dirancang sendiri oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Nampaknya ini terperangkap dengan apa yang dirancang sendiri supaya rakyat menerima apa sahaja yang dibuat oleh media massa. Saya meminta Yang

Berhormat bagi Sri Gading kalau bolehlah kita hormat dengan Sri Gading ini dengan istighfar yang begitu baik cubalah kita objektif sedikit penghujahan ini. Saya ini tidak tahulah macam mana 'dok' perhati tengok nak mencari kebenaran. Cubalah Yang Berhormat bagi Sri Gading jelaskan yang sebenarnya apakah sebenarnya Yang Berhormat hendak. Dahulu saya pernah bertanya Yang Berhormat Sri Gading dalam Dewan ini, Yang Berhormat berucap ini hendak suruh kami dengar kah atau hendak suruh boss Yang Berhormat dengar. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Inilah masalah orang PAS, KeADILan, pembangkang ini lah masalahnya. Apabila kita bangkitkan di Dewan ini apa yang ditayangkan di televisyen, dia kata saya terperangkap tetapi Yang Berhormat bagi Kota Bharu kena fikir juga dan juga pembangkang yang lain, apa yang ditayangkan di televisyen itu asalnya VCD yang dirakamkan oleh parti PAS sendiri. Dia sudah rakam cerita daripada yang kita sama-sama dengar, baik apa yang mengatakan Tuhan samseng, baik yang mengatakan 'ooo' dan ada yang mengatakan Perdana Menteri begitu, begini.

Semua VCD yang disiarkan oleh RTM1 itu asalnya VCD yang dirakamkan sendiri oleh orang PAS yang dijual di seluruh negara dalam usaha mereka mencari kewangan, bukan kami punya rakaman.

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap-sekejap. 'Asbursuraya' dengan izin, bukan kami punya rakaman. Perkara itu sudah disebarluaskan oleh PAS dalam keghairahan PAS mengutuk, memfitnah, mengata, mengumpat keji pemimpin-pemimpin UMNO dan kutukan kejian fitnah, pembohongan pemimpin PAS itu digemari oleh orang-orang PAS maka itu laris VCD mereka macam pisang goreng. Tetapi akhirnya oleh sebab orang PAS pun sudah jelik sangat pembohongan-pembohongan itu, ada yang agaknya entah macam mana sudah memecahkan segala rahsia itu dan memberikan kepada RTM kah, jual kepada RTM kah atau RTM dapat agaknya. Oh lebih baik daripada PAS mengedarkan secara sulit kepada ahli-ahlinya. Mari kita dedahkan kepada rakyat. Apabila RTM mendedahkan kepada rakyat PAS merasa kepanasannya oh...panas kerana dia tahu senjata sudah memakan tuan. Ini yang dikatakan tadi abang saya Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, 'sebab pulut santan binasa' 'sebab mulut badan binasa'

Yang Berhormat, saya ingat dalam gulungan kena gunakan bahasa-bahasa indah ini *[Ketawa]* Yang Berhormat pun cantiklah ya, saya tidak berapa, bukan orang Negeri Sembilan *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih. Saya hendak tanya, perkataan apa yang hendak dipakai kalau tidak pakai perkataan “pahala” sebagaimana yang dilarang oleh Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak jelas, ulang.

Tuan Hassan bin Mohamed: Sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi dalam kes pita video yang digunakan dalam kes sahabat kita Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang memfokuskan perkataan dosa dan pahala, isunya dosa dan pahala yang dilarang sebut oleh Perdana Menteri. Dan perkataan ‘uk, uk’ itu, hendak ganti, bukan hendak ganti, apa perkataan hendak pakai kalau tidak pakai benda itu. Bukan persoalan ‘uk, uk, uk’ itu, persoalannya Perdana Menteri mengatakan tidak boleh pakai dosa, pahala ini, tepikan dosa, pahala.

Persoalannya itu dan hari ini, tayangan itu ditayang hari-hari dalam TV dan saya rasalah rakyat sudah hendak muntah tengok itu. Kalau makan pulut hari-hari tidak tahan juga. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, okey. Nombor satu saya hendak beritahu di dalam Dewan yang mulia ini, hendak beritahu Yang Berhormat dan hendak beritahu seluruh dunia, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Perdana Menteri tidak pernah sekali-kali melarang penggunaan bahasa pahala dan dosa, tidak pernah. Jangan buat fitnah, tidak baik. Takkanlah Yang Amat Berhormat seorang Islam, yang telah lama dalam perjuangan ini sehingga tergamak untuk melarang orang menggunakan perkataan dosa dan pahala. Dosa dan pahala ialah bahasa yang digunakan oleh seluruh manusia di dunia ini, tidak pernah.

Jadi, ini salah satu lagi fitnah yang digunakan oleh orang PAS dalam usaha mereka hendak menarik orang ramai supaya benci kepada Perdana Menteri dan benci kepada pemimpin UMNO, kerana hujungnya ialah apabila benci sana, suka sini, tidak sokong sana, sokong sini, tidak undi sana, undi sini, sana kalah, sini menang. Itu hujungnya lain tidak ada, dia punya matlamat ialah pilihan raya. Jadi, rang undang-undang ini

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bachok hendak bercakap juga. Sila.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. 28 fasal pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya ini yang pada pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, apakah ia memberi suatu keyakinan kepada rakyat bahawa pihak kerajaan yang memerintah Barisan Nasional tidak akan menyalahgunakan saluran-saluran media seperti TV ataupun surat khabar, ataupun RTM secara langsung sebagai alat propaganda kepada Parti Barisan Nasional di musim pilihan raya ataupun di luar musim pilihan raya.

Misalnya dalam kes pilihan raya Pendang, Anak Bukit baru-baru ini saya merujuk kepada klip video yang ditayangkan untuk *react* kepada ucapan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, di Besut, dalam suatu perhimpunan Hari Peneroka yang dibuat di Pendang. Musim itu musim kempen pilihan raya, Perdana Menteri hadir untuk berucap merasmikan sambutan Hari Peneroka berkenaan tetapi yang disiarkan ialah satu reaksi Perdana Menteri sendiri untuk jawab hujah Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dengan menunjukkan satu *signal* pusing di sini [*Memusingkan jari telunjuk ke kepala*] Dituju khusus kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Ini suatu daripada kaedah, saya hendak menarik perhatian, 28 fasal yang dipinda dalam akta ini tidak ada satu jaminan:

- i. media kerajaan disalahgunakan, tidak boleh dikawal menerusi undang-undang ini;
- ii. perbuatan-perbuatan yang saya yakin, *signal* kepada pusing kepala ini [*Memusingkan jari telunjuk ke kepala*] Ada satu maksud niat tidak baik kepada Kuala Kedah tetapi ditayangkan juga oleh RTM.

Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bachok dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, pun sudah sampai [*Yang Berhormat Kuala Kedah memasuki Dewan*] Kalau RTM memberikan penerangan, penjelasan, pembangkang akan kata diayah. Pembangkang senang sahaja, dia putar sahaja ayat itu, sedangkan kepada RTM ialah kerana hendak memberikan pendidikan, maklumat, penerangan, yang mana penerangan, maklumat dan pendidikan ini amat penting kepada rakyat. Itulah salah satu kerja kita punya TV dan radio tetapi oleh sebab sangka buruk parti pembangkang maka dia kata ini sebagai diayah.

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kuala Kedah, silakan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya mengikuti ucapan, berada di luar tadi, hari ini tidak berapa sihat sikit tetapi saya tengok merapu sangat. Begini sahajalah. Soal diayah tidak diayah, fitnah tidak fitnah, rakyat perlu diberi maklumat. Kerajaan sudah tiba masanya beri *life telecast* Parlimen kepada rakyat, biar rakyat menilai. Setuju atau tidak supaya kerajaan beri Parlimen ini siaran terus menerus, biar rakyat tengok sidang Parlimen dan rakyat boleh menilai parti mana, siapa yang mereka hendak pilih.

Soal 'uk, uk' dan sebagainya kalau kita hendak bahas perkara ini, siarkan sepenuh-penuhnya ucapan CD itu. Yang lainnya, saya rasa nampak Perdana Menteri ini telah melewati paras luput pemikirannya, *expired date*. Misalnya, Pilihanraya Anak Bukit, mula-mula dia kata pembangkang menang kerana 2000 pengundi Kubang Pasu datang mengundi di Anak Bukit. Lepas itu apabila kita cabar, saya akan cabar dia kalau ada 2000 atau di sekitar 2000 orang Kubang Pasu mengundi di Anak Bukit, saya akan letak jawatan sebagai Ahli Parlimen Kuala Kedah. Minggu lepas dia tarik pula, dia kata 500 pengundi luar. Ertinya Perdana Menteri bercakap tanpa maklumat, begitulah juga soalan pahala dosa kalau hendak bahas ini panjang.

Perdana Menteri juga berlagak sebagai Tuhan bila beliau mengatakan Haji Hadi, Nik Aziz masuk neraka kalau laksana hudud. Yang menentukan neraka, syurga ini hanyalah Allah. Kita hanya kalau kata, barang siapa, boleh tetapi sebut nama Haji Hadi masuk neraka dalam ucapannya di Terengganu. Perkara seperti inilah kita tegur sebab itu caranya, *life telecast* kan Parlimen ini biar rakyat menilai. Itu setuju atau tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apabila ucapan pembangkang dia minta kita ucapan penuh tetapi ucapan Perdana Menteri di mana-mana pun yang disedut oleh orang PAS ialah sekerat-sekerat. Dia pun tidak terangkan kepada rakyat secara sepenuhnya, disedut-sedutnya maka itu ada tuduhan, seolah-olah Perdana Menteri jadi Tuhan, saya tidak tahu Kuala Kedah. Soal ucapan seperti ini kadang-kadang boleh mengalih kita punya akidah, ini kalau kita hendak bercakap akidah. Pembangkang pun kadang-kadang tidak berlaku adil kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, disedut ucapannya sekerat-kerat sehingga hendak menzahirkan bahawa Perdana Menteri itu salah. Boleh, senang, samalah.

Jadi, pembangkang tuduh kita, ucapan dia tidak disiarkan sepenuhnya. Yalah, siapa hendak dengar pula ucapan sepenuhnya sepanjang-panjang Kuala Kedah merapu, hendak kita keluarkan di TV hampir satu jam, buat apa, sikit-sikitlah.

Tuan Mohamad bin Sabu: *Life telecast* di Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Life telecast*, saya minta maaf. Kalau *life telecast* saya rasa yang rugi ialah PAS ataupun parti pembangkang [*Disampuk*] Pasal rakyat ini ramai yang boleh menilai, mana yang betul, mana yang tidak. Kalau kita hendak lihat, banyak ucapan pembangkang-pembangkang memanglah dia punya cara pidato, orang memang pandai berpidato, itu kita akuilah tetapi kadang-kadang lari daripada fakta. Jadi, apabila penggulungan dibuat, kadangkala penggulungan ini tidak hendak didengar oleh orang lain, oleh pembangkang dan rakyat.

Tetapi kalau agaknya ucapan pembangkang disiarkan secara sepenuhnya lepas itu penggulungan oleh Menteri mempertidakkan segala tuduhan, rakyat akan terdedah kepada benda-benda yang betul. Akhirnya orang tahu bahawa pembangkang bercakap sahaja di Parlimen, tidak buat apa pun kepada rakyat. Jadi, pada saya, tidak disiarkan secara langsung sudah pun menguntungkan orang PAS ataupun pembangkang. Jangan fikir pembangkang akan merasa, kalau dia punya ucapan disiarkan bahawa dia akan jadi hero. *No*, belum tahu.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kubang Kerian. Oh! *You* hendak. [*Ditujukan kepada Batu Pahat*] Oh! Tetapi saya di sana dahulu. UMNO lebih adil daripada PAS, bagi dahulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dalam sejarah RTM kebelakangan ini baru 4 klip video disiarkan, sedangkan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ini sudah menjadi Ahli Parlimen sudah lama. Dan, dia berucap dalam ceramah tersebut sekurang-kurangnya satu jam dan kadang-kadang dua jam. Sepanjang ceramah para pemimpin pembangkang yang begitu ramai dan sepanjang masa ceramah yang begitu panjang hanya ada satu, dua, tiga yang diputarbelitkan, *distorted version* nya, yang disiarkan oleh RTM. Ini sahaja kemampuan mereka, sedangkan kalau kita dengar hujah Sri Gading, seluruh ucapan pembangkang adalah fitnah, seluruh ucapan pembangkang adalah kotor.

Mengapakah fitnah yang begitu banyak, kekotoran yang begitu banyak, tiga klip video ini sahaja yang mampu dikeluarkan, itu pun dalam *distorted version*. Macam perkataan 'barua', dikatakan sekali tetapi jadi tiga kali. Ucapan saudara Mohamad Sabu diputarkan dan dicampurkan dalam satu versi. Sebab itu kita hendak ucapan ini disiarkan sepenuhnya supaya dalam konteks ucapan itu dilafazkan, bukan *out of context*. Ini keadilan dan ini yang dilakukan oleh RTM pada hari ini dan *point* saya ialah jika itu sahaja klip video yang dapat dihasilkan bermakna saudara Mohamed Sabu, 59 minit yang lain bercakap dengan fakta dan kebenaran. Bermakna ucapan Tuan Guru Nik Aziz yang lain adalah fakta dan kebenaran. Kenapakah ini tidak ditonjolkan? Itu satu, satu contoh.

Sekarang RTM menyiarkan klip Kelantan Gerhana. Saya boleh tunjukkan contoh bahawa sebahagian daripada orang yang diambil untuk bercakap dalam klip ini diupah, dijanjikan oleh PPM, mereka akan mendapat bantuan tertentu dan wang ringgit secara tunai dan mereka menandatangani satu borang khusus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat keluarkan soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak minta penjelasan. Mungkin dia tidak tahu, pasal dahulu saya pernah cadangkan dia minta jadi Setiausaha Parlimen, dia tidak mahu. Jadi, naik Zam ini susah sikit. Di bayar oleh RTM dan mereka diminta duduk dalam reban kambing untuk mengaku sebagai rumah, dapat bayaran. Projek yang terbengkalai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah berhujah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya hendak meminta penjelasan satu lagi, saya hendak tahu Sri Gading tahu atau tidak. Projek terbengkalai, memang ada projek yang terbengkalai tetapi dalam neraca keadilan, ada atau tidak projek yang berjaya. Mengapakah projek yang berjaya tidak dimasukkan dan inilah hasutan, inilah kedengkian, inilah kebencian, inilah kezaliman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup, cukup. Masa Yang Berhormat. Cukup, cukup. Yang Berhormat Sri Gading panjang lagikah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh panjang, boleh pendek, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat pilih panjang atau pendek? Dua minit lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa hendak kata panjang, panjang juga Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Panjanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sambung, sambung. Teruskan, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sambung ya. Terima kasih sahabat saya Kubang Kerian, semalam dia tidak ada, saya pun risau. Saya suka berbahas dengan Kubang Kerian ini, dia seorang yang ahli fikir, ahli pidato hebat. Ini semua sama *standard* lah dengan Kuala Kedah, Pokok Sena, dia memang tokoh-tokoh pelapis bagi PAS. Saya rasa PAS kalau tidak ada orang ini semua payah juga, saya ingat sudah lama kena tolak tetapi nasib baik ada beberapa tokoh ini yang pandai.

Kelantan Dalam Gerhana, kita sebut pun gerhana, maknanya ada yang molek, ada yang tidak molek. Kalau kita dengar mukadimah rancangan ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sekarang menunjukkan pukul 13.00.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: 13.00 kita berhenti makan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sambung pada petang ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk menyambung ucapannya.

2.30 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung semula apa yang telah saya sampaikan pada sebelah pagi tadi. Mudah-mudahan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dapat saya memberi beberapa perkara lagi yang berkaitan dengan akta ini ataupun dengan Rang Undang-undang DR.7/2002 ini. Di dalam Fasal 26, seksyen 26 ini, ada perkataan 'barung' atau agaknya 'barung' ini terjemahan perkataan 'pondok'. Dalam pilihan raya, kami parti politik lebih mahir menggunakan perkataan '*polling booth*' atau 'barung' ini. Saya rasa Yang Berhormat bagi Kuala Pilah faham perkataan 'barung' ini. [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah*]

Dato' Napsiah binti Omar: Pondok panas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pondok panas, pondok panas. Dalam pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menjadi masalah paling besar, pondok panas ini yang menyebabkan jalan raya *jammed*, inilah dia, *jammed* pondok panas tempat parti-parti politik yang bertanding atau calon yang bertanding, tempat yang akhir sebelum pengundi masuk ke dalam kawasan untuk membuang undi. Bagi parti Barisan Nasional yang memang pekerjaanya sopan santun dan lemah lembut, saya ingat Yang Berhormat bagi Kuala Pilah setuju dengan saya, tidak ada jadi masalah, tidak menyebabkan halangan, *traffic jam*, kereta diletakkan sebarang sehingga menyekat lalu-lalang, menyusahkan orang. Tetapi, bagi parti pembangkang Tuan Yang di-Pertua, 'Huh!' 'Huh!' 'Huh!'....[*Menggeleng-gelengkan kepalanya*] ini yang berlaku di Pendang dan di Anak Bukit, di Sanggang, di Likas, di Lunas, *jammed*.

Jadi, dalam akta ini, mentiadakan, ini satu langkah yang paling bijak saya ucapkan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini dan saya hendak ucapkan tahniah kepada SPR, sebuah badan bebas yang memang benar-benar menjalankan tugas dan tanggungjawab dia bagi melihat kepentingan rakyat dan pengundi berjalan dengan sebaik-baiknya. Saya rasa, ini salah satu daripada beberapa contoh yang boleh kita ambil dari rang undang-undang ini bagaimana pekanya kerajaan bagi menentukan kelangsungan

pengundi-pengundi keluar mengundi ini dalam keadaan aman, tenteram dan terjamin.

Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, di pondok panas ini, *astaghfirullahalazim, lailahailallah*, kadang-kala tidak munasabah dengan pakaian berserban, berjubah tetapi ya Allah, mulutnya, kelakuannya, di sinilah baru kita nampak kadang-kadang *Allahu Akbar, astaghfirullahalazim*, tidak padan dengan rupa. Kelakuannya, rupanya luar batasan. Lebih baik lagi budak-budak yang pakaiannya kadang-kadang macam yenkee dan sebagainya, lebih tertib lagi. Ini, pondok panas. Dalam istilah ini, 'barung'. Saya pun hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dari mana dia.....[Disampuk]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia tidak ada, tidak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apa. Dia tidak ada, dia punya orang ada. [Ketawa] Dia akan sampai dan saya ingat dia ada di mana-mana dalam sistem yang begini canggih, dia boleh dengar semua.

Puan Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haa, okay. Tetapi dia dapat dengar saya punya cakap. Saya punya cakap dia orang faham. Tidak percaya, tengok nanti dia akan jawab. Saya cuma hendak minta menteri ini untuk menerangkan dari mana perkataan 'barung' ini? Kalau kampung saya 'barongan'. Itu dalam bahasa Jawa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bajingan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Laa, itu bajingan lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lain, lain. Bajingan lain. Itu bajingan macam Pokok Sena. Itu Pokok Sena, orang kampung saya panggil bajingan. [Ketawa] Tetapi, orang mengerti, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Cakap Jawa ini pun sedap ya, baik cakap Jawa ini, halus. Cakap Jawa ini antara bahasa yang paling tepat di dunia. Ia berlapis-lapis. Pokok Sena bukan faham itu, bajingan itu apa maknanya. Dia tidak faham. Faham? [Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menggeleng-gelengkan kepala]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haa ini, cuma satu pula, ini pandangan. Apabila pondok panas atau 'barung' ini sudah ditiadakan. Maknanya, semua parti politik dan siapa calon yang bertanding tidak boleh lagi menggunakan pondok panas, ataupun 'polling booth' ataupun 'barongan'. Tidak kiralah apa istilah ia tetapi

itulah bendanya. Itulah 'binatangnya' itu, pondok itu. Saya harap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggunakan, minta SPR pula, ini SPR, kita tidak hendak kacau SPR. SPR harus menentukan pula barisan pengundi-pengundi yang datang jangan beratur terlampau panjang pula di luar tempat dia mengundi. Kadang-kala pengundi-pengundi ini hendak dapatkan nombor awal dulu di peringkat luar daripada bilik mengundi ini, dia kena menunggu panjang pula. Jadi, saya harap SPR kena tentukan beberapa meja yang secukupnya supaya barisan pengundi yang hendak menunggu masuk ke dalam bilik mengundi ini jangan terlampau panjang.

Almaklum, kadang-kadang pengundi-pengundi tua dan saya setuju dengan SPR, dalam Buku Daftar Pemilih sekarang ini, SPR menggunakan susunan berdasarkan tahun lahir. Jadi, saya harap SPR dalam menentukan saluran satu, dua dan tiga, selalunya tiap-tiap saluran itu ialah nombor 1 sehingga 700, itu satu saluran. Maknanya, kalau daerah mengundi itu, katalah sampai 2,000 lebih pengundi, kadang-kadang dia tiga saluran. Saluran satu, nombor 1 sampai 700; 701 sampai 1,400; 1,400 dan seterusnya. Begitulah satu saluran 700. Ini pengalaman saya dalam pilihan raya yang lepas. Cuma, saya harap oleh sebab dalam daftar pemilih kali ini, bahawa susunan nama-nama dalam buku daftar itu mengikut tahun lahir.

Bermakna SPR tahu, saluran-saluran orang tua yang nombor kad pengenalnya 3, pangkal 3, pangkal 4 ini atau pangkal 2, itu sudah tentu 60, 70, 80 tahun ataupun 50 tahun pangkal 5 umpamanya, supaya saluran-saluran ini disedikitkan jangan 700. Supaya apabila mereka keluar mengundi saluran ini oleh sebab nombornya sedikit jadi tidak berapa panjang. Kalau saluran agaknya lahir pada tahun 70-an, itu bolehlah panjang sedikit, tapi jangan panjang sangatlah, jadi saya harap SPR tentukan oleh sebab ditiadakan 'barung' ini, oleh sebab ditiadakan peti pondok panas ini saluran tempat pengundi-pengundi mengecek sama ada nama mereka ada dalam buku daftar pemilih untuk membuat pilihan pada waktu itu sebelum dia masuk ke dalam bilik tempat mengundi supaya dibanyakkan, supaya tidak timbul 'jem' di luar sekolah. Kadang-kadang tengah panas, kadang-kadang hujan dan sebagainya. Saya harap ini dapat ditimbang dan cara-cara mengecek ini juga harus agaknya dikemaskinikan lagilah supaya lebih pantas. Kadang-kadang dekat sini jem, jadi saya menyokong sangatlah supaya kita tiadakan, itu satu.

Kemudian, berkaitan dengan Seksyen 2, Akta 5 ini berkaitan tempoh berkempen, saya setuju sangat. Tempoh berkempen ini ialah berakhir pada pukul 8.00 pagi pada hari sebelum hari pengundian, maknanya kita lebih.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*....sudah pinda, sudah pindalah, tidak bacake?.....*[masih menyampuk dan bercakap tanpa pembesar suara]*....

Puan Fong Po Kuan: Sudah pinda, sudah pindalah.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, yalah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya ada pindaan ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh, oh ya....oklah kalau sudah pinda oklah, kalau sudah pinda. Tidak ada masalah apa-apa....

Tuan Kerk Kim Hock:...*[Menyampuk]*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokonglah....tentu sokong punya, yang tidak sokong DAPlah, PAS tidak sokonglah, Pokok Sena tidak sokonglah, Kota Melaka tidak sokonglah. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan segala pindaan-pindaan dan juga cadangan-cadangan bagi rang undang-undang berkenaan dengan Akta meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ini benar-benarlah pada masa akan datang. Pengundi akan keluar mengundi dengan rasa yang lebih bebas, lebih aman, lebih selesa, tidak ada ugut-mengugutlah, tidak ada berlaku seperti yang lepas. Kadangkala pilihan raya yang tidak ada kawalan langsung ini macam saya pergi ke Pendang, kadangkala tidak munasabah poster ini, siapa hendak jumpa Fadzil Noor, undilah PAS....Astaghfirullahalazim. Hendak jumpa di mana? Di Pendang ada dalam poster itu...

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar : *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada poster bunyi macam itu....siapa hendak jumpa Fadzil Noor, undilah PAS. Ini.....saya ambil di sana dahulu, dia berdiri dahulu nanti saya bagi, jemput.....*[sambil menunjukkan ke arah Yang Berhormat Besut]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cerita ugut ini sudah lama, ini cerita UMNO.....*[disampuk oleh pembangkang]*.....kalau undi PAS tidak boleh dapat biasiswa, kalau undi PAS tidak dapat baja padi, kalau undi PAS tidak dapat kerja. Ini kerja lama UMNO, wang ehsan, hari ini undi PAS tidak dapat wang ehsan. Cuba jawab biar jelas sedikit, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau hendak cerita janji ini, PAS ... astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim.....kalau hendak syurga, bukan jalan, bukan baja, kalau hendak syurga, undilah PAS. Kalau hendak jumpa Fadhil Noor, undilah PAS, ini tadi hendak bertanya?...Ya, jempuit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Datuk, saya memang mengikut hujah-hujah Datuk daripada tadi, soal Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) ini, jadi saya memang tertarik dengan banyak perkara. Satu perkara yang disebut, yang diucapkan, sampai astaghfirullahalazim dan sebagainya, panjang-panjang cerita tapi penjelasan baru satu sahaja, tapi yang satu itu dilarang sebab dikatakan kes itu masih di mahkamah, tapi saya ingat kalau dilafazkan, astaghfirullahalazim itu panjang, banyak lagi cerita bukan. Ulasan-ulasan belum lagi saya dengar, jawapan kepada soalan saya ini, saya menggesa supaya jawapan diberi juga ini.

Yang kedua tadi, kalau poster yang Datuk sebutkan itu, kalau Datuk hendak jumpa dengan Fadzil Noor, pangkahlah PAS. Jadi pada ketika itu, kalau tidak salah saya, Yang Berhormat dahulu, Dato' Fadzil Noor sudah meninggalkan? Maksudnya kalau hendak mati pangkahlah PAS, macam ni. Jadi saya tidak fahamlah poster macam ni. Jadi apa interpretasi Datuk pada persoalan ini, poster yang amat ganjil ini ataupun kalau orang pangkah PAS ini, dia akan menaikkan tahap dia daripada satu tahap manusia dan dia boleh memasuki alam lain yang mana dia boleh menjelma dan pergi di mana sahaja Dato' Fadzil Noor itu berada, akan berjumpa di sana. Makna dia, badan dia atau jasad dia sebagai manusia biasa itu telah bertukar menjadi manusia yang lain untuk pergi ke alam yang lain pula untuk berjumpa orang yang telah meninggal dunia yang baqa' ini, jadi macam mana istilah ini boleh kita maksudkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Batang Lumar, ini berlaku ini....PAS ataupun parti pembangkang yang masuk bertanding bukan sahaja, sepanduk, bukan sahaja dia berceramah dengan segala pembohongan, fitnah dan sebagainya hinggakan poster dia pun berbohong, menipu, poster dia pun boleh merosakkan akidah, poster dia juga boleh mencelaruhan fikiran orang-orang yang tidak berilmu. Macam contoh inilah. Hendak jumpa Fadzil Noor undilah PAS, Astaghfirullahalazim. Saya berceramah juga dekat Pendang. Saya tanya hendak jumpa dekat mana? Yalah, hendak jumpa dekat mana. Tidak tahulah, ada alam lain agaknya tidak tahu. Kalau hendak jumpa, kalau

hendak jumpa sekarang, hendak jumpa dikubur. Saya tanya angkat tangan siapa hendak pergi kubur sila angkat tangan. Tidak ada seorang pun yang angkat tangan.

lalah siapa hendak pergi mati ini tadikan? Tetapi saya kasihanlah sehingga rakyat dikelirukan seperti itu. Jadi dengan adanya rang undang-undang ini, insya-Allah nanti kita akan terselamat daripada anasir-anasir yang boleh memperbodohkan manusia, yang boleh merosakkan akidah, yang boleh memecahkan perpaduan, yang boleh menimbulkan rasa kebencian, yang boleh menimbulkan sengketa antara kita sesama kita kerana pilihan raya.

Sedangkan pilihan raya, kita hendak cari wakil rakyat, untuk mencari pemimpin, untuk memberikan khidmat kepada rakyat. Itu yang sepatutnya, tetapi kalau kita biarkan akhirnya pilihan raya akan berlaku macam negara-negara luar. Kita di Malaysia, alhamdulillah, sebelum berlaku, ini – kita sediakan payung sebelum hujan. Alhamdulillah SPR kita, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudah sediakan supaya jangan berlaku pertumpahan darah.

Macam negara-negara lain setiap kali pilihan raya, berpuluh-puluh mati. Calon mati, penyokong calon mati berperang kerana kawalan atau undang-undang yang tidak begitu lengkap yang mengawal perjalanan pilihan raya. Ini, kita setakat ini alhamdulillah. Tidak ada, baru tumbuk menumbuk sahajalah. Baru ada simbah asid. Nasib baik simbah kereta dekat Pendang hari itu. Baru selak kain, baru selak kain, ya sama ada dia pakai seluar dalam atau tidak, wallahu aklam. Tetapi sudah ada selak kain. Hendak cerita lebih kata sudah bawa ke mahkamah.

Ini baru begini, saya dengar ada juga pemuda-pemuda yang cabut, fasal ada juga perempuan kata yang buka dia punya kain juga. Lagi dahsyat, tetapi tidak ada laporan polislah. Tetapi di Pendang, cerita ini keluar, yang lelaki selak kain, yang perempuan pun selak kain. Atas bukan main dia tutup lagi. Dua tutup atas. Bawah dia selak, tak cabutkah pemuda kita. *[Dewan riuh]* Ini berlaku, jadi dengan adanya kawalan ini atau undang-undang ini, insya-Allah kita mudah-mudahan dalam pilihan raya yang akan datang semua parti politik yang akan bertanding akan dapat faedah.

Selamat, pekerja selamat, tidak ada pergaduhan, tidak ada persengketaan. Pengundi keluar selamat, tidak ada pembunuhan, tidak ada.....Ini, saya dengar Anak Bukit, ramai saya dengar pengundi-pengundi Cina takut keluar mengundi kerana diugut. "Lu keluar, lu kena".

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oho, silakan sahabat saya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya. Sebelum saya mengemukakan persoalan, cuma saya minta kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Boleh kata apa kepada PAS dan sebagainya tetapi jangan membawa cerita-cerita rekaan mengatakan ada muslimat PAS selak kain. Kalau hendak buat, saya pun boleh sebut bahawa Ketua Puteri UMNO selak kain di pekan Anak Bukit.

Saya pun boleh buat kalau saya hendak kata. Janganlah menyebut benda-benda yang mengaibkan orang lain yang tidak terlibat dalam Dewan ini. Saya minta Yang Berhormat tolong sedikit berhati-hatilah dalam membuat kenyataan. Cuma apa yang saya hendak sebut di sini bahawa akhir tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa PAS mengugut pengundi Cina sehingga mereka tidak berani keluar mengundi.

Ketua MCA negeri Kedah mengatakan bahawa 90 peratus lebih orang Cina keluar mengundi. Jadi mana satukah yang betul. MCA kah yang betul sedangkan MCA mewakili orang Cina. Yang Berhormat daripada Sri Gading (UMNO). Jadi biarlah ada fakta jangan hentam semberono. Ini ada pegawai-pegawai dok tengok ini. Macam tidak ada standard, jadi Ahli Parlimen, standard JKKK sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Heh, Allah! PAS ini memang, PAS ini.....Ah, menteri saya sudah datang. Tahniah.

PAS ini, tengok PAS baru kita sentuh sedikit sahaja, wah.....bangun dengan tuduh sembarangan apa benda, astaghfirullah. Kalau dia tuduh kita berlori. Kita tidak apa-apa, kita steady sahaja. Baru kita..... saya memang dengar khabar, dengan khabar dekat Pendang ada orang buka kain. Saya tidak tengok, kalau tengok, boleh jadi saya pun cabut. *[Ketawa]* Saya tidak tengok, jadi saya dengar khabar. Itu bahasa Melayu, dengar khabar, fasal saya tidak tengok. Kalau saya tengok, wallahu aklam.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah, boleh jadi jentik ya?

Datuk Napsiah binti Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, Kuala Pilah.

Datuk Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanyalah. Minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hem.

Datuk Napsiah binti Omar: Kalau tidak silap tadi, saya dengar kata Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, dia pun boleh buat cerita rekaan, katanya Ketua Puteri selak kain, betul ke tidak? Sebabnya kalau hendak reka cerita biar cerita yang betul-betul. Sebab Ketua Puteri tak pernah, dia selalu pakai seluar panjang, tak ada pakai kain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fasal kadang-kadang Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan PAS ini sudah terlampau banyak mahir sangat buat cerita-cerita rekaan ini. Sebab itu dia boleh buat cerita rekaan. Sebab itu dia, bahasa dia kalau hendak buat cerita rekaan, memang dia pakar tentang membuat cerita rekaan. Yang saya cerita ini, saya dengar khabar, bukan cerita rekaan saya. Saya dengar khabar, saya tidak tengok. Kalau saya tengok, kata Yang Berhormat bagi Pendang, jentik. Jentik tidak kena. Kalau perempuan tidak boleh jentik. Yang jentik ini, lelaki. Kalau perempuan, tak tahu saya apa, saya cakap pula takut Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pula marahkan saya. Tidak apalah. Kita cerita lainlah. Kita tinggalkan itulah.

Jadi saya berharap. Kemudian poster ini. Poster. Poster. Saya berharap dengan adanya ini, poster kita ini nanti agaknya akan jadi lebih terkawallah. Kadang kala poster ini mengotorkan bandar. Mengotorkan bandar, mengotorkan pekan. Semasa memasang memang suka betul sangatlah. Dia pasang tidak tentu fasal di mana-mana. Tetapi apabila pilihan raya, dibiarkan. Jadi kadang-kadang penduduk tempatanlah yang akan membersihkannya.

Jadi saya berharap perkara-perkara mengacu parang, tumbuk, simbah asid, maki hamun, mencarut, fitnah, tohmah, kain rentang, mengangkat kain menggalak pengundi dan sebagai-bagainyalah yang tidak begitu baik kepada perjalanan pilihan raya akan dapat dihapuskan daripada berlaku di dalam pilihan raya-pilihan raya yang akan datang. Mudah-mudahan akta yang baik ini dapat kita luluskan dan mudah-mudahan kita akan lihat perjalanan pilihan raya yang akan berlangsung pada masa-masa yang akan datang satu perjalanan pilihan raya yang akan memberikan kebebasan sepenuhnya dan keamanan kepada pengundi-pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Kota Melaka.

2.58 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini telah dibentangkan untuk bacaan untuk kali yang kedua selepas beberapa insiden yang telah berlaku.

Yang pertama, kejadian pilihan raya kecil baru-baru ini Pengerusi SPR telah menyifatkan sebagai kempen yang kasar dan tidak berperikemanusiaan,

Yang kedua, Perdana Menteri kita bagi kali yang pertama telah menuduh bahawa wujudnya undi hantu dalam *electoral roll* kita,

Yang ketiga, di mana kita telah menyaksikan, dengan izin *media abuse*, *media misused*, *media excessive* dan *media over queued* yang telah berlaku dengan secara begitu *blatant* sekali dalam sejarah pilihan raya dalam negara kita,

Yang keempat, pengakuan oleh Pengerusi SPR sendiri bahawa perbuatan untuk memindah pengundi telah berlaku selama lebih daripada 20 tahun dan kemungkinan mungkin dilakukan oleh semua parti. Walaupun Dato' Rashid ataupun Pengerusi SPR telah mengaku kepada saya apabila saya menjadi penuntut beliau bahawa beliau telah mengatakan semua parti terlibat. Apa yang beliau kata ialah kemungkinan semua parti terlibat. Tetapi saya telah membuat penjelasan, tetapi saya harap Pengerusi SPR boleh sendiri membuat satu penjelasan bahawa bukan semua parti terlibat, dan

Yang kelima, ada pihak kerajaan yang mengatakan bahawa SPR mungkin disabotaj.

Jadi, inilah masanya rakyat sedang menunggu dan ingin melihat sama ada SPR mempunyai keinginan, kesediaan, kesanggupan dan kebolehan untuk menyelesaikan masalah undi hantu yang kini telah menjadi satu isu yang penting. Oleh kerana saya tidak ingat apabila seorang daripada menteri pernah menuduh secara terbuka bahawa wujudnya pengundi hantu dalam *electoral roll* kita.

Dan keduanya sama ada SPR boleh menghadapi cabaran yang semakin sengit untuk memainkan peranannya yang bebas dan adil dan untuk menjalankan satu pilihan raya yang *free and fact*.

Ada orang kata bahawa Kelantan dalam gerhana dan saya kata dengan perkembangan dan komen-komen yang telah dibuat yang sudah saya sebutkan tadi nampaknya SPR dalam gerhana. Kalau kerajaan tidak melihat apa yang telah berlaku dokumen pilihan raya kecil juga di Pendang dan juga apa yang telah diakui oleh Pengerusi SPR sendiri maka saya kata demokrasi negara kita juga dalam gerhana.

Jadi pada kerajaan atau SPR, apabila berlakunya aduan dan beberapa insiden, jawapannya atau tindakannya ialah mengetatkan lagi undang-undang. Adakah betul in jawapan yang boleh menyelesaikan masalah kita atau boleh menyebabkan SPR dapat menjalankan kerjanya dengan efektif. Pada saya ini bukanlah jawapannya.

Tetapi apa yang mustahak ialah *approach* yang telah diambil oleh SPR atau oleh kerajaan adalah begitu mengecewakan. Saya pernah kata banyak kali bahawa sebelum sesuatu pindaan melibatkan proses pilihan raya dibentangkan dalam Parlimen, haruslah SPR sebagai satu badan yang bebas menjemput semua parti untuk berbincang. Walaupun jawapan ada diberikan dalam akhbar bahawa semua parti akan dijemput tetapi kita tidak pernah dijemput.

Setelah rang undang-undang ini dibentangkan untuk bacaan kali yang pertama, saya pernah cuba membuat temu janji dengan SPR tetapi malangnya tarikh yang diberi susah saya hendak dapat satu tarikh yang bagus dan cuma dibahagi setelah pada masa itu kalau tidak ditarik balik. Kalau ikut jangka masa ini akan habis diselesaikan.

Jadi apakah maknanya kalau kita dijemput setelah kerajaan dan SPR telah selesai semua rang undang-undang. Input kita haruslah diambil sebelum satu rang undang-undang yang baru atau pindaan yang baru dirangkakan. Jadi saya rasa kecewa ini adalah *approach* yang saya rasa tidak patut berlaku.

Yang kedua ialah impresi rakyat jelata setiap kali apabila UMNO membuat aduan SPR akan bertindak segera. Ini adalah impresi jadi apabila berlakunya insiden-insiden pilihan raya di Pendang dan Anak Bukit. Saya telah ditanya pemberita apakah komen saya. Saya kata apa yang harus berlaku ialah yang pertama saya tidak tahu apa yang berlaku di sana adakah betul atau tidak.

Saya mendapat maklum balas dari pemberita, kawan-kawan, mereka kata tidak, tidak begitu teruk dan saya lihat RTM1, saya ada tengok dan macam-macam adalah dihebohkan. Saya tahu dari pengalaman saya apabila DAP membantu dalam pilihan raya Tambatan di Johor, masa itu Pemangku Setiausaha Agung DAP adalah Lee Lam Tye. Ada surat, risalah yang telah dikeluarkan palsu yang menggunakan nama Lee Lam Tye. Jadi mana saya tahu adakah betul atau tidak kalau pihak yang dituduh itu tidak diberikan peluang untuk menjelaskan.

Jadi kita nampak itu sebabnya saya kata bukan sahaja kita nampak *media abused, misused, excessed* tetapi juga *media over queued*. Tetapi dibuat dengan

secara begitu *blatant*. Jadi ini semua merupakan cabaran-cabaran yang begitu sengit untuk SPR. Tetapi adakah kita telah merangka satu undang-undang atau pindaan yang betul-betul boleh menyelesaikan masalah-masalah ini.

Sekarang nampaknya semua parti bersetuju bahawa undi hantu itu mesti dihapuskan, tetapi pada sesi yang lalu Parlimen ini telah meluluskan satu pindaan yang telah melarang sebarang cabaran dibuat ke atas *electoral roll* yang telah diwartakan. Ini menunjukkan bahawa memang Parlimen telah membuat satu kesilapan yang besar. Ini adalah masalah besar tetapi kita hari ini diminta untuk membahaskan rang undang-undang ini tetapi tidak *address* masalah yang begitu penting sekali.

Jadi saya harap kerajaan kalau betul-betul hendak menyelesaikan masalah ini kena pinda balik apa yang saya sifatkan sebagai kesilapan yang telah dibuat oleh Parlimen ini. Banyak tuduhan akan dibuat oleh pihak kerajaan dan juga oleh pihak pembangkang. Saya tidak ingin memberikan banyak contoh tetapi saya menyeru supaya satu jawatankuasa bebas ditubuhkan untuk menyiasat segala tuduhan yang dibuat oleh pihak pembangkang dan juga oleh pihak kerajaan dan kita tengok apakah keputusannya. Jangan kita takut hendak mengadakan siasatan. Datang ke Parlimen berceramah sahaja tetapi kalau ada bukti, kita tengok. Saya tahu itu cara kerajaan mengendalikan aduan. Saya tidak begitu yakin dengan cara mereka dengan ikhlas hendak menyelesaikan masalah.

Setiap kali satu perkara berlaku seperti saya dengar ada orang selak kain. Ini satu perkara diperbesar seolah-olah semua orang PAS buat macam itu. Dalam pilihan raya Kecil Ketari baru-baru ini, saya ditanya oleh pemberita, apakah jawapan Yang Berhormat sebagai Setiausaha Agong DAP, bahawa Menteri Penerangan telah mengatakan, ada seorang penyokong DAP pada hari penamaan telah bertingkah laku sebagai seorang samseng dan dia akan menunjukkan buktinya dalam RTM.

Jawapan saya senang sahaja. Saya kata kalau ada sesiapa telah melakukan kelakuan yang begitu samseng, kita akan ambil tindakan. Oleh kerana saya tidak percaya sesuatu parti, mana-mana parti pun akan membenarkan kelakuan samseng dan saya tidak ada peluang, tidak ada keupayaan untuk mengawal semua orang.

Jadi ini bukan satu kebudayaan kalau berlaku, yang dibenarkan oleh sesuatu parti. Mengapa ada berlakunya *straight away mentality*, hendak tayangkan dalam RTM. Ini sudah jadi mentaliti orang Barisan Nasional. Jadi selepas saya jawab

macam itu, saya kata akhirnya saya sanggup minta maaf walaupun saya tidak tahu, sama ada orang itu betul-betul DAP. Jadi habislah cerita.

Jadi nampaknya Menteri Penerangan pun tidak termalulah hendak tayang dalam RTM. Jadi pada saya kadang-kadang ini adalah satu perkara kecil sengaja diperbesar, yang ini semua hendak mencari *political mileage*. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, telah selama 45 tahun negara merdeka dan semua parti harus jadi lebih *matured* dalam cara berkempen. Apakah sebabnya, kalau apa yang telah dilaporkan yang berlaku di Pendang dan Anak Bukit itu betul-betul berlaku, apakah puncanya?

Tetapi saya nampak SPR ataupun kerajaan tidak betul-betul ikhlas hendak mencari puncanya. Mereka cuma tangani *symptom*. Ada keganasan, keluarkan atau timbulkan undang-undang yang ketat. Apakah yang menyebabkan, kalau betul, terutama sekali orang yang kata kepada saya, parti Melayu, nampaknya kempen telah berubah. Mengapakah kalau DAP tidak bertanding dalam Pilihan Raya Kecil Ketari, orang kata kita *gentlemen*. Apakah sebabnya? Memang ada sebabnya. Saya tahu sebabnya tetapi kalau kerajaan tidak ada keikhlasan. Saya boleh berucap panjang dalam Dewan ini pun tidak akan berfaedah.

Jadi saya harap SPR dan kerajaan carilah puncanya dan jangan cari *symptom* dan mengeluarkan undang-undang yang teruk seperti apa yang kita dapat lihat hari ini, terutama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada *super sedition* yang baru.

Kalau ikut logik SPR, ini ada satu *re-statement* sahaja. Tapi kalau kita bandingkan betul-betul undang-undang ini dalam Akta Hasutan dengan apa yang baru dicadangkan, memang berlainan, banyak berlainan. Kalau kita semua betul-betul menghormati kebebasan SPR, saya kata habislah kita semua, sebab ini boleh menyebabkan sesiapa sahaja dilucutkan jawatan. Tetapi kerajaan akan sokong oleh kerana mereka tahu SPR tidak akan menggunakan fasal ini ke atas mereka.

Tetapi ini salah, ini satu sikap yang teruk. *I say the country will go to the docks* kalau inilah mentaliti kerajaan bahawa kita boleh lakukan, boleh timbulkan pindaan yang zalim, kita boleh luluskan pindaan yang tidak adil, oleh kerana ini tidak akan dilakukan ke atas kita. Ini bukanlah *approach* yang betul, kalau inilah caranya saya kata.

There is why, saya kata, kalau inilah cara, inilah *approach* SPR atau kerajaan untuk menangani masalah atau cabaran yang telah timbul, maka saya kata SPR dalam gerhana dan demokrasi dalam gerhana. Tadi ada ramai orang kata, konsep

demokrasi. Saya tidak tahulah apakah nama demokrasi sekarang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberikan kepada demokrasi pada hari ini tetapi pada tahun 1971 dalam satu artikel yang telah ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang diterbitkan di dalam satu majalah Australia - semasa Perdana Menteri mengulas cadangan kerajaan melarang Parlimen membincangkan empat perkara yang sensitif iaitu *the position of Malay as a National Language* dengan izin, *the special position of Malays and the legitimate right of non Malay citizen and the distinction of the constitutional monarchy*.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata dengan izin, *does another variation of democracy is born, thus democracy*. Dia sifatkan demokrasi Malaysia. *This democracy is not quite guided as Sukarno's democracy*. Maksud dia Indonesia *guided democracy*. *Neither nor basic like Ayob Khan in Pakistan*. Dr. Mahathir kata Pakistan ialah *basic democracy*. Dalam Malaysia dia kata, *thus is limited democracy*, tahun 1971.

Jadi saya tidak faham, apakah jenis demokrasi yang akan disifatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya rasa Yang Berhormat terbawa-bawa dengan rakan-rakan pembangkang di sanalah. Apa ini berbicara soal demokrasi. Saya mahu tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat berdiri, bercakap apa Yang Berhormat suka di Dewan ini, demokrasi kah ataupun kerana konfrontasi. Saya mahu tanya ya, kerana demokrasi Yang Berhormat menang Kota Melaka. Kita tidak sabotaj macam mana? Hormatilah demokrasi, sebab *majority is majority*. Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini adalah merupakan satu *simple conclusion from simple mind* [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, bila saya kata demokrasi, ini bukan demokrasi kriteria yang ditentukan oleh DAP. Kalau hendak tahu banyak masuk *internet*, IPU (Inter Parliamentary Union) ada pernah keluarkan resolusi yang panjang, apakah *free and fair election*. Banyak lagi dalam *internet*. Ini semua adalah untuk sesiapa yang benar-benar ada komitmen ke atas demokrasi. Ikutlah lunas-lunas yang telah diakui oleh seluruh dunia. Ini bukan DAP punya.

Kita tidak pernah meminta *absolute freedom* tapi ada orang kata bahawa demokrasi tidak ada *absolute freedom*. Apa yang kita minta ialah *democratic*

freedom. Tidak pernah saya dalam Dewan ini dengar sesiapa minta *absolute freedom*. Perdana Menteri hari-hari kata jangan minta *absolute freedom*. Tidak ada. Dalam apa pun kriteria demokrasi, tidak pernah saya baca satu perkataan adanya *absolute freedom*. *There's no absolute freedom to be given to anybody*. Tetapi ini adalah cara publisiti Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata itu *super sedition*. *Super sedition* kalau kita tengok pindaan, saya akan bahas dengan *detail* dalam *Committee Stage* tetapi kalau saya kata Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikut, betul-betul ikut, semangat dan kita berikan kuasa itu kepada SPR dan kalau SPR betul-betul boleh menjalankan tugas dengan bebas, *many of you* habis saya kata.

Saya bagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pilihan raya, maksud saya, kena lucutlah, kena dakwa. Dalam Pilihan Raya Kecil Ketari, tengok apa yang dikeluarkan oleh Gerakan, Barisan Nasional, ini Barisan Nasional *Sambil menunjukkan poster kecil*] Ini gambar siapa?. Ini gambar anggota KMM. Apa ini berkaitan dengan Pilihan Raya Kecil Ketari di mana DAP bertanding.

Ha, kita tengok, ini orang kumpulan KMM melakukan rompakan, membunuh, Jo Fernandes, *Assemblyman* di Lunas dahulu. Lakukan rompakan, banyak ada buat bom, kuil semua. Jadi apakah tujuan, ini yang dikeluarkan oleh Barisan Nasional. Dia ada tujuannya oleh kerana perenggan yang pertama, yang mustahak sekali, yang lain cerita berkenaan dengan KMM. Dia bunuh orang, hendak bom kuil, hendak bom *church*. Ada juga bunuh pasangan orang India, macam-macam tetapi inilah yang dikeluarkan oleh Barisan Nasional.

Perenggan pertama saya buat terjemahan. Cuba fikir 'seorang bapa menjadi Pengerusi Ulama PAS dan anak keempatnya menjadi pemimpin tinggi kumpulan militan KMM'. Bolehkah awak kata bahawa PAS tidak ada kaitan dengan KMM? Kemudian kaitkan dengan pembangkang, kemudian kaitkan dengan DAP. Ini cara mereka buat. Kalau saya kata kalau kita gunakan, kita gunakan fasal itu *super sedition*, saya kata habislah Gerakan tetapi dia orang tidak takut, akan luluskan oleh kerana, walaupun saya buat aduan, SPR tidak boleh buat apa.

Saya pergi ke SPR untuk buat aduan. Apakah jawapan SPR kepada saya. Tidak ada jawapan sampai hari ini, walaupun, walaupun nampaknya saya bacakan dalam Malaysia Kini ada balasan tapi saya minta jawapan. Setiausaha saya telefon, tidak dapat jawapan. Ha, inilah kalau saya kata jangan ketawa, kalau you percaya prinsip betul-betul lakukan, ini habis. Banyak lagi dalam Pilihan Raya Umum

Sarawak, teruk, lawan jihad seolah-olah, dia ingat saya di Amerika. Ini cara mereka buat tapi Tuan Yang di-Pertua yang mustahak saya kata bahawa kerajaan akan luluskan.

Oleh kerana mentaliti mereka ialah kita akan menjadi kerajaan selamanya. Sebagai kerajaan tidak akan dituduh. *But you are wrong. This is*, ini satu perkara saya kata saya sangat, saya merasa sangat sedih oleh kerana, oleh kerana, saya kata ada puncanya mengapakah, walaupun kita telah merdeka selama 45 tahun, cara kempen tiap-tiap parti tidak menjadi lebih *matured*.

Ini jangan kita salahlah PAS atau DAP atau kerajaan sahaja. Kita kena pandang, apakah sebab dia kerana ini satu perkara yang mustahak tetapi SPR saya rasa dia tidak dapat melakukan tugasnya dengan bebas dan kerajaan juga ingat boleh selesaikan masalah dengan senang dan saya akan kata, saya tidak ingin selalu menuduh bahawa SPR adalah tidak bebas tetapi kejadian-kejadian tidak dapat meyakinkan supaya bahawa ia benar-benar bebas. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya tahun 1999, tidak pernah berlaku sampai hari yang akhir sekali sebelum hari penamaan.

Pemimpin-pemimpin DAP mengadu kepada saya mereka tidak dapat, masih tidak boleh dibekalkan *electoral rules*, tidak pernah berlaku, saya kata dengan pegawai-pegawai SPR di Melaka, di KL, di Sarawak, saya telefon pengundi saya, cakap dengan SPR, simple *calculation*, kita buat *management*, berapa hari kita perlu untuk menghabiskan *electoral rules*.

Kalau katanya *printer* boleh buat dalam sepuluh hari, kita beri lima hari *extra*, kita tentukan tarikh hari penamaan pada hari ke-15, bukan hari ke-10 apabila *printer* baru boleh beri, apa jawapan yang saya dapat: "Yang Berhormat, siapa yang tentukan tarikh, semua orang tahu, you tak tahukah"? Apa maksud itu, Tuan Yang di-Pertua? Jangan ingat orang-orang kakitangan dalam SPR tidak ada perasaan, mereka bukan disabotaj, apa yang akan dikatakan oleh Timbalan Menteri sabotaj, ini bukan bukan sabotaj, tetapi orang ada perasaan bila dipaksa sehingga kerja tidak boleh dijalankan dengan bebas dan lancar. Mereka akan cakap kebenaran dan kebenaran ialah bahawa tarikh itu tidak ditentukan oleh SPR, *so I say you are not independent, am I lying*, hah, cakap nanti dia kata kita bohong, tetapi ini saya tidak mahu kata tidak bebas tetapi kejadian ini semua yang meyakinkan kita. Saya buat aduan tidak ada balasan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup katakanlah bahawa kalau kita cuma salahkan SPR pun tidak betullah, kalau *referee* kita harapkan *refree* sahaja mainkan kerjanya kalau *players* tidak bertanggungjawab pun tidak adil, atau *players* semua hentam di sini, hentam di sana macam mana *referee* hendak menjalankan tugas dengan baik.

Jadi, saya katakan, saya berani kata dalam Dewan ini bahawa untuk memastikan proses pilihan raya akan dapat dijalankan dengan cara bebas, lancar, aman dan baik, semua parti, semua *players* perlu memainkan peranan yang baik dan *I say it is a shared responsibility* dan bagi saya ada empat unsur yang mustahak sekali, sama ada pilihan raya boleh dijalankan dengan baik dalam Malaysia, dengan aman.

Yang pertama, kita haruslah mempunyai satu kerajaan yang bertanggungjawab, *a responsible government* yang sanggup melaksanakan tanggungjawab mengikut lunas-lunas demokrasi yang tertentu yang telah diakui oleh semua sesiapa sahaja yang memegang kepada falsafah demokrasi, bukan falsafah DAP, bukan PAS, bukan UMNO dan ada banyak artikel yang mengatakan dalam menjalankan pilihan raya, apakah yang mustahak, apakah yang perlu wujud tetapi apakah sahaja, dengan izin, *whereas it is sovereignty of the people and government based upon concerned govern majority rules, minority rights, guarantee of freedom* dan sebagainya, tetapi yang mustahak ialah ada dua yang saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, *freedom, freedom of speech, freedom of assembly*, kalau tidak ada *freedom* tidak boleh.

Yang kedua, *human rights must exist*. Kalau tidak ada *human rights* pun tidak boleh.

Jadi, apa yang mustahak ialah *finally, democratic legitimacy* cuma boleh didapati apabila kerajaan telah dipilih oleh kerana rakyat telah memberikan persetujuannya dengan secara rela, *that is the people had given their freely given consent*. *Consent* persetujuan yang boleh diberikan secara bebas dengan sukarela, tidak ada paksaan, tidak ada cara-cara taktik yang kotor.

Yang pertama, saya kira itulah tanggungjawab kerajaan.

Yang kedua, ini pun bukan nama baru yang saya sendiri reka, *loyal opposition*. *Loyal opposition* itu tidak bermakna bahawa kita sokong polisi kerajaan tetapi kita semua komited kepada lunas-lunas atau nilai-nilai asas dalam satu

demokrasi dan ini DAP sanggup terima, tetapi bila kita kalah kita terima, kita tidak buat kacau, tidak pernah buat *violence* juga, kita berkempen dengan cara yang baik.

Apa yang UMNO kata pada hari ini di mana mereka telah dilarang oleh penyokong-penyokong PAS untuk masuk kampung, saya tidak tahu sama ada benar atau tidak, tetapi perkara-perkara ini telah berlaku sepuluh tahun yang dahulu berlaku ke atas DAP. Kita masuk kampung habis, tidak boleh masuk langsung, ada orang berdiri di sana dengan parang, kita kalau masuk pun satu orang penyokong Melayu ambil bendera DAP masuk, habis semua kena bakar dahulu, ada, pilihan raya kecil Bukit Raja pun kita tidak boleh masuk langsung, tetapi apakah sebabnya hari ini telah berlaku dalam kalangan parti Melayu, saya tidak mahu sebut banyak di sini, tetapi kalau saya katalah kerajaan betul-betul hendak menangani masalah ini dan melihat cara berkempen yang telah berlaku di Malaysia selepas pilihan raya 1999 begitu mengancam, maka saya kata *show your sincerity* mengadakan perundingan dengan semua parti, ajaklah kita, saya sanggup datang dan memberikan pandangan saya tetapi saya tidak pernah betul-betul dijemput.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah *loyal opposition*, bukan kita *loyal* kepada polisi kerajaan, tetapi kita semua komited kepada nilai-nilai yang bersih, konsep yang mustahak yang harus difahami dan dipegang oleh kerajaan ialah bahawa minoriti boleh dengan cara aman menjadi majoriti. Di Malaysia tidak boleh, bila sudah hendak menang tukar *goal post*, bila sudah hendak kalah ada undang-undang yang ketat, hah ini yang susah. Macam mana pembangkang boleh jadi majoriti kalau keadaan atau syarat-syarat tidak wujud. Jadi kalau kerajaan *responsible opposition* memainkan peranan *loyal, loyal* masuk komitmen kepada *fundamental values of democracy* bukan sokong kepada polisi kerajaan.

Yang ketiga, sebuah SPR yang *independent*. Kalau SPR betul-betul *independent*, saya rasa mereka memang mempunyai kebolehan untuk menjalankan tugas dengan baik.

Yang keempat, *informed voters* iaitu pengundi yang betul-betul mendapat maklumat dengan cara yang bebas dan adil. Kerajaan sentiasa mengatakan bahawa mereka begitu berkeyakinan ke atas kebijaksanaan pengundi, mereka boleh menilai apa itu kaca dan apa itu intan, tetapi ayat ini tidak boleh wujud dalam *vacuum*, tidak boleh. Kalau kita mengadakan undang-undang yang menyekat mereka mendapatkan maklumat dengan cara bebas, kalau kita menyalahgunakan RTM1

untuk menghentam satu pihak, melakukan pembohongan di sini sana, macam mana rakyat dapat menilai apa itu kaca, apa itu intan.

Jadi, jangan kita seolah-olah kata bahawa ia kita percaya, *nothing can exist in the vacuum, everything* ada syarat, itulah sebabnya kalau kita masuk internet, tengok, banyak kriteria apakah *free fair elections*, mengapa ada syarat-syarat, mengapa ada *freedom assembly* mesti ada *guarantee*, sebab tanpa syarat-syarat, ayat-ayat ini semua jadi *hollow, no meaning*, tetapi sanggupkah kerajaan yang mengatakan bahawa negara ini adalah negara demokrasi, betul-betul menghormati lunas-lunas dan nilai-nilai demokrasi.

Jadi, pada saya, saya memandang ini adalah satu perkara yang serius, ada orang kata dalam internet itu bukan ada organisasi, *democratic election are not a fight to survival but the competition to serve*. Tetapi hari ini bila kita nampak cara Barisan Nasional meminda peraturan-peraturan, menyalahgunakan RTM seolah-olah hendak menghabiskan satu parti pembangkang. *This is not democratic elections anymore*.

Jadi saya bimbang kalau *super sedition* yang telah saya katakan itu betul-betul kalau semua orang faham maksudnya tiada sesiapa MP yang harus sokong, tidak boleh ini. Macam mana boleh dibentangkan saya pun hairan, kalau saya kata saya bangkang MCA oleh kerana telah menyalahgunakan wang yang telah mereka kutip untuk membantu penternak-penternak khinzir memang mereka tidak puas hati, kalau ikut di sini mungkin saya kena, *discontent among people of same class of the same race*, memang Presiden MCA tidak suka.

Tetapi apa yang saya katakan itu benar, kalau saya katakan bahawa saya bantah *vision school*, boleh cakap saya melakukan hasutan juga, *extremist* juga, ini semua boleh kena, *this is the worst*, saya tidak nampak bagaimana sesiapa yang betul-betul kalau pegang kepada falsafah demokrasi dan betul-betul faham ancaman fasal ini boleh sokong, kecuali apa yang saya katakan bahawa mereka mempunyai mentaliti kita akan jadi kerajaan selama-lamanya

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang.

Tuan Kerk Kim Hock: Dan apa-apa yang dilakukan oleh mereka tidak akan dikenakan tindakan. Silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Melaka, saya pohon sedikit penjelasan. Yang Berhormat Kota Melaka telah menggariskan asas-asas sebuah negara demokrasi dan mengaitkan

dengan pindaan rang undang-undang ini, dan mengaitkan juga dengan ruang yang semakin sempit dan menggunakan *position* ataupun menyalahgunakan semua *instrument of powers* yang ada, yang boleh menyekat kebebasan demokrasi.

Rang undang-undang ini telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa beliau berucap di Kota Bharu dalam satu majlis ceramah, ini saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan penyalahgunaan posisi, seorang *drafter* daripada rang undang-undang ini yang boleh memberikan manifestasi bahawa rang undang-undang ini dibentuk dengan tujuan yang buruk.

Semasa beliau berucap di Kota Bharu, dia telah menuduh Kerajaan Negeri Kelantan memberikan rasuah tanah kepada pegawai-pegawai BPR, tiga hari kemudian, dia kata dia hanya dengar laporan tetapi semasa *press conference*

Datuk Seri Dr. Rais bin Yatim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, *on the point of law*, Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun *on the point of law*?

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Hai panas pula? Panas, kerana mulut badan binasa. Kita minta akauntabiliti, inilah *drafter* yang mendraf rang undang-undang ini yang telah membuktikan beliau menyalahgunakan *positionnya*, melemparkan satu *accusation* kepada sebuah kerajaan, menyakitkan bukan sahaja hati ketua kerajaan, wakil-wakil rakyat, seluruh rakyat, para pengundi, *yet* ia datang dengan rang undang-undang ini Seksyen 4 menyekat mana-mana pihak menimbulkan apa yang didefinisikan sebagai sakit hati. Saya minta penjelasan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, Menteri mahu jawab? Saya beri dia peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, harus dibacakan konteks apa yang telah dihamburkan sebagai mengatakan saya menyalahgunakan kuasa.

Kedua, buktikan bahawa ini adalah karangan saya. Jika tidak boleh membuktikan itu, maka saya minta Ahli Kubang Kerian beliakkan mata, tengok siling balik.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak apalah, sila, sila, setakat itu dia beri penjelasan, cukuplah. Ya, sebab ini bukan dia yang buat apa semua sekali.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan dia buat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, penjelasan, dia yang bertanggungjawab membawa ini sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tidak baca kot.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita hendak menjadikan perbahasan lebih bermakna, jangan kita cari perlindungan dalam teknikal, siapa draf tak draf tidak mustahak, tetapi apa yang dilakukan oleh Menteri betul atau tidak, nanti boleh jawab.

Saya tidak akan mengambil masa yang panjang, satu perkara yang akhir sekali

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sipitang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada, biar saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, dia tidak beri, sila duduk. Dia sudah akhir.

Tuan Kerk Kim Hock: Apa yang dia hendak tanya, nanti sekejap, nanti saya beri jalan, nanti sekejap.

Jadi, saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau kita tengok apa yang telah berlaku, *super sedition* itu memang akan dikenakan bukan sahaja termasuk Ahli-ahli Parlimen juga termasuk parti-parti Barisan Nasional. Dalam tahun 1990 ada kita tengok iklan yang telah dikeluarkan dalam surat khabar mengatakan ada *black sheep*, ini semua pun kalau betul-betul SPR boleh tangkap semualah habislah, tidak payah lagi ada pilihan raya.

Tetapi ada satu yang tidak dicadangkan saya hairan, saya dapat di sini satu artikel dari internet juga, "*New Zealand MPs: One law to jail for candidates who lies two days before election.*" Mereka berpendapat bahawa sekiranya sesuatu pembohongan dilakukan dua hari sebelum pembuangan undi, ia ada kesan, ada impak ke atas pengundi, maka mereka telah mencadangkan supaya sesuatu pembohongan yang telah dilakukan sengajanya pada dua hari sebelum hari pembuangan undi, mereka harus didakwa dalam mahkamah, tetapi mengapa kita

tidak ada suatu undang-undang yang mengatakan cuba menghentikan pembohongan.

Kalau kita ada saya rasa tahun 1990, apabila Perdana Menteri mengatakan bahawa Tengku Razaleigh pada masa itu telah memakai tengkolok, isu itu beliau akan didakwa dalam mahkamah, jadi mengapa perkara yang telah berlaku begitu banyak kali seperti dalam pilihan raya kecil Ketari di mana Presiden Gerakan telah membuat pembohongan yang mengatakan saya pergi ke Jakarta ada pertemuan sulit dengan PAS pada tahun 1990 walaupun saya pada masa itu tidak mempunyai suatu pasport yang lagi *valid*, apabila beliau katakan bahawa dalam kes Bukit China, beliau telah *divandicated* tetapi walaupun kes mahkamah tidak dijalankan atas merit, telah dibuangkan atas *technicality*, ini semua pembohongan yang saya rasa mungkin tidak dapat mempengaruhi pengundi, tetapi kalau pada dua hari sebelum kalau sesiapa orang akan sengaja melakukan pembohongan, mengapa tidak mengadakan undang-undang yang boleh mengenakan penalti ke atas mereka. Saya cadang bahawa kita ada satu cara untuk memberhentikan pembohongan yang akan berlaku dalam pilihan raya yang akan datang.

Tadi saya telah menggariskan empat unsur, iaitu pertama, responsible government, kedua, loyal opposition, ketiga, independent SPR, dan keempat import voters. Saya tidak sebut media dan sebagainya tetapi ini semua adalah mustahak. Oleh kerana kalau independent SPR tentulah secara automatik media akan memainkan peranan yang betul, saya tahu. Jadi, saya kata ini kita betul-betul hendak menangani masalah yang kita hadapi hari ini. Kita perlukan kerjasama dari semua pihak. Players very important, polis juga mustahak, jangan ada tindakan menyebelah satu pihak. Judiciary juga mustahak, semua mustahak, tetapi ini semua perkara yang saya rasa saya tidak akan sebut, tetapi yang mustahak ialah empat kriteria itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya tidak akan ucap panjang tetapi saya harap kerajaan betul-betul akan mendengar suara yang telah saya katakan oleh kerana saya telah kata tadi, menang kalah itu lain perkara. Kita *compete to serve*, kita bukan *contest to keep*, tetapi saya memang bimbang dengan apa yang telah berlaku dan harap kerajaan akan dengarlah. Terima kasih. [*Tepuk*]

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Batang Lupar dahulu. [*Disampuk*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Siapa yang tidak hendak dengar pembangkang boleh baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan bercakap sampai pukul 5.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak mengapa, saya suruh teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kena dengarlah.

3.32 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Saya pun melihat baru juga selain daripada draf yang asal, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya sudah baca juga Yang Berhormat. Jadi, daripada yang saya lihat, saya memang tertarik dengan banyak pindaan yang telah dicadangkan dalam rang undang-undang ini terutamanya untuk menaikkan denda dan satu lagi fakta-fakta kempen supaya jangan keterlaluan supaya tidak mendatangkan perasaan yang tidak sedap ataupun mendatangkan huru-hara dan juga prosedur mahkamah pun dibuat, dan prosedur-prosedur petisyen semasa dibawa ke mahkamah dan masa propaganda dan hari kempen.

Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab menerima baik cadangan daripada pihak kerajaan kerana kalau kita lihat kebelakangan ini setelah berbangkit satu pergerakan iaitu satu keadaan yang mana atas nama demokrasi, atas nama kebebasan kita telah keterlaluan, kita telah mengambil satu tindakan yang tidak munasabah, kita telah berperangai yang tidak lagi sejajar dengan budi pekerti orang Timur. Tetapi ada di kalangan kita mengaku bahawa kita orang Timur, mengaku bahawa kita orang Melayu, mengaku bahawa kita ini masyarakat yang mempunyai satu budaya yang baik, tetapi dalam masa yang sama apabila satu situasi itu berbangkit, kita berperangai jauh lebih ganas daripada masyarakat yang kita katakan berperangai garang, keras dan ganas.

Jadi, dalam keadaan sedemikian menjustifikasikan satu-satu tindakan sebuah kerajaan untuk mewujudkan garis panduan dan undang-undang. Jadi, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kepada masyarakat bukan sahaja kepada, dengan izin, *the few players* tetapi kepada masyarakat keseluruhannya, kepada masyarakat umum, *the silent majority*, masyarakat yang perlu kita ambil kira yang mungkin tidak berbincang di Dewan ini, mungkin juga tidak akan berkempen semasa pilihan raya, tetapi mereka ini adalah mereka yang patut menerima pandangan dan menerima jagaan dan keselamatan mereka mestilah dijamin. Jadi, dalam keadaan sedemikian maka satu-satu kerajaan membuatkan satu-satu undang-undang untuk mempertahankan kedudukan supaya keadaan keselesaan dan keamanan itu boleh dijaga. Jadi, kita tidak mahu menggunakan soal demokrasi.

Saya banyak mendengar daripada pagi tadi saya duduk di Dewan, Tuan Yang di-Pertua, menghujahkan soal demokrasi daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Bagi saya sebagai peribadi saya mengucap tahniahlah kerana dilantik menjadi Ketua Pembangkang. Tetapi kalau kita hendak jadi Ketua Pembangkang, saya cukup percaya bahawa hujah-hujah kita kenalah padat dengan cadangan-cadangan, padat dengan soalan-soalan yang realistik, tidak tertarik oleh kawan-kawan di kiri-kanan kita oleh kerana mereka ini kita anggap bukan ketua. Ketua Pembangkang itu ketua daripada pemimpin pembangkang.

Jadi, kalau kita ikut apa yang di kiri-kanan bercakap bermakna kita *degraded position* kita sendiri sebagai ketua. Jadi, saya mendengar juga hujah-hujah soalan demokrasi dan sebagainya. Tadi baru kita dengar Kota Melaka menyebut soalan demokrasi. Saya juga mendengar tetapi soalan demokrasi ini semua orang boleh bincang, soalan *freedom* semua orang boleh bincang, soalan IPU, usul dan resolusi IPU pun disebut di sini, kita boleh *quote*. IPU itu diterajui oleh pihak Barat, kita kena menerima hakikat bahawa bukanlah semuanya yang Barat kata itu betul. Tetapi dalam satu arena yang mana kita kata yang Barat itu salah, tetapi dalam satu arena pula kita kata Barat itu betul. Dalam soal demokrasi semua orang kata ala Barat itu adalah ala yang betul sekali. Apa yang disebut dalam IPU itu yang dibuat oleh pihak Barat itu semuanya betul sekali. Tetapi dalam masa yang sama kalau kita melihat kemerdekaan di Barat, demokrasi Barat dan kebebasan di Barat itu sudah berapa ratus tahun bermula, berapa ratus tahun Barat telah menerajui dalam keadaan yang terumbang-ambing dan membunuh siapa sahaja yang tidak mengikut kata-kata mereka selepas mereka melafazkan demokrasi.

Kalau kita lihat, saya sebut sekali lagi, kalau kita lihat saya sebut di Britain sahaja. Mc Neth kata dibuat pada 1215, lapan ratus tahun dahulu. Tetapi daripada tahun abad itu, daripada tahun itu sampai ke beberapa ratus tahun selepas itu kepala raja dibuang, parlimen hendak dibakar dan hendak diruntuh, hendak dibom, semua berlaku pengeboman, penganasan, pembunuhan bermacam-macam berlaku, tetapi demokrasi juga, hak asasi semua disebut juga, semua sudah disebut. Tetapi kita merdeka baru tahun 1957 Semenanjung Malaysia, Sarawak tahun 1963 bersama-sama Sabah baru merdeka, sudah kita hendak sampai sama ke tahap mereka dengan beribu-ribu manusia yang mereka sudah bunuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lumar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya tidak ingin bertanya tadi dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang bercakap soal demokrasi tetapi dia tahu dia salah, dia tak mahu mengakui, dia tidak mahu beri peluang kepada saya untuk bertanya. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Kota Melaka tadi mengatakan demokrasi yang diagung-agungkan oleh beliau adalah sekeping kertas yang diambil daripada Internet. Tetapi sebenarnya siapakah yang membuat demokrasi ini. Siapa yang mereka demokrasi. Demokrasi ini perkataan, kita di Malaysia negara yang demokrasi. Minta Yang Berhormat bagi Batang Lumar bantu tunjuk kepada mereka negeri mana yang ada demokrasi di dunia ini.

Mengikut seperti yang ada takrif dalam *internet*, Amerika yang diagungkan, mungkin dia rujuk kepada Amerika tetapi apakah yang demokrasi di Amerika? Untuk menyerang Iraq sepatutnya mereka mesti mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu. Tidak dikumpul, tidak ada permit, tidak ada dibenarkan. Mereka menyerang sendiri dengan Britain. Mereka menyerang Afghanistan, mereka serang sendiri tidak ada persetujuan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah ini demokrasi?

Negara kita demokrasi tetapi kita secara demokrasi, orang sudah menyokong. Rakyat Malaysia menyokong Barisan Nasional memerintah, demokrasi. Kita luluskan undang-undang atas demokrasi. Yang majoriti menyokong, kita buatlah. Kelantan, kalau DAP hendak buat undang-undang sendiri,

kena memerintah dahululah. Terengganu, dia buat undang-undang dia sendiri. Tidak apalah, dia sudah memerintah Terengganu. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Silakan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang menghala ke arah itulah Yang Berhormat sebenarnya. Kalau kita lihat pengasas negara demokrasi ialah negara Britain, negara Perancis dan Amerika. Di Amerika, Yang Berhormat, pada 1776, Thomas Jefferson kata, "*all man are created equal*". Semua orang dijadikan sama rata. Tetapi orang abdi masih orang kulit hitam.

Pada masa itu, manusia yang melafazkan "*all man were created equal*" ialah Thomas Jefferson yang tidak percaya dengan penghapusan keabdian. Dia tidak mahu masuk satu badan *evolutionist* yang dikatakan, yang membuang dasar pengabdian. Dia tidak percaya. Mulut dia sendiri dia berkata bebas tetapi di belakang dia tidak setuju dengan kebebasan. Inikah hipokresi yang kita hendak amalkan? Inilah pengasas demokrasi di Amerika.

Sampai tahun berapa, baru wanita boleh mengundi di Amerika. Pada akhir tahun 50-an, tahun 60-an, masa Presiden Johnson, baru undang-undang dibuat. Semua orang di seluruh Amerika pun dibolehkan mengundi, wanita dan orang kulit hitam. Berapa ratus tahun daripada 1776 sampai ke tahun 1972? Kirakan, saya tidak ada *calculator* hendak kira. Ratusan tahun!

Pengamalan yang dikatakan demokrasi, *wholly democratic principal* ini dijalankan di Amerika, inikah orang yang hendak kita gunakan sebagai landasan untuk menerajui negara kita sebagai negara yang begitu demokratik? Jadi, kalau kita lihat semula, dan masa....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa cerita ini? Hendak cerita hal Amerika, sokong Amerika pula?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya belum sampai, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang ini belum habis jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, minta....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi lagi, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya belum habis jawab Yang Berhormat bagi Sipitang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan yang kedua tadi, Yang Berhormat bagi Sipitang kata hendak hentam Iraq. Tahun 1990 semasa Iraq diserang dan lepas penyerangan ke atas Iraq, CNN dikatakan badan yang begitu bebas sekali dibendung pihak Kerajaan Amerika supaya jangan mengeluarkan apa benda pun kebaikan daripada negara Iraq.

Apa kata-kata lain tidak menyokong soal-soal pengeboman ke atas Iraq. Apa sahaja benda-benda yang *descending views* dan *judgement* ataupun pemikiran daripada mana-mana tempat pun, dilarang dikeluarkan surat khabar, media elektronik ataupun cetak di Amerika.

Ini demokrasi tetapi kalau kita di sini lihat daripada segi luarannya sahaja, *on the face value* sahaja, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita kata Amerikalah yang begitu bebas dan begitu demokratik. Orang putih kelas pertama, orang hitam kelas kedua. Yang kuning, biru macam Yang Berhormat daripada PAS ataupun DAP itu, semua kelas ketiga, termasuk sayalah. Tetapi demokrasi juga Yang Berhormat kerana majoriti orang putih.

Inikah demokrasi yang kita hendak? Kalau berserban macam Ketua Pembangkang datang sekarang, hendak jalan kaki pun kena tahan polis sekarang. Demokrasi juga! Jangan sebut soal demokrasi. Negara mereka, kita hormati undang-undang mereka untuk mempertahankan keselamatan negara mereka.

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Yang mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang belakang?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, bagi yang belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang belakang, ya, Besut.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi namalah, 'Demokrasi UMNO'. Setujukah tidak? Demokrasi UMNO ini... [Disampuk] Bukan UMNO?

Beberapa Ahli: BN!

Tuan Hassan bin Mohamed: BN ya? Demokrasi BN. BN boleh pakai media, pembangkang tidak boleh pakai media, demokrasi. Demokrasi BN ya? BN boleh pakai surat khabar, PAS

Beberapa Ahli: Harakah!

Tuan Hassan bin Mohamed: Harakah berapa kali? [Disampuk] Berapa kali setahun? Berapa kali seminggu? BN hari-hari. BN boleh pakai jentera kerajaan, seluruh jentera kerajaan untuk menentang tetapi PAS tidak boleh. Inikah demokrasi yang dikehendaki oleh BN? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sebut itu, tiap-tiap kali bila saya keluar lorong depan Dewan ini, saya nampak orang yang berkerumun itu yang daripada media cetak dan media elektronik ini, semua pembangkang yang kena *interview* itu. Saya jarang-jarang sekali kena *interview*. Tetapi yang keluar dalam surat khabar Cina, *vernacular papers* itu, *Indian newspaper* itu dan *Harakah* itu, bukan pengeluaran *publication* jugakah ini? Dilesen oleh kerajaan. Dibiarkan oleh kerajaan berjalan, tidak berhenti pun.

Persoalan kalau RTM hendak keluar khabar cerita saya, tidak keluar Yang Berhormat punya, soalnya oleh kerana dia kena jagalah adik-beradik dahulu. Kemudian kepada orang lain. Kalau tidak cukup sumber kewangan dalam poket pada hari raya, jangan bagi

Seorang Ahli: Angpau!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan bagi angpau. Jangan bagi....

Seorang Ahli: Sedekah!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan bagi sedekah kepada orang lain dulu. Sedekah kepada anak sendiri dahulu. Kena baik-baik dengan anak-anak sendiri sebelum kita baik dengan anak orang lain. Bahkan zakat fitrah pun, kita tidak payah bagi dulu kalau kita sendiri belum cukup makan. Inilah amalan yang dibuat, *Islamic* itu! Saya setuju, saya mintalah supaya pihak-pihak yang menyokong kerajaan, media cetak bagi pengeluaran apa yang saya cakap tetapi jangan keluarkan dia orang. Saya setuju. Itulah caranya.

Yang Berhormat di sana, kalau saya hendak pergi Terengganu dan Kelantan sekarang, adakah saya diberi keutamaan atau Yang Berhormat diberi keutamaan? Saya dengar dulu, bila Kelantan *take over* oleh PAS, beribu-ribu ketua masyarakat, ketua kaum dan kaunselor jatuh. Kenapa ini? Ha, ini Kelantan. Terengganu pun saya dengar macam itu juga. 800 orang tidak dapat tempat – Pengerusi JKKlah, ketua kaumlah, apa lagi, tuan imamlah, macam-macam tidak dapat tempat sebab dijatuhkan. Ini soal amalan kerajaan, Yang Berhormat.

Orang tidak sokong, janganlah sokong. Janganlah bawa bersama. Itu yang Terengganu dan Kelantan buat juga.

Beberapa Ahli: Tidak betul!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau tidak betul, cakaplah bohong kepada surat khabar. Jangan cakap kepada saya. Saya baca daripada surat khabar.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, bagilah peluang kepada kawan sudah dua kali bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih pakar undang-undang kita ini. Saya hendak minta sedikit penjelasan tentang seksyen 4, tambahan. Saya tidak tahu undang-undang ini, saya hendak tanya sahajalah.

Apabila kena sabit di bawah kesalahan ini, terus Ahli Parlimen ataupun ADUN kena kosongkan kerusi dari tarikh sabitan. Adakah dari segi undang-undang, ia bermula dari tarikh sabitan ataupun dari tarikh rayuannya ditolak? Di Indonesia, kita tengok Akhbar Tanjung telah dijatuhkan hukuman tetapi beliau masih lagi Speaker MPR sehinggalah tarikh rayuannya ditolak.

Kedua, saya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang pakar berkenaan undang-undang ini. Di bawah kesalahan ini, mana-mana pihak yang didapati bersalah, mereka bukan sahaja tidak boleh diundi menjadi wakil rakyat, bahkan mereka juga tidak boleh mengundi dalam satu-satu pilihan raya. Jadi, kesalahan ini lebih berat daripada kesalahan jenayah yang biasa dilakukan oleh mana-mana penjenayah. Saya minta sedikit penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan bagi penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya minta Menteri *take note* lah itu. Kena buat penjelasan betul-betul itu sebab rasional saya mungkin saya punya pandangan, yang Menteri punya mungkin kerajaan punya pandangan. Pandangan saya soal pilihan raya ini, orang hendak jadi wakil rakyat ini dia menggunakan beberapa banyak *influence, authority* dan sebagainya. Jadi, kalau seorang wakil rakyat itu telah dibawa ke mahkamah, lagi boleh menggunakan kuasa itu. Jadi, masalahlah itu kuasa itu digunakan. Jadi, rasionalnya sepatutnya daripada hari beliau dibawa ke mahkamah itu, patutlah juga digantung, macam orang gantung kerjalah sebelum didapati salah itu gantung kerja sekejap, *suspension* bukan sudah jatuh. Mungkin dia punya gaji masih jalan. Kita pun tidak hendak dia terpaksa pulangkan balik duit nanti. Kalau tidak cukup duit untuk bayar macam mana?

Jadi, kalau didapati tidak bersalah *alhamdulillah*. Tetapi Yang Berhormat kita kena melihat juga satu perkara. Yang kita bawa ke mahkamah itu bukannya semua pembangkang kena bawa ke mahkamah. Banyak Ahli Barisan Nasional kena bawa ke mahkamah. Yang kawan kita Yang Berhormat bagi Gaya ini sampai sekarang dalam surat khabar saya nampak, kes dia dibawa ke mahkamah. Siapa yang bawa? Adakah Barisan Nasional yang bawa Yang Berhormat bagi Gaya itu ke mahkamah ataupun pihak pembangkang? Jadi, maknanya undang-undang ini adalah adil bagi kedua-dua pihak. Mungkin yang terkena itu adalah orang Barisan Nasional yang sebagaimana terkena kepada pihak pembangkang juga.

Jadi, soalan rasional di sebalik tindakan-tindakan kerajaan itu ada sebab-sebab yang tertentu. Itulah kenapa kalau kita lihat juga dalam undang-undang ini, mengatakan tiap-tiap kes dibawa ke mahkamah, mesti didengar oleh mahkamah dalam masa enam bulan. Tiap-tiap garis panduan kesalahan itu dibuat daripada hari yang didapati dibawa ke mahkamah dalam masa 14 hari. Garis panduan dan prosedur-prosedur yang tertentu telah ditetapkan oleh kerajaan. Tujuannya supaya jangan dilengah-lengahkan kes ini didengarkan. Supaya jangan wakil ini datang ke

Dewan membincangkan semua dasar-dasar kerajaan, membincangkan semua undang-undang kerajaan dalam masa yang sama mungkin kedudukan dia masih boleh dipersoalkan. Itulah kenapa undang-undang ini dibuat dalam keadaan yang sedemikian supaya kes ini dibawa seberapa cepat yang boleh ke mahkamah untuk diadili.

Yang kedua tadi Yang Berhormat, apa soalan yang kedua tadi?

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalan yang kedua ialah daripada tarikh sabitan. Adakah ini selari dengan undang-undang negara kita kerana kalau kita kira kosong Kerusi dari tarikh sabitan kemudian orang itu menang dalam rayuan maka Kerusi dia dapat balik.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini macam *hybrid* lah itu, dia bukan *retrospective effect*. Undang-undang ini kadang-kadang dia memang berlaku macam itu. Kadang-kadang ada undang-undang ini *application* apabila mahkamah membuat sesuatu keputusan *effect* dia balik ke belakang. Di England pun buat. *One of the biggest case* dalam *English history* ialah Burma Case, Burma Oil Case. Kalau sesiapa belajar undang-undang dia ingatlah ini. Burma Oil Case pada tahun 1950-an dulu. Parlimen British di *decide* oleh House of Lord. Ada pengkritik undang-undang mengatakan, kenapakah *effect* undang-undang ini sebegitu rupa iaitu pergi ke belakang iaitu *retrospective effect* undang-undang.

Jadi, kita tidak buat macam itu. Kita buat secara *statute* mengatakan supaya dia letak pada hari itu juga. Jadi, dia tidak membebankan mana-mana pihak, tidak membebankan orang *petitioner* dan juga kepada yang terkena oleh *petition* itu nanti. Jadi, saya ingat rasional dia ialah supaya jangan membebankan mana-mana pihak yang terlibat dalam persoalan apabila si ahli ini nanti atau si anu ini nanti didapati bersalah setelah mahkamah membuat keputusan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal demokrasi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, soalan demokrasi tadi Tuan Yang di-Pertua adalah bermacam-macam. Sebenarnya kalau kita hendak ...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Pohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit daripada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lular bahawa memandangkan hakikat bahawa evolusi adalah satu sistem dan kaedah pemerintahan yang berubah-ubah, *evolution* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dalam perjalanan evolusi demokrasi 900 tahun lebih di UK, berpuluh-puluh tahun di India, Australia, Kanada, bermakna kita berhadapan dengan dua prinsip iaitu demokrasi dan *rule of law* dan di sini kita hendak tentukan bagaimana *the rule of law* itu dapat menjamin keutuhan demokrasi itu sendiri.

Dengan merujuk kepada kupasan tersebut, saya memohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat, tidakkah menjadi hakikat sejarah dalam evolusi demokrasi di mana-mana sekalipun setiap masyarakat dan negara melalui satu proses yang mana pihak yang mewujudkan sesebuah negara itu dominan buat seketika seperti di United Kingdom, di India melalui Kongres Partinya di mana sekalipun. Jika itu yang menjadi hakikat sejarah dalam evolusi sesebuah demokrasi, apalah dominannya Barisan Nasional selama 45 tahun sahaja, sedetik dalam sejarah menjamin masyarakat diperintah dengan baik dan adil. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya banyak membaca falsafah-falsafah Barat. Banyak falsafah yang dibuat pihak Yunani, ada juga dari pihak Eropah lain tetapi tidak mendapat pertimbangan ataupun tidak dipakai oleh mana-mana orang yang menerajui kerajaan. Dalam suatu ketika iaitu pertembungan satu pemikiran di antara demokrasi dan anarki yang mana anarki adalah satu terminologi yang mana orang katakan tidak ada kerajaan tetapi sebenarnya orang yang *demand to absolute freedom* akan *end up* dalam keadaan anarki. *Variation* dalam satu falsafah ini yang *Machiavellian's Principal* yang mana *the end justified the mean*.

Jadi, dalam keadaan bermacam-macam falsafah inilah *evol* kerajaan, *evolution* kerajaan ini telah bermula pada ketika dahulu yang mana kerajaan hanya menggunakan kekuatan, siapa yang kuat dialah yang berkudrat hinggalah prinsip-prinsip *rule by the people* di *propagate* oleh kerajaan-kerajaan di Eropah dan kita gunakan. Tetapi dalam masa yang sama, *democratic principle* ini juga ber *various shape and colour*. Kalau kita baca soalan prinsip demokrasi bermula daripada Piper, dia pergi ke mana-mana macam Aristotle umpamanya dia pergi daripada satu tempat ke satu tempat untuk mem *propagating* ataupun mempelopori idea demokrasinya.

Ini dikatakan Piper punya *principle* dengan pergi ke mana-mana untuk menjual soalan-soalan kebebasan demokrasi dan berbagai-bagai lagi. Dalam keadaan yang sedemikian pada ketika itu sebenarnya semua orang tangkapan, orang abdi, apa sahaja orang luar daripada segolongan masyarakat itu sendiri adalah dianggap orang luar dan demokrasi kebebasan bercakap dan berfikir adalah diberi kepada golongan ini sahaja dan golongan ini adalah daripada golongan elit dan golongan yang mentadbirkan. Idea mereka digunakan dan dipelopori, *the respective of the multitude*. Ini dia tidak ada *multitude*. Dia tidak kira orang ramai walaupun satu *million* orang lain kalau golongan yang 50 orang ini memikirkan *this is the correct idea of government* orang inilah yang akan menerajui kerajaan. Tetapi dalam masa yang sama, ini jugalah yang dikatakan demokrasi kerana yang lain tidak berhak di *franchise group*.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Buller Muckmen mengatakan tidak kira siapa sahaja mestilah dimasukkan dalam golongan ini hinggalah keadaan, kalau hendak cerita panjang lebar satu buku Tan Sri. Jadi, saya minta maaf saya tidak boleh hendak pelopori semua idea-idea demokrasi daripada awal macam mana dia *evol* daripada satu masa ke satu masa dalam satu keadaan ke satu keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat, soalan saya ialah saya mohon penjelasan, tidakkah rang undang-undang ini yang digubal di bawah prinsip *the rule of law* yang diwujudkan di bawah demokrasi di Malaysia semata-mata untuk mempertahankan keutuhan dan kekukuhan demokrasi di Malaysia sendiri. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan rang undang-undang ini atau tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, terima kasih Tan Sri. Sebenarnya bahasa saya, bahasa orang kampung. Jadi bila berjumpa dengan bahasa orang dari daerah....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat perli saya kah?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak Yang Berhormat [Ketawa] Teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebab bahasa saya bila jumpa dengan bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka itu orang Batang Lumar susah sedikit. Jadi sebenarnya saya setuju, yang lupa saya sebutkan tadi ialah kadang-kadang orang terbawa-bawa dengan soal kebebasan, terbawa-bawa dengan soal demokrasi, terbawa-bawa dengan soal *freedom*, jadi dia terlupa bahawa tiap-tiap undang-undang yang kita gubal ialah untuk mempertahankan keadaan yang ada di negara kita ini kalau keadaan kita itu telah menyenangkan dan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat, telah mendatangkan kebaikan kepada negara itu sendiri dan mendatangkan kebaikan ekonomi, kestabilan politik dan keamanan kepada masyarakat.

Jadi kita tidak boleh mempelopori satu-satu idea hanya pada *purpose of that idea alone*. Kita mestilah mempelopori satu idea dengan tujuan untuk mempertahankan kedudukan yang sebegitu baik seperti yang kita sebutkan tadi. Jadi kalau kita anggap Malaysia pada masa sekarang ini adalah sebuah negara yang aman, negara yang stabil, mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi sebagaimana kita melihat dan mengamalkan demokrasi itu dan kita menggunakan dasar undang-undang kita sendiri untuk mempertahankan keadaan ini, adakah kita perlu bertukar?

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tan Sri, saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan tadi bahawa undang-undang ini ialah untuk mempertahankan keadaan ini dalam keadaan kita sendiri, dalam apa yang kita percayai sebagai yang betul dan yang sepatutnya. Jadi, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab mestilah menggubalkan cara mana yang mereka ketahui kerana Tuan Yang di-Pertua, ingin saya hendak sebutkan sedikit, saya harap perkara ini bukan remeh. Saya mendengar seorang ahli politik di sebuah negara jiran telah berucap dengan sekumpulan ada mungkin dalam 30-40 orang. Ucapan yang begini, saya duduk di beranda, dia berucap daripada satu dewan makan. Dia berkata dengan bahasa mereka sendiri, bahasa Inggeris, dia berkata, negara kita tiap-tiap kali pilihan raya ada berlaku kekasaran, pergaduhan bahkan mendatangkan kematian. Pada pilihan raya yang lepas walaupun laporan mengatakan beberapa yang mati tetapi dalam pandangan saya tidak kurang daripada 200 yang mati dalam satu pilihan raya pada ketika itu.

Jadi ini menunjukkan bahawa katanya negara kita walaupun kita kata telah *civilized* tetapi belum mencapai satu tamadun yang mencukupi supaya pilihan raya ini tidak mendatangkan kematian, kerosakan, luka dan sebagainya kepada

masyarakat. Ini menunjukkan orang kita, kata dia ialah orang yang belum lagi bertamadun. Jadi saya tidak tahu kenapa beliau bercakap sedemikian. Saya duduk hampir 15 minit mendengar ucapan itu yang menunjukkan bahawa kebebasan yang diamalkan oleh negara jiran ini telah mendatangkan kematian yang begitu banyak sekali dalam satu pilihan raya. Adakah ini pilihan kita atau pun adakah kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab supaya mempertahankan keadaan kestabilan ini supaya kematian yang sebegitu rupa boleh dielakkan. Ini yang mati sahaja yang disebutkan sama ada fakta yang saya dengar itu betul atau tidak, itu persoalan lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah maka soal kebebasan, soal demokrasi mestilah kita menggunakan fakta dan cara kita sendiri. Saya pernah berbincang dengan ahli politik dari Britain yang mengatakan demokrasi mesti dipelopori semua ahli Komanwel, orang yang bekas jajahan British itu mesti menjalankan proses supaya kita mendapat satu demokrasi yang unggul.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, sekejap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap, sekejap.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya tanya dengan beliau apakah itu yang dikatakan demokrasi yang unggul, satu demokrasi yang tulen, apakah itu? Adakah saya kata corak British yang mereka kata 12-15 tahun tetapi di perantaraannya banyak yang mati terbunuh, saya kata, berapa kepala queen dan king sudah jatuh, inikah demokrasi yang diamalkan di Britain pada 12-15 tahun sampai sekarang baru mendapat keunggulan, adakah negara Nigeria, adakah negara India ataupun Malaysia, di negara-negara Afrika lain yang belum sampai ke peringkat itu dalam masa 30 tahun kita hendak tekan sekarang?

Beliau bersetuju bahawa peringkat pencapaian sesebuah negara kepada satu peringkat pengamalan demokrasi itu mestilah *by progression*. Demokrasi adalah bukan satu matlamat tetapi satu proses dan satu proses dari satu peringkat ke satu tempat, evolusi ke negara-negara itu untuk mentadbir negaranya mestilah dari satu peringkat ke satu peringkat, barulah kita sampai ke satu peringkat mana dan tidak ada pencapaian ini. Pencapaian ialah supaya negara ini akan menjadi aman, negara ini akan menjadi stabil, negara ini akan mewujudkan satu budaya dan

culture yang baik dan tidak ada keganasan. Jadi ini sepatutnya yang kita tujukan, bukan satu matlamat yang tertentu yang dikatakan demokrasi, kebebasan dan sebagainya.

Ya, kalau dia masih hendak tanya? [*Sambil bertanya kepada Yang Berhormat bagi Setiu*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Batang Lupar yang saya mengikuti dengan penuh minat tadi ucapan beliau dan saya tengok tak tahu nak lending kat mana dan saya tidak tahu sama ada yang beliau maksudkan demokrasi yang menjadi contoh kepada beliau itu pun saya tidak nampak negeri mana atau negeri mana model yang hendak diikuti oleh beliau sendiri. Penjelasan yang saya ingin dapat daripada Batang Lupar ialah adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa tujuan demokrasi ialah untuk kita mencapai keadilan dan kita mahu menghormati hak rakyat. Ertinya bila rakyat telah membuat keputusan memilih sebuah kerajaan maknanya seluruh kita mesti menghormati keputusan rakyat tersebut. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah yang berlaku di Terengganu sekarang, apabila rakyat membuat keputusan memilih PAS yang merupakan salah satu daripada Barisan Alternatif untuk memerintah Terengganu dan kerajaan, Barisan Nasional telah menarik balik royalti minyaknya, pembayaran capitation gran yang dilambatkan dan mengenakan caj/interset terhadap pinjaman air sedangkan negeri-negeri lain tidak dikenakan interest tersebut. Apakah ini yang dimaksudkan demokrasi yang hendak diperjuangkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar?

Yang keduanya ialah soal penggunaan media massa, adakah kebebasan yang kita maksudkan yang dilakukan oleh media massa sekarang khususnya TV yang menjadi badang penerangan kepada kerajaan tetapi menjadi badan propaganda BN dan UMNO danseluruh perubahan yang hendak dibuat dalam akta ini adalah untuk memastikan bahawa BN terus berkuasa dan suara daripada pembangkang dimatikan. Adakah itu yang dimaksudkan? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, soalan yang pertama itu, soalan mengenai Petronas, royalti minyak, sebut royalti, tetapi sebenarnya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat lihat Perlembagaan kita, di mana letaknya kuasa. Dan kalau kita lihat kepada undang-undang yang kita sendiri

luluskan di Parlimen ini, sebelum Yang Berhormat duduk di Parlimen ini, sebelum saya duduk di Parlimen ini, mengatakan siapa punya harta itu, umpamanya kalau undang-undang Petronas, kalau minyak itu dikeluarkan daripada telaga minyak yang terletak tiga batu dari pantai ia adalah kepunyaan *Federal*, manakala yang ke daratan *state* boleh tuntutan. Kalau ada pemberian ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, perkara royalti ini akan ditentukan oleh mahkamah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oh! Jadi saya kena akuriah Yang Berhormat, tidak bolehlah. Kalau persoalan ini masih dalam mahkamah Yang Berhormat, saya akur, saya tidak boleh hendak memanjangkan cerita. Kalau boleh, insya-Allah saya boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta Yang Berhormat, siapa yang bertanya dan siapa yang bercakap perlu mengambil perhatian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi soalan Yang Berhormat yang pertama itu tidak boleh dijawablah. Yang kedua, soalan mengenai media tadi. Kita dalam kerajaan memang ada jabatan dan kementerian yang tertentu untuk menyebarkan dasar kerajaan, apa yang kerajaan sudah buat. Jadi, tiap-tiap seseorang yang menjalankan sesuatu tugas untuk sesiapa sahaja, ia adalah PR. Maknanya, Kementerian Penerangan ini adalah satu badan PR ataupun *public relation* untuk kerajaan. Jadi tujuan jabatan ini ialah untuk memberi tahu kepada masyarakat umum, kepada sesiapa sahaja yang hendak mendengar dan menerima cerita ini, mestilah mendengar dari laporan kerajaan supaya jangan diseleweng ataupun diputar-belit oleh pihak-pihak lain.

Jadi, apa yang kerajaan sudah buat, apa yang kerajaan telah bina, apa kebaikan yang kerajaan sampaikan kepada masyarakat, ini disampaikan oleh kerajaan menerusi media kerajaan. Jadi dalam keadaan sedemikian, agensi-agensi ini mentadbir secara mereka sendiri. Jadi, mereka mempunyai garis panduan dan minat mereka sendiri. Kalau mereka menjadi penyokong kerajaan menyebarkan semua khabar-khabar kerajaan, janganlah marah dengan mereka.

Macam itu jugalah kalau sebuah syarikat, *employ* satu syarikat PR ataupun badan PR ataupun seorang ahli PR, kalau dia tidak buat kerja kita, dia bukan kerja dengan kitalah. Yang Berhormat, begitulah juga macam Harakah umpamanya, takkan Harakah menunjukkan cerita Barisan Nasional semua baik, tidak ada pun.

Dia tunjuk semua cerita-cerita PAS sahaja yang baik. Mungkin dia hentam DAP pula, DAP tidak baca. Jadi kita tidak tahu. Tetapi kita tidak boleh menyalahkan Harakah dalam keadaan itu kerana dia memang membuat satu publisiti untuk pihak PAS, dan DAP pun tidak boleh marah dengan Harakah juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah lama mendengar ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, dan semakin saya dengar semakin saya merasa keliru, yang mana tadi Yang Berhormat bagi Batang Lupar kata, demokrasi ini adalah satu proses evolusi. Jadi, soalan saya adalah, bukankah pindaan undang-undang terhadap akta ini yang mana memasukkan fasal Akta Hasutan, yang mana meningkatkan deposit bahan kempen dan sebagainya dan juga fasal-fasal lain yang menyekat kebebasan calon pembangkang dan juga calon bebas dalam satu kempen pilihan raya ini, adalah merupakan satu langkah yang beralih ke belakang yang bercanggah dengan evolusi demokrasi di Malaysia.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah mengelirukan organ parti seperti Harakah, Rocket, dengan media massa, yang mana media massa yang harus menjadi satu bidang dan satu ruang untuk perbincangan orang ramai, dan haruslah juga ada satu kebebasan bagi media supaya orang ramai dapat tahu apakah yang sebenarnya berlaku dan mendengar cerita daripada dua pihak. Jadi, kawalan terhadap media massa ini sebenarnya juga menunjukkan bahawa Barisan Nasional telah beralih ke belakang dan juga menunda evolusi dan proses demokrasi. Setujukah Yang Berhormat bagi Batang Lupar dengan saya?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itulah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat betul-betul dengar cerita saya, tidak *confuse* Yang Berhormat, tidak mengelirukan, memang betul cerita saya itu.

Pertama, soalan mengenai deposit pilihan raya itu saya sebutkan kemudian. Saya hendak jawab dahulu soalan mengenai media. Soalan mengenai media ini Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat lihat, CNN adalah media Amerika yang terkuat sekali, yang terunggul sekali, banyak orang lihat, tidak payah baca, lihat sahaja sudah faham. Kalau budak-budak kecil lihat pun sudah faham. Mana ada dia tunjuk apa masalah orang Iraq Yang Berhormat, apa masalah orang Libya, apa

masalah orang di Chechnya, apa masalah orang di Afghanistan, orang yang dibunuh oleh pihak Amerika, apa yang ada dia cerita, apa yang dia tunjuk? Dia tunjuk semua mengenai kebaikan Amerika sekarang.

Saya pagi tadi menaiki *train* daripada *airport* untuk pergi ke KL Sentral, duduk dengan seorang kawan yang saya tidak kenal siapa dia, tetapi orang Malaysia, ia baru balik dari New York. Dia kata, dia buka televisyen di New York, pagi, petang, siang, malam, tidak ada cerita, benda lain, semua cerita mengenai pengeboman *The Twin Towers World Trade Centre*. Tetapi yang ditunjuk itu semuanya ialah untuk memberi *assumption* bahawa yang mengebom itu ialah orang Islam, itulah Osama bin Laden yang mengebom, itulah dia. Tetapi sebenarnya bukti-bukti nyata untuk mengatakan Osama bin Laden yang mengebom pun tidak ada bukti. Dan siapa yang mengebom pun tidak ada.

Kenapa pula Bush, yang tahu persoalan mengenai pengeboman itu, disebut kerap kali dalam televisyen itu, tidak ada menyebut pun? Saya tanya dengan dia tadi, selama satu jam, hampir setengah jam dalam *train* itu, saya tanya adakah apa-apa ulasan lain berhubung pengeboman itu yang disebutkan? Yang Berhormat, kalau seorang *engineer* yang bijaksana sekalipun, suruh pandu satu kapal terbang untuk menghentam *Twin Towers* itu Yang Berhormat, kalau dia tidak mahir langsung dengan *plan, minute detail of the plan* Yang Berhormat, dia tidak akan mengebom *Twin Towers* itu, dia tidak akan boleh meruntuhkan *Twin Towers* itu begitu sahaja, melainkan orang dalaman yang buat, mungkin FBI yang buat *feedback*. Siapa yang tahu? Selepas itu *laid the blame* kepada *Islamist* atau kepada orang yang melakukannya? Kita tidak tahu. Tetapi mengapa pihak media dan CNN tidak membuat laporan.

Jadi soalnya Yang Berhormat, memang ada *vested interest* sesuatu *group*, sesuatu parti itu. Sama juga dengan CNN. Dan mereka ini hendak menyokong kita pun macam itu jugalah, kenalah sokong kerajaan. Dia orang kerajaan, kalau tidak sokong kerajaan, siapa lagi yang hendak disokong? Kalau saya berdiri di sini tidak menyokong kerajaan, buat apa saya berada di sini? Mesti kena. Kita punya *interest* ialah *welfare of this nation first* sebelum soalan-soalan konsep dan idealisme kita Yang Berhormat.

Saya percaya, saya dilatih dalam jurusan undang-undang, saya percaya dengan soalan kebebasan, saya percaya dengan soalan demokrasi, saya percaya dengan soalan *human rights*, saya percaya dengan soalan *the rule of law*. Tetapi

persoalannya, adakah *human rights*, adakah *rule of law*, adakah kebebasan yang mutlak dan wajib ini, akan mendatangkan kebaikan kepada negara ini ataupun tidak. Kalau jawapan kepada soalan ini “tidak”, ataupun “belum tentu”, saya pilih keadaan yang ada sekarang ini - biar kita dalam kestabilan, biar ekonomi kita menyerlah, biar orang kita bebas pergi ke pekan dan kota.

Tidak payah pergi jauh, *neighbour* kami dari Sarawak, di belakang Sarawak, pergi ke kawasan Kalimantan, Yang Berhormat. Kereta dipandu sesuka hati sahaja, tanpa lesen. Saya bertanya dengan kawan-kawan, sudah tidak ada lagi semua ini. Inikah dikatakan kebebasan? Apa jawapan mereka, “Oh Pak, ini reformasi Pak”. 'Reformasi buntut'. Orang di kawasan situ sudah mengatakan, “Kebebasan semacam ini, reformasi semacam ini tidak mendatangkan hasil, tetapi apa hendak dibuat, sudah terlambat Pak”. Ini jawabannya.

Saya baru balik daripada Sintang, baru balik daripada Sanggau. Saya berjumpa banyak kawan, banyak masyarakat di sana mengatakan, “Lebih baik zaman Pak Suharto”, kita tidak boleh masuk campur dalam masyarakat mereka, ini negara mereka Jadi apakah pilihan? Adakah kebebasan sebegini yang kita hendakkan? Saya baru balik daripada Filipina bulan lepas, empat hari di Filipina, baikkah ini? Ini cerita 200 orang yang mati dalam satu pilihan raya. Baikkah itu? Itukah yang kita mahu? Seorang yang marah, buat melenting, cerita ini cakap “Uk, uk” macam itu, datang seorang bawa senapang dan tembak, mati, adakah ini yang kita mahu? Ataupun undang-undang atas kertas supaya kerajaan kita mempertahankan keamanan dan kebebasan. Saya lebih rela kebebasan yang ada pada kita sekarang – demokrasi ala kita sendiri ini dilakukan daripada mengadakan idealisme dan demokrasi yang tidak ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun sambil menunjukkan buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat*] Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan 36(1) – “Seseorang Ahli Dewan, apabila membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan ... “

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya faham Yang Berhormat, saya faham. Tetapi yang membuat soalan nampak tadi tidak

berkaitan. Jadi, janganlah bila orang menjawab kita tidak bersetuju, yang kita buat tadi kita tidak fikir undang-undang. Ya, sila, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itulah Yang Berhormat bagi Sri Gading Astaghfirullahalazim, Astaghfirullahalazim. Inilah dia kalau sendiri bercakap melaung-laung macam ayam jantan berkokok tetapi ekor terkena..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Najis?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Diam juga, tetapi kalau orang lain buat sedikit macam ini sudah tegur membawa buku, sebenarnya orang yang kalah jawapan itulah dia, mencari *technical mistake* sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang janganlah kawan. Pagi-pagi saya mendengar Ketua Pembangkang bercakap begitu juga, yang daripada Kota Melaka cakap itu juga. Jadi, saya yang mendengar ini pun ikut jugalah Ketua Pembangkang sudah membuat jalan untuk saya dan saya pun ikut belakang. Saya sebenarnya hendak mengulas sedikit-sedikit cerita Ketua Pembangkang, ulas sedikit yang *Secretary General* DAP tadi, kawan tinggal di belakang, kena jagalah belakang kawan itu. Kalau tidak takut pilihan raya depan tidak masuk lagi, bimbang juga ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua soal demokrasi, soal *freedom* dan sebagainya itu adalah sepatutnya tidak payahlah *idolizing* ataupun mendewa-dewakan idealisme ataupun prinsip corak negara-negara lain. Kerana negara lain itu tidak ada semuanya baik, yang dipraktis secara *absolute* itu akan mendatangkan *anarchy* yang dipraktis secara liberal itu sebenarnya ada undang di sebalik batu.

Pergilah ke negara Amerika, pergi lah ke negara Perancis. Perancis belum saya sebut tadi, Ini rakan-rakan kita baik-baik semuanya, bisnis kita baik bercampur dengan orang Amerika orang British, orang Perancis ini tetapi di sebalik amalan demokrasi mereka, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara yang kita tidak suka. Orang Islam yang hendak pergi ke sekolah di negara Perancis tidak boleh memakai tudung minta maaf. Kalau sekarang memakai tudung pergi ke sekolah kena buka, demokrasi juga Yang Berhormat. Tetapi kalau kita di sini buat macam itu cubalah Yang Berhormat sendiri. Turki hendak masuk ke Parlimen tidak boleh memakai tudung, budak-budak sekolah tidak boleh memakai jubah, tidak boleh memakai tudung kerana hendak *impress* orang putih, hendak *impress* orang

barat, hendak *impress* orang yang pandai demokrasi. Inilah dia, *don't impress people, follow your own path*. Leader makes on his idea, Yang Berhormat dengan izin. Kalau kita jadi pemimpin kita kena buat hala kita sendiri, cara kita sendiri. Kalau kita hendak ikut belakang, orang masuk longkang, kita pun ikut masuk longkang sama. Jangan jadi pemimpin patutlah Yang Berhormat duduk jadi pembangkang [*Ketawa*], kerana ditakdirkan negara ini mesti kita menjadi pemimpin masyarakat kita, kita hendak menghalakan negara kita ke arah yang baik supaya kita jangan *parroting* orang lain punya idealisme, *parroting* orang lain punya *ideology* cara orang lain, kita kena ikut cara kita sendiri.

Alhamdulillah, dalam keadaan gelombang yang begitu bergelora, laut yang begitu teruk, ekonomi kita dalam tahun 1997 sampai sekarang ini alhamdulillah, kita masih baik, tetapi merudum sedikit kita punya *share* kerana Amerika, demokrasi yang begitu unggul sekali. Saya kata tidak unggul itu.

Yang Berhormat idam-idamkan Amerika itu, hendak menghentam Iraq, tidak dengar pun pandangan United Nation, boleh jatuh *share market* kita. Jadi inilah hala yang kita hendak tuju. Jadi, Tuan Yang di-Pertua ini soal dasar baru sikit saya sebut, belum ke peringkat undang-undang. Soal dasar sedikit dahulu sebab saya hendak dengar macam mana penerimaan masyarakat keseluruhannya. Soal undang-undang yang sedemikian, tujuan kita di Parlimen ini ialah menggubalkan satu undang-undang untuk mempertahankan strategi kita, mempertahankan idealisme kita, mempertahankan falsafah pembangunan negara kita. Jangan kita hendak ikut-ikut oleh kerana kita nampak *the other field is greener than our field*, bila kita pergi ke sana kita terbakar baru sedar. Banyak orang kita pergi ke Australia, pergi ke New Zealand ambil PR. baru tetapi selepas lima tahun, enam tahun kalau tidak percaya pergi balik ke Sarawak tanya.

Banyak yang balik ke Sarawak sekarang, selepas lima ke enam tahun duduk di Australia dan di New Zealand. Ini negara yang *first class*, lebih baik daripada Amerika, lebih baik daripada England, dia punya *social problem* tidak banyak, dia punya racial diskriminasi tidak banyak tetapi balik. Bila balik ditanya "Kenapa?" Oh kita ini orang China, China juga, Melayu, Melayu juga tidak mungkin sama dengan orang putih. Doktor, peguam yang dahulu percaya bercerita besar Tuan Yang di-Pertua. Walhal kebebasan senang bercakap, bila sampai Australia selepas ke lima tahun baharu sedar yang bercakap pun tidak boleh di sana. Haha.. baru sedar,

sudah sampai tinggal di Australia lima tahun, tinggal di New Zealand lima tahun baru sedar yang dunia ini langitnya tinggi.

Inilah Yang Berhormat, walaupun hujan keris, lembing di negara kita sendiri, jangan mimpikan hujan emas di negara orang. Yang emas itu melecur, panas emas itu, kena badan habis. Sebenarnya cerita sahaja, angan-angan sahaja. Jadi, inilah keadaannya yang kita dengar baik itu hanyalah gambaran yang dibuat di mana PR-nya baik, surat khabar dia betul, televisyen dia tunjuk betul untuk mempertahankan keadaan dalam negara mereka sendiri. Jadi apa salahnya undang-undang ini untuk mempertahankan negara kita sendiri. Tidak ada salah langsung, saya cukup bersetuju nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, di blok ini saya ingat dalam perbahasan-perbahasan Dewan yang lepas mengatakan naikkan deposit, naikkan cengkeram daripada RM5,000 Ahli Parlimen, RM3,000 Ahli Dewan Undangan Negeri daripada itu naik ke RM20,000, naik RM25,000. Ini adalah kata-kata daripada Barisan Nasional, ada sebab tertentu Tuan Yang di-Pertua. Apabila sampai pilihan raya tidak payahlah disebut Sarawak, Sabah, Semenanjung pun mungkin ada juga tetapi memang banyak di Sarawak dan Sabah. Bila tiba masa pilihan raya kita lihatlah kawan, membawa, mengambil satu hari, kita dengar bila pengumuman untuk pilihan raya itu sudah sampai, borang sudah dikeluarkan oleh SPR, sampai beratus-ratus orang keluar daripada SPR itu. Sebab itu kita cadangkan borang ini pun jangan murah sangat, mahal-mahal sedikit, sebab diambil borang ini. Selepas itu dikepit borang, satu untuk anak, satu adik, satu sepupu, orang Sarawak kata 'peduak pupu' semua masuk, masuk ke dalam Dewan hendak menunjukkan ada borang. Sebab hendak memasang ini, ingat orang hendak membeli datanglah ke tempat saya hendak membeli apa?.

Jadi, tujuannya supaya mereka yang semacam ini bukan serius, tetapi Yang Berhormat yang serius kita terima, yang tidak serius ini kita tidak mahu. Itulah kenapa Ahli-ahli Barisan Nasional di blok ini dahulu semua rata-rata naikkan ini supaya jangan ada pengacau, penyangak masuk dalam pilihan raya. Ada pula satu orang Tuan Yang di-Pertua pilihan raya Parlimen yang lepas. Ini Tuan Yang di-Pertua hendak dengar sedap cerita budak ini. Dia hanya security guard Tuan Yang di-Pertua, demokrasi siapa larang, dia *qualified*, tidak ada rekod jenayah, dia bukan orang bankrap, ambil borang, SPR kata, "Encik boleh beri dua tiga." Dia isi borang

berapa helai pun tidak tahulah tetapi satu yang masuk. Dia pergilah ke kawasan Ulu Kapit kalau tidak salah saya..

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pergi ke kawasan Balik, Balik ini jauh dekat ulu Tuan Yang di-Pertua, pergi masuk selepas penamaan calon masuk okey. Okey, semua okey kerana sekarang SPR sudah buat *simplify* borang ini, tidak ada susah sangat hendak isi, budak-budak kecil, *primary, standard six* pun boleh isi. Masuklah, sudah diterima. Lepas itu dia balik ke Kuching, pakai uniform *security guard* semula, tidak kempen, tidak apa, semua benda pun tidak ada, biar macam itu sahaja. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, inikah wakil rakyat yang kita angan-angankan hendak jadi wakil rakyat.

Persoalannya bukan dia *security guard*, persoalannya dia tidak serius. Kalau dia *security guard* sekalipun, walaupun dia orang kerja buruh sekalipun, pun tidak apa kita terima, ini demokrasi. Persoalannya dia kena kempen, dia kena buat betul-betul, dia pergi ke rumah-rumah panjang, pergi ke kampung-kampung, kempen inilah yang layak, Yang Berhormat yang lepas itu tidak buat kerjakah, tidak apakah, you sebut apa sahajalah, demokrasi boleh buat semua ini.

Tetapi lepas penamaan calon, naik tambang – dengar ceritanya Tuan Yang di-Pertua, ada orang *sponsor*. *Sponsor* ini saya tidak tahu berapa ribu, sedikit untuk deposit, yang sebahagian untuk kempen, yang sebahagian masuk poket dia, balik ke Kuching, jaga *security guard* malam pula. Yang pilihan raya, *carry on* lah itu.

Ada satu lagi di kawasan saya, pilihan raya 1995 – dia datang, telefon. Tuan, kata dia, *I am your friend, I want to talk to you*. Okeylah saya kata, *no problem*. Pergi rumah emak saudara saya, masa itu pilihan raya negeri. Naik ke sana, dia cerita, dia kata, saya sudah masuk penamaan calon dan saya akan tarik balik kalau *you* setuju, ini *term* nya, dia kata lagi, *my legal firm* masuk dalam *panel housing commission*, satu permintaan dia. Yang nombor dua, *housing commission* mesti bagi saya sekurang-kurangnya tiap-tiap kali *housing development* dibuat oleh *housing commission* mesti 1/3 bagi saya. Yang keempat, soal pembangunan perumahan yang saya cadangkan itu minta *mix zone*, kata dia, di Sarawak itu dia ada *native status*, kerajaan yang berhak minta di *convert* pergi *mix zone*, minta diluluskan, katanya.

Ini bukan tugas saya, saya kata, saya ini mana ada kuasa buat benda-benda ini. Di Sarawak ini, *State Planning Authority* yang buat, bukan seorang, sepuluh

orang yang duduk. Jadi, saya kata tidak bolehlah duduk sini, saya tidak boleh bincang cerita ini. Okey, habis cerita, kawan-kawan baiklah, *you carry on* sahaja dengan *you* punya itu, tidak apalah, kalah, kalah, menang, menang, itu soal kemudian, biar rakyat yang menentukan.

Tetapi dia balik, dia balik Kuching, dia hantar surat kepada saya. Kalau tidak salah surat itu masih saya simpan sebab surat itu sedap. Dia kata, "*Wan, I keep my promise, saya tidak ada buat kempen, saya balik ke Kuching, carry on with my legal work.*" Tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah ini wakil rakyat yang kita hendak cari, orang yang betul-betul hanya hendak ada sebab-sebab lain, bukan untuk mewakili rakyat. Inilah sebalik rasional yang kita tidak mahu supaya RM3000 – kita boleh bandinglah di India berapa, di Australia berapa, New Zealand berapa, di mana-mana sahaja berapa, dia boleh katakan lebih rendah daripada apa yang kita cadangkan hari ini.

Tetapi persoalannya adakah perkara ini berlaku di India, adakah perkara ini berlaku di Australia, adakah perkara ini berlaku di England. Perkara yang betul-betul bukan serius, orang yang sengaja macam *security guard* tadi masuk kertas 'tup' balik ke Kuching. Ini betul, tanya dengan Yang Berhormat di belakang, tanya dengan - malangnya peguam ini tidak ada lagi, sudah meninggal sudah.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, inilah sebab-sebab kita cadangkan supaya Ahli Parlimen selalu bercakap di sini mengatakan supaya deposit untuk pilihan raya ini, negeri dan Parlimen ini kita naikkan supaya hanya orang betul-betul serius, yang betul-betul hendak berkhidmat dengan kerajaan, dengan rakyat boleh terlibat.

Dan tidak juga mahu ada seorang tauke yang ada duit bagi *sponsor* RM15,000, RM3,000 untuk deposit, RM12,000 untuk belanja kopi, minum di kedai-kedai kopi, kawan sikit-sikit, buat sibuk kiri, sibuk kanan, sudah kempenlah itu. Ini yang kita hendak hentikan. Inilah kenapa maka kita cadangkan supaya deposit ini dinaikkan. Jadi, kita berterima kasih dengan kerajaan kerana cadangan-cadangan yang kita sebut selalu ini telah diterima pakai oleh pihak kerajaan dan dimasukkan dalam undang-undang ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, soal tadi yang ada disebut, soal perkakas yang dipakai untuk pilihan raya itu, posterkah, tiangkah, apa sahaja benda yang dipasang semasa pilihan raya ataupun sebelum pilihan raya dan kadang-kadang

perkara ini bila sudah kalah bertanding nanti dia akan lari, cabut macam itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia menang, kalau dia kerajaan, kerajaanlah bersihkan, mungkin bagi arahan kepada Majlis Daerah dan sebagainya untuk buang poster, buang segala tiang, buang segala yang mengotorkan itu.

Jadi, ini juga mendatangkan – kita terima laporan daripada Majlis-majlis, kita terima laporan daripada pegawai-pegawai kerajaan mengatakan bahawa perkara ini adalah menunjukkan mereka yang terlibat dengan politik ini tidak bertanggungjawab. *[Bunyi telefon bimbit] [Mematikan telefon bimbit] [Ketawa]* Ini IT Yang Berhormat. Jadi, menunjukkan orang yang terlibat dengan politik ini tidak bertanggungjawab. Jadi, kerajaan hanya meletakkan satu mekanisme supaya tiap-tiap orang yang terlibat dengan politik itu bertanggungjawab, diberikan deposit juga untuk soal poster juga ini. Kalau dia tidak pakai, kerajaan boleh gunakan, Majlis-majlis boleh gunakan, bayarkan, kalau tidak pakai duit itu mungkin boleh dikembalikan pula, apa salah.

Kalau ahli politik ataupun orang yang berkempen itu bertanggungjawab. Kalau masyarakat itu tidak tahu tanggungjawab dia kepada negara ini, undang-undang kerajaan, kerajaan bertanggungjawab mestilah mewujudkan satu undang-undang supaya masyarakat diberi pertanggungjawaban itu kepadanya. Kalau tidak, undang-undanglah kita buat dan undang-undang mesti dilaksanakan.

Ini tidak kira, bukan dia kata pembangkang sahaja yang pasang poster, pasang tiang dan sebagainya, tidak boleh, tidak!. Dia kata semua. Kalau Batang Lupar buat macam itu kenalah dia, kalau Serian buat macam itu, kenalah dia, kalau Lanang kena, kenalah dia, macam itu juga Larut. Kalau tidak buang poster, tidak buang tiang, kenalah dia, depositnya hilang.

Beberapa Ahli: Kalau Timbalan Yang di-Pertua buat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Ketawa]* Yang Berhormat, undang-undang ini tengah-tengah, kena semua, semua kena deposit, semua kena bayar. Jadi, itulah justifikasi-justifikasi yang logik. Kalau kita tidak tahu macam mana hendak bertanggungjawab, undang-undang akan digubal oleh kerajaan supaya kita bertanggungjawab mengikut garis panduan undang-undang. Jadi, persoalannya, kita kena melihat, jangan melihat kita sendiri sahaja. Kita mesti melihat daripada segi masyarakat keseluruhannya supaya masyarakat umum tidak memandang remeh masyarakat orang politik ini.

Jadi, soalan barung, saya baru jumpa juga ini *[Menyelak-nyelak bil]* Kadang-kadang kalau kita hendak simpan – dahulunya, kita mungkin ada berbincang

dengan SPR, berbincang dengan pihak Majlis Daerah dan kita letakkan tempat-tempat yang telah dikatakan tetapi ada di kalangan kita yang tidak ikut arahan daripada SPR, arahan daripada Majlis Daerah, kita letakkan di mana-mana yang kita mahu. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita sendiri yang buat kesalahan dahulu. Apabila kita meletakkan kesalahan dahulu dan kita tidak mahu menerima hakikat bahawa kitalah yang telah awal-awalnya melakukan kesalahan. Dan, selepas kita melakukan kesalahan tidak ada cara lain kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang supaya diselaraskan semuanya. Sekarang undang-undang telah dibuat.

Apabila undang-undang telah dibuat kita hendak mengkritik pula. Kalau kita tidak buat salah dahulu, orang tidak membuat undang-undang ini. Kalau kita tidak memekik melolong dahulu, mungkin undang-undang ini tidak dibuat. Kalau kita tidak buat ramai-ramai bawa borang ramai-ramai semasa pilihan raya dahulu mungkin orang kata tidak naik juga. Semua tidak buat. Undang-undang dibuat adalah kadang-kadang sebenarnya ada sebahagian daripadanya reaksi daripada masyarakat yang terlibat dalam satu-sebab mendatangkan satu-satu situasi undang-undang itu digubal untuk mengatasi masalah yang mungkin mendatangkan masalah kepada negara.

Jadi ini kena kita lihat secara logik. Kita tidak boleh terus menuduh dan sebaliknya pula soalan undang-undang pilihan raya. Kes di mahkamah apabila berlaku sesuatu kesalahan umpamanya. Ini memang selalu disebut, semenjak saya menjadi Ahli Dewan Parlimen ini, dah lama dah Yang Berhormat.

Jadi sudah lama, banyaklah cerita saya dengar. Saya ini bukan ponteng selalu sangat, tidak ponteng melainkan sebab-sebab yang tertentu di mana yang tidak boleh duduk di Dewan ini, saya akan duduk di Dewan. Kalau tidak duduk di Dewan kadang-kadang rehat di luar, saya dengar juga ucapan-ucapan Yang Berhormat walaupun pening kepala kadang-kadang, jadi dengar juga kerana hak Yang Berhormat bercakap. Tetapi banyak kawan-kawan pada ketika itu menyebutkan persoalan-persoalan yang berbangkit daripada soalan mahkamah ini. Iaitu mahkamah apabila dibawa satu kes ke mahkamah bila Hakim Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan dan kes itu tidak boleh dipertikaikan lagi. Keputusan itu adalah muktamad dan keputusan itu tidak boleh diapakan lagi. Jadi dalam keadaan sedemikian banyaklah peguam-peguam bukan sahaja daripada kita di sini mengatakan siapa yang terkena tidak payah peguam.

Tetapi dulu-dulu kalau sudah pihak DAP banyak bercakap soalan ini, kita benarkan buat rayuan kepada mahkamah, cara mahkamah itu sendiri berlandaskan peraturan-peraturan dan prosedur mahkamah itu sendiri membuat satu rayuan ke mahkamah atas. Dan ini juga satu-satu teguran yang konstruktif, satu teguran yang membina, satu teguran yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat yang dibawa oleh kerajaan diketengahkan oleh kerajaan di Dewan ini untuk diperbincangkan.

Jadi dalam keadaan sedemikian termasuklah dalam satu-satu aliran yang kerajaan buat. Inilah tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri daripada Kangar, evolusi pentadbiran kerajaan daripada satu peringkat ada undang-undang yang diluluskan untuk mengatasi suatu situasi yang tertentu dan dalam satu revolusi ataupun zaman ataupun era yang tertentu wujudnya suatu situasi lagi dan diadakan satu undang-undang untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan ataupun masyarakat untuk kebaikan masyarakat dan negara itu sendiri.

Ini salah satu daripada fakta evolusi yang kita bawakan ke Dewan ini. Jadi mekanisme-mekanisme rayuan dibawa ke Dewan untuk diluluskan dan belum mencukupi, pihak kerajaan telah melihat oleh kerana mungkin prosedur-prosedur yang ditetapkan di dalam prosedur sivil yang lain untuk kes-kes biasa mungkin tidak menepati kehendak-kehendak kerajaan terutama sekali soalan mempercepatkan soalan kes itu didengar oleh mahkamah.

Kerana banyak perkara yang berlaku sekarang kalau kita dengar ataupun kita lihat banyak soalan *complain backlog cases yang pending* di mahkamah, *cases* yang tidak boleh didengar di mahkamah sampai lewat lima, enam tahun. Sebahagian daripada kes ini adalah bukan kesalahan-kesalahan mahkamah, bukan kesalahan-kesalahan hakim tetapi kesalahan *litigant* ataupun pihak-pihak yang terlibat dengan perbicaraan itu. Ada sahaja caranya untuk melambat-lambatkan kes, soalan prosedur kah ataupun soalan teknikal diakah, satu persoalan boleh dibangkit, satu persoalan lagi boleh dibangkit daripada yang lain. Jadi dalam keadaan sedemikian kes kita bertambah-tambah *backlog* berlaku. Jadi apa yang saya nampak ialah mahkamah kurang prihatin, mahkamah tidak mengambil tindakan.

Jadi kerajaan dalam keadaan sedemikian mewujudkan satu prosedur yang tertentu yang mana *time frame* telah ditetapkan oleh mahkamah di bawah undang-undang ini bagaimana, bila kes-kes ini mesti dibawa ke mahkamah. Kalau siapa

yang tidak mengikuti garis panduan ini dengan sendirinya kesnya terkeluar ataupun digugur dari haknya dibawa ke mahkamah.

Jadi ini adalah satu prosedur yang tertentu untuk memperbaiki keadaan. Makna dia, dahulu prosedur kita, dahulu mekanisme kita tidak begitu baik, sekarang kita perbaiki mekanisme kita. Dalam keadaan sedemikian memanglah evolusi undang-undang, perubahan undang-undang itu adalah mengikut masa untuk mengatasi keadaan-keadaan semasa.

Tiap-tiap kali pertukaran dibuat ada sahaja manusia boleh mencari *loopholes* ataupun *technical mistakes* yang boleh digunapakai untuk mengatasi satu-satu masalah. Tak ubahlah kalau kita pasang bahkan saya dengar *infra-red* kereta yang kita pasang dekat kereta itu kalau di Kuala Lumpur ini dia kata kalau di Sarawak dia punya *benchmark* itu ada *distablizer* kata orang kereta motokar. *Distablizer* ini kereta yang tidak menggunakan *infra-red*, pasang *distablizer* ini kalau di Kuching berharga RM600 satu pasang.

Pencuri di Kuching *take about two hours to overcome this distablizer* tetapi di Kuala Lumpur mengikut laporan PIAM yang terakhir sekali hanya 10 minit. Ini menunjukkan tiap-tiap satu itu ada sahaja kelemahan dia dan ada sahaja cara dia untuk mengatasinya.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi kerajaan kena mengubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: Minggu lepas saya di London menyaksikan perbahasan di Westminster. Minggu sebelum itu, saya di India, di New Delhi menyaksikan perbahasan di Parlimen Lok Sabha. Minggu sebelum itu saya di Washington DC menyaksikan perbahasan di Capital Hill. Dalam pengalaman saya menjelajah dunia ini, susah hendak mencari pembahas yang hebat seperti Yang Berhormat bagi Batang Lepar ini. [*Tepuk*]

Soalan saya, sebelum bercakap tentang kereta, kecurian dan sebagainya, dalam kes mahkamah ini, minggu lepas saya di Kota Kinabalu dan mendengar keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa Yang Berhormat bagi Gaya disahkan perbuatan rasuahnya.

Jadi walaupun banyak sangat hal kereta kena curi, *complicated*. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan kesalahan Yang Berhormat bagi Gaya dan apa patut tindakan kita sebagai Ahli Parlimen melakukan? Terima kasih.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya hendak tanya, minta *clearance* sebelum ada kes ini *subjudice*, *ada* atau tidak *appeal* sampai ke atas lagi ataupun tidak ada. Kalau tidak ada, saya akan jawab. Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini memang dalam tindakan pihak yang tertentu.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, *much* saya tahu *like to answer the question*. Tetapi saya tidak dibenarkan perkara *subjudice*, mengikut peraturan kita, tidak boleh dijawab. Kalau tidak, saya sedia Yang Berhormat, *I am here willing and ready* jawab soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskanlah ucapan Yang Berhormat.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Biarlah saya *prelude*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: [*Bangun*]

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kes ini sudah selesai.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Sebenarnya macam itulah Yang Berhormat, macam mana Dewan ini bertindak. Dewan ini ialah *suppose not to hear anything, not to see anything* melainkan ada laporan mengatakan satu-satu faktor telah berlaku. Kalau kes sudah dibawa ke mahkamah Dato' Speaker akan *assume* kes ini masih di mahkamah sampailah satu ketika ada laporan mengatakan bahawa kes in telah tamat di mahkamah, barulah Speaker mengatakan boleh dibuka dan dibincang. Okey situasi sudah *clear*, satu.

Yang kedua, kalau mahkamah sudah kata Gaya mengikut Perlembagaan *disqualified* menjadi Ahli Dewan Rakyat, dia tidak berlaku, *speaker cannot bring* usul ke Dewan ini mengatakan Gaya akan digugurkan daripada Dewan secara automatik Yang Berhormat. Perkataan yang awal tadi saya sudah sebut. *Dewan will*

not take action by itself dengan izin, dia mesti *react* kepada satu-satu faktor dan satu-satu situasi.

Jadi kalau mahkamah telah membuat keputusan, kalau garis panduan undang-undang ini diikuti iaitu satu penjelasan akan diterima daripada pihak mahkamah, mengatakan bahawa seseorang ahli daripada Dewan ini telah didapati bersalah di mana di bawah Perlembagaan dia *disqualified* menjadi ahli Dewan, speaker akan membuat satu *announcement* ataupun seseorang daripada kita mengetahui soalan itu membuat usul perkara ini ke tengah akan diluluskan di Dewan ini. Jadi dia tidak automatik. Okey, Yang Berhormat. Hah, dah jelas!.

Jadi begitulah Dewan bersidang dan Dewan tidak akan *act on some factor which is not considered affect* ataupun *proven fact* melainkan sudah mendapat satu notis daripada yang diterima pakai ataupun *hectic* atau *given judicial notice* oleh Dewan ini sendiri. Jadi dalam keadaan sedemikian persoalan Yang Berhormat bagi Gaya, tidak berbangkit kepada saya, hingga Dewan diberi notis ataupun usul kalau Yang Berhormat hendak, bawa usul, yang Gaya telah didapati tidak *qualified* di bawah peruntukan Perlembagaan.

Begitu juga Yang Berhormat sebenarnya kalau orang hendak sakit, orang yang melapor sakit, macam ada Yang Berhormat daripada PAS dahulu, tidak hadir, tidak hadir, sakit, sakit. Sebenarnya saya hendak bangun, satu hari itu. Dewan tahu dia tidak hadir, tapi Dewan dengan sendiri tidak boleh mengatakan dia digugurkan selepas enam bulan melainkan ada seorang daripada ahli Dewan membawa perkara itu ke mahkamah nanti, dan usulkan, dia boleh jatuh begitu sahaja.

Speaker by himself is debatable to have the authority to sustain dia punya *notice or absent*, kena Dewan ini akan berupaya memberi satu-satu keputusan bukan *speaker* di bawah peraturan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi di bawah akta ini. Soalan yang lima puluh meter daripada sempadan mana-mana tempat mengundi, daripada sempadan penamaan calon.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya lihat logik, logiknya supaya jangan berlaku, seperti yang berlaku di Pendang, apa lagi sebelah itu, Lunas, dulu di Pahang sebelah itu, di Sanggang, oleh kerana dua kumpulan yang bertanding ini dekat sangat jadi berlakulah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, membuka 'ini' dan ada perkara-perkara lain menunjukkan 'ini', macam-macam lagi. Jadi dalam keadaan sedemikian mungkin mendatangkan huru-hara.

Jadi kerajaan mencadangkan supaya keadaan ini tidak berlaku, mengelakkan dari menjadi huru-hara, menjadi rusuhan, menjadi gaduh besar-besaran. Mana polis yang boleh mempertahankan keselamatan kalau 10,000 daripada Barisan, 10,000 daripada pembangkang, satu tempat 40,000, satu maki yang lain, lepas itu marah, keluar, gaduh bermula, mana pegawai polis 30,000 hendak jaga. Tidak boleh. Jadi sebelum perkara ini berlaku mestilah diwujudkan situasi supaya dilarang perkara ini jadi berlaku.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Yang Berhormat saya perlu penjelasan di sini, jadi Yang Berhormat bersetujulah bahawa akta ini bukan bertujuan untuk menyempitkan demokrasi di Malaysia, cuma diadakan peraturan, kalau kita hendak berdemokrasi kita mestilah berperaturan, satu.

Keduanya tadi saya dengar sebelah pihak pembangkang, sebelah pagi tadi mereka membincangkan, mengatakan bahawa pihak kerajaan menggunakan pihak polis sewenang-wenangnya untuk menyekat demokrasi. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tahu jawapan. Tanya saya supaya saya cakap saja. Ha, jadi soalnya tadi sama ada undang-undang ini akan menyekat demokrasi, yang keduanya itu polislah, gunakan polis. Undang-undang Yang Berhormat, sebenarnya demokrasi kadang-kadang orang banyak salah faham. Banyak sangat salah faham. Salah faham mengatakan bahawa apabila demokrasi, undang-undang sudah tidak ada lagi. Sebenarnya inilah kesalahan yang berlaku di negara jiran. Apabila reformasi terlaksana....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat saya keliru. Tuan Yang di-Pertua saya mohon penjelasan. Boleh bagi saya jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, ya. Boleh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kefahaman saya, dari demokrasilah datangnya dengan izin *rule of law* dan kini kita dalam proses menggubal beberapa peraturan di bawah *the rule of law*. Bagaimanakah pula *the rule of law* yang lahir dari demokrasi ini, boleh menjejaskan demokrasi itu sendiri, seolah-olah anak yang lahir dari ibu boleh membunuh ibu. Itu saja penjelasan yang saya mohon.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Biar saya jawab yang ini dulu, sebab yang kedua kena jawab juga, sudah dicatitkan ini. Yang pertama ini memang.

Kalau kita baca Dato' satu resolusi yang dibuat dalam *Jury's Convention di New Delhi in 1952*, , jadi saya ini orang *jurisprudence* juga ini. Jadi kita baca garis panduan. *What is actually the rule of law* yang dilandaskan, demokrasi ini berlandaskan. Jadi, kalau kita hendak buat, ini ada dua perkara Dato', jangan keliru juga ini, satu *is the rule of law*, yang kedua *is rule by law*. Undang-undang yang dibuat sewenang-wenang untuk mentadbir. *The principal how the law is made*, ini *rule of law*.

Jadi, dalam undang-undang itu memang ada juga sekali sekalanya yang bercanggah dengan soalan *the rule of law*, tetapi undang-undang ini biarlah kita ketepikan oleh sebab-sebab yang tertentu umpamanya sebab sekuriti, sebab *receptive of the people*, kestabilan negara, kestabilan ekonomi, macam mana yang berlaku di negara-negara lain. Macam di Amerika sekarang telah macam-macam tindakan. Macam itu juga di England dan negara-negara maju yang orangnya *propagating* soalan *rule of law*, demokrasi dan sebagainya ini.

Jadi, ini memang betul, undang-undang ini sendiri tidak menunjukkan bahawa *there is an infringement of the rule of law* dalam undang-undang ini, tidak ada, hanya menunjukkan demokrasi itu mesti ada *exercise of constraints* di mana-mana untuk mempertahankan supaya demokrasi itu boleh wujud dengan undang-undang. Undang-undang digubal untuk mempertahankan demokrasi itu sendiri.

Jadi, kadang-kadang kita terkeliru bahawa demokrasi ini tidak ada undang-undang, hah inilah suatu kesalahan. Berbalik saya kepada mana negara ajiran, apabila setelah berlakunya reformasi, berlaku keseluruhannya di Kalimantan Barat di mana reformasi *take over*, undang-undang nasional tidak lagi dipakai Pak, tetapi undang-undang adat yang akan dipakai, jadi apabila kita melanggar orang di sana, sama kita memandu ataupun begitu sahaja, halkan kita orang luar, apa dilanggar ataupun kena melanggar, mesti kita didapati salah, ini undang-undang adat.

Jadi, adakah ini menunjukkan *the rule of law* yang tidak mengira fakta-fakta dan *evidence* yang tertentu untuk mendapati salah seseorang itu, ini bukan. Maksudnya dengan sendirinya tindakan ini tidak ada semangat *the rules of law* dengan sendirinya walaupun dikatakan reformasi dan kebebasan adalah bukan demokrasi. Kerana garis panduan undang-undang itu tidak diguna.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada persoalan polis digunakan oleh kerajaan. Kerajaan ini macam-macam guna pula, memang kita boleh salah kerajaanlah kalau hendak guna benda-benda ini. Mana tidak kalau kita melihat kalau

hendak buat cukai, kita gunakan pegawai kastam kita cukai, kalau tidak ada cukai macam mana kerajaan ini hendak mentadbir tidak ada duit, kita gunakan kastam, kumpulkan cukai kiri kanan, gunakan IRD tangkap orang, bawa orang ke mahkamah dan sebagainya, kalau tidak bayar. Ini kerja IRD, ini kerja kastam, adakah mereka ini melakukan kesalahan, adakah negara lain tidak menggunakan perkara ini. Sebagaimana polis ini juga, polis ada undang-undangnya, polis gunakan undang-undang dan kuatkuasakan undang-undang, adakah ini kerajaan yang menggunakan polis, panggillah IGP sekarang suruh tangkap si anu, sama ada IGP mahu tangkap atau tidak.

Kalau IGP tidak mahu tangkap maknanya panggillah Yang Berhormat yang mana, panggillah menteri mana hendak panggil IGP sekarang, beri suruh dia tangkap orang, yang tidak melakukan kesalahan, mahu atau tidak IGP itu tangkap. Kalau IGP tidak hendak tangkap maknanya bukanlah IGP itu orang suruhan kerajaan, dia orang suruhan kerajaan mengguna berlandaskan undang-undang mengambil tindakan mengikut garis panduan undang-undang, menguatkuasakan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyatakan mana ada kes IGP yang tangkap orang yang tidak ada kesalahan. Saya fikir Yang Berhormat banyak sangat menjelajah seluruh dunia. Di Kuala Lumpur sahaja tidak jauh daripada Dewan kita ini Mahkamah Persekutuan baru membuat keputusan minggu lepas bahawa polis bersalah menahan lima orang sekurang-kurangnya di bawah Perkara 73 ISA.

Jelas, yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa polis membuat kesalahan, menggunakan kuasa menahan orang rakyat Malaysia yang tidak berdosa 60 hari. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat yang banyak melihat dunia ini, tidak nampak berlaku di Kuala Lumpur di Mahkamah Persekutuan kita sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini tadi kata dengar orang berbincang di Kongres Amerika, dengar House of Common di London, dengar perbincangan Parlimen daily

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat dia sengaja hendak memberitahu kepada Yang Berhormat, dia banyak tempat yang dia pergilah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sengaja hendak pergilah ini. Jadi, persoalan Yang Berhormat, setiap tindakan kerajaan ada mekanisme yang tertentu, itulah kerajaan mewujudkan polis untuk menangkap orang, tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, walaupun pada pandangan mata polis, ini ada cukup bukti-bukti, cukup sebab-sebab yang tertentu untuk menangkap, itulah kenapa dalam *contentious advisory system* yang kita *adopt* sistem *judiciary* kita, diadakan seorang menuduh, seorang defence, jadi kalau base on technical finding mahkamah itu didapati orang tidak bersalah, sebenarnya Yang Berhormat bukan bermakna orang tidak bersalah, berlandaskan teknikal dan evidence orang boleh keluar Yang Berhormat, pembunuh boleh keluar begitu.

Baru-baru ini, ada empat orang perogol, geng *rapist* di Sarawak, semua orang tahu budak-budak itu *rape* seorang budak perempuan. Semua orang kampung marah, orang hendak bawa parang hendak bunuh, cari perogol ini, sebab mahkamah *base on technical mistake* sahaja, keluar ini didapati tidak bersalah, tetapi bukan bermakna tidak bersalah Yang Berhormat, tidak bersalah berlandaskan undang-undang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini mencabar keputusan ke Mahkamah Persekutuan, sebab Yang Berhormat Batang Lumar memberi gambaran bahawa Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan yang salah dalam kes ISA yang saya sebutkan tadi, ini saya fikir suatu kesalahan yang besar daripada Yang Berhormat yang juga seorang peguam yang juga wakil rakyat yang lama, yang melawat seluruh dunia. Ini salah ini.

Seorang Ahli Pembangkang: Cukuplah, orang lain pun hendak bercakap juga.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat ini tidak fahamlah mekanisme kerajaan, bawa buku hendak tunjuk peraturan. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat, polis itu mengambil tindakan undang-undang berlandaskan apa yang polis dapat, apa bukti yang mencukupi dari pandangan polis dan polis setelah membuat keputusan. Mekanisme polis Yang Berhormat, seorang pegawai penyelidik, daripada pegawai penyelidik pergi kepada pegawai yang bertanggungjawab kepada jenayah, daripada pegawai yang bertanggungjawab

daripada satu tempat ke satu tempat, daripada satu kontinjen ke satu kontinjen dia pergi lagi kepada pihak DPP ataupun Federal Council, sampai kepada Federal Council baru orang itu dituduh. Apabila dituduh didapati tidak bersalah, bukan bermakna tindakan polis, tindakan Federal Council ini salah. Bermakna technically

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat dan Besut.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya beri yang di belakang itu. Dia tidak kenal penjelasan itu.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa suatu kejadian yang berlaku semasa kempen pilihan raya Anak Bukit, bagaimana polis telah di arahkan untuk mengiringi lima buah bas pengundi hantu diarahkan untuk mengiringi bas untuk masuk ke tempat sempadan pengundi. Dan ini timbulnya cerita pengundi hantu, tetapi di sana yang hairannya polis digunakan untuk mengiringi bas-bas ini. Jadi, kita tengok ini *double standard*, waktu kita tidak boleh, tetapi Barisan Nasional boleh. Beri komen sedikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu mana satu hantu dalam bas Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, soal pengundi hantu dalam bas ini betul tidak mereka ini pengundi hantu ataupun betul-betul orang pengundi biasa.

Kalau orang polis

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, tunggu sekejap. Kalau orang polis itu masuk dalam bas, umpamanya dia kata datang sebuah bas, dia akan tanya dengan polis, boleh atau tidak saya masuk di sini, kalau saya masuk mungkin menjadi pergaduhan, macam yang berlaku di Lunas dahulu, jadi kita hendak masuk mengundi, adakah tugas dan tanggungjawab polis masuk dalam bas itu bertanya, kamu ini adakah pengundi yang berdaftar, adakah kamu ini pengundi hantu, adakah kamu ini orang itu, semua ini polis tidak boleh tanya, polis tidak boleh terlibat soalan ini, ini soalan hak dia untuk mengundi sama ada dia berdaftar atau tidak berdaftar, bukan polis yang hendak tanya di tempat pemilihan itu tadi, sebab pengundi itu akan bertanggungjawab bertanya dengan orang ini, bukan polis. Jadi kalau polis hendak masuk cerita ini, polis pula dituduh terlibat dengan *screening* hal orang hendak pilih atau tidak pilih, nanti nasiblah Barisan Nasional, kalau kena

pengundi orang pembangkang, habis dia kata kerajaan itu gunakan polis tahan orang dia, huu'uuuhh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, sebenarnya fakta Yang Berhormat itu salah. Ini bukan pengundi, ini pekerja yang hendak menolong jentera Barisan Nasional telah digalang oleh parti pembangkang pagi itu daripada pergi ke kawasan untuk mereka bertugas. Maka bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini, polis mengiringi bas yang membawa pekerja ini supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, jadi bukan soal Barisan Nasional menggunakan polis – tidak.

Polis hendak menjalankan tugas bagi menjaga keamanan, fakta yang diberi itu salah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bagi opinion tetapi fakta salah, opinion saya pun jadi salah. *[Ketawa]* Jangan mengelirukan orang, Yang Berhormat, lain kali. Kena bagi fakta yang betul. Ha, dengar itu tadi. Ini fakta yang betul. Apabila fakta yang betul dibuat, kita punya penjelasan tetap betul. *[Ketawa]* Jadi, saya berharaplah.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dato', sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, saya minta penjelasan juga. Saya rasa sebelah pembangkang ini, mereka sebenarnya cuba memainkan peranan.....

Seorang Ahli: *English!*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mereka cuba memainkan peranan sebagai Ya?

Seorang Ahli: *English!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap lagi. Saya minta *permission* daripada Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap tentang *English*. Begini sahajalah. Mereka sebenarnya hendak menjustifikasikan kedudukan mereka, kononnya mereka ini berperanan sebagai '*ghostbusters*', dengan izin. Oleh yang demikian, apabila mereka lihat bas penuh dengan orang, pun mereka rasa ada *ghost* juga dalam itu. Sebab itu dia sebut pengundi hantu, kalau tidak silap saya. Kalau terjemahkan, boleh jadi '*ghost voters*'. Ha, ini *English*lah, '*ghost voters*'.

Jadi, mereka rasa mereka ini '*ghostbusters*', jadi dia hendak buang hantu ini. Seperti penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, jadi pada Pilihanraya Kecil Lunas, kalau tidak silap saya, ada kumpulan ini yang saya tidak tahu, katanya daripada pihak parti pembangkang, mengambil tindakan di luar undang-undang. Seolah-olah merekalah hari itu....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Itu perkara 36...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pihak polis itu hendak menjaga keselamatan. Laporan sudah dibuat kepada polis dan polis mengambil tindakan...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...ke atas....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kes yang Yang Berhormat sebut itu sedang dibicarakan di mahkamah di Kulim dan oleh itu mengikut undang-undang yang saya faham, ianya tidak boleh disebut dan diulas dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Kalau perkara itu sedang diadakan perbicaraannya di mahkamah....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apalah, ada pilihan raya kecil di satu tempat di Kedah. [*Ketawa*] Boleh?

Beberapa Ahli: Tidak boleh!

Tuan Husam bin Haji Musa: Dalam *court* tidak boleh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini satu percubaan untuk mempersendakan Dewan ini pula. Sudah ada perundangan, dia hendak main-main lagi. Inilah... susahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Masya-Allah!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apalah, tidak apalah. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Tumpat yang telah menjelajah banyak tempat di dunia ini, sampai tidak ada tempat yang dia jelajah, [*Ketawa*] saya tabik hormatlah. Itu pandangan dia. Orang yang katanya '*world class*'. Okeylah, '*world class*'lah. Saya '*Sungai Petani class*' sahaja!

Jadi, saya kata begini, saya rasa ini pandangan saya. Jadi, apabila orang yang berpengalaman yang lalu di mana sahaja dalam pilihan raya kecil, pengalaman ini yang saya sebutkan, di mana ada berlakunya kekasaran, oleh yang demikian, laporan telah dibuat kepada pihak polis, maka polis mengambil tindakan berlandaskan kepada peraturan. Jadi, peraturan itu adalah demi untuk menjamin keselamatan. Kita tidak kisah sama ada daripada dia hendak undi PASkah, dia hendak undi KeAdilankah, dia hendak undi UMNOkah, itu bukan jadi soalnya.

Soalnya polis menjaga keselamatan dan polis tidak pernah mengeluarkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:arahan-arahan daripada mana-mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ... apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu hendak sakit hati buat apa? Kubang Kerian itu. Sebab Kubang Kerian kadang-kadang, ini siapa makan cili, dia rasa pedaslah. Sebab itu saya katakan rata-rata dia nampak hantu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya melihat dalam sejarah politik Malaysia ini memang selalu berlaku tetapi masalahnya kadang-kadang kita gunakan polis ini sebagai *scapegoat* ataupun *punching back* sebab polis tidak ada dalam Dewan ini, terutama sekalinya. Jadi, bila keadaan itu, kita marah, marah, tetapi tempat lain, *action* kita hendak ampu polis pula.

Tetapi sebenarnya tidak ada *state* dalam *election* mana-mana pilihan raya. Kalau sesiapa sahaja yang menang dalam pilihan raya, sesiapa sahaja menang

mentadbirkan mana-mana negara, polis akan ada di sana juga. Polis akan menjaga keamanan, menjaga kestabilan negara ini dan kepada pihak polis, tidak ada benda yang lain dalam pandangan mereka ialah supaya negara ini dalam keadaan selamat dan baik.

Tetapi kalau seseorang individu di situ mempunyai satu pendirian berasingan secara peribadi untuk menyokong mana-mana parti kerajaan, dipandang telah menunjukkan track record yang begitu baik, kita tidak boleh marahkan individu itu sebagai individu. Tetapi sebagai seorang pegawai polis, tugasnya ialah kalau dia *escort* mana-mana keretakah, *escort* mana-mana baskah, *escort* mana-mana orang berjalankah, hanya untuk mengelakkan huru-hara daripada berlaku, daripada satu rusuhan berlaku atau masalah melanggar undang-undang berlaku. Ini sahaja yang polis hendak buat.

Jadi, kalau polis berbuat demikian diinterpretasikan sebagai menyokong...

Tuan Hassan bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...pihak kerajaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Besut bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...ini adalah tidak adil kepada pihak polis. Jadi, saya cukup bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tadi. Jangan tanya banyak sangat. Banyak lagi cerita saya ini.

Tuan Hassan bin Mohamed: Ya. Saya hendak beritahu macam mana sikap *double standard* yang barangkali pihak polis menerima arahan. Contohnya dalam ceramah politik. Kita dibenarkan untuk berceramah di dalam markas-markas PAS. Tetapi apa yang berlaku di medan tempat kejadian, walaupun kita berada dalam rumah, dalam markas PAS, pihak polis – saya tidak tahu kuasa apa yang ada – tidak membenarkan kita berceramah, tidak membenarkan kita menggunakan mikrofon.

Berlaku kepada saya sewaktu ceramah di Kelang. Dalam rumah tidak dibenarkan pakai mikrofon. Saya kata, "Ini markas PAS!" Dia kata dia menerima arahan. Dan hari itu semua jalan *diblock* tetapi yang *blocknya* bukan hanya polis, digunakan Majlis Perbandaran, digunakan Rela, sudah tidak cukup polis, untuk

menghalang PAS menggunakan platform bercakap. Inilah yang saya katakan *double standard*. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang kita tidak faham Yang Berhormat. Kalau kita hendak bercakap dalam rumah, tidak perlulah pakai mikrofon, tidak payahlah pakai *loud hailer*, tidak payahlah pakai amplifier. Dalam rumah, saya cakap macam itu sahaja dengan anak-anak. Saya tidak pernah pakai *loudhailer*. [Ketawa] Tidak pernah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau rumah itu besar?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Rumah besar pun, Tuan Yang di-Pertua, pernah dalam bilik mesyuarat besar, waktu itu di Raskom, Rejang. Dari hujung sana, saya kata, "Razak, mari sini." Tidak pernah pun gunakan *loud hailer* kalau cakap di rumah tetapi tujuan saya hendak cakap gunakan *loud hailer* ini sebab saya hendak orang sisiran itu semua hendak dengar. Orang di luar itu hendak dengar. Kampung tidak dengar pun, kadang-kadang hendak tidur tidak hendak.

Itulah PAS kalah di Sarawak sebab bila gunakan *loud hailer* ini, orang kiri kanan itu marah sebab hendak tidur. Dengar mereka bising, "Ini apa benda pula hendak ajar orang Sarawak jadi Islam?" Selepas itu bising, anak orang hendak tidur. Jadi, kita diam-diam sahajalah. Kita katalah, "Memanglah perangai mereka macam itu!". Bukan dia tahu anak orang tidur pukul 10. Budak-budak sekolah, esok pukul 5.30 pagi sudah bangun. Anak kita hendak tidur pukul 9 tidak boleh. Ha, ini yang kita larang.

Di bawah Undang-undang Kecil Malaysia (*Minor Offences*), ada dikatakan menggunakan *electrical implement* ini untuk menyiarkan suara, masa-masa tertentu, pihak polis berhak memberhentikan. Jadi, ini yang diberhentikan oleh pihak polis. Jadi, saya tidak tahulah, saya bukan polis pada ketika itu.

Jadi, saya mungkin menilaikan bahawa pihak polis menggunakan kuasa undang-undang yang tertentu supaya melarang perkara ini berlaku supaya anak-anak orang hendak pergi sekolah esok. Sini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ... awal-awal lagi orang tunggu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang saya diberitahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada banyak lagi hendak disampaikan, betul?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidaklah, lebih kurang 15 minit macam itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, teruskanlah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, soal propaganda politik. Di sini ada ditunjukkan di bawah ini, di bawah pindaan yang baru Seksyen 24A dan 24B. Ini soal masa pilihan raya. Kadang-kadang ada orang bawa poster hendak kempen lagi, guna kereta bercakap. Mungkin tidak berlaku di tempat-tempat lain yang saya tidak lihat saya tidak boleh sebut tetapi kalau di Sarawak menjadi satu masalah besar. Orang kampung yang gunakan kereta van, kereta sapu macam-macam lagi kereta dan bas dimainkan pula macam-macam *tape*, CD dimainkan dalam *public vehicle* ini, digunakan ini dimainkan. Orang kampung kata, apa ini saya tidak hendak dengar ceramah siapa pun sama ada ceramah dia orangkah, Dato' Fadzil Noorkah ataupun siapa? Saya tidak hendak dengar saya hendak pergi pekan beli sayur, kata dia. Tetapi apa pula ini dimainkan.

Jadi, ini tiada undang-undang yang menyalahkan. Jadi, inilah kenapa kerajaan merumuskan satu pindaan rang undang-undang supaya perkara-perkara ini tidak dihalalkan, perkara-perkara yang tidak betul. Ini semua pindaan-pindaan kerajaan berlandaskan suatu fakta ataupun beberapa fakta-fakta yang tertentu supaya jangan perkara ini berlaku. Umpamanya baru-baru ini ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, Dato' sila. Baru-baru ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Ini kes yang berlaku di Pendang. Sebab itu dahsyatnya Pendang ini. Markas PAS di tepi sebuah surau di dalam sebuah kampung. Dia bunyikan dia punya kaset ini 24 jam, terus bersyarah...

Raja Dato' Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi orang tidak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang tidak ada. Dia pasang sahaja sehingga mengganggu bagi pihak jemaah hendak bersembahyang di surau berkenaan. Kebetulan surau itu ialah orang UMNO pun ada di sana dan kaset ini dimainkan dengan bermacam-macam cerita yang disalut agama. Jadi, apabila orang

UMNO minta berhenti dia katakan bahawa orang UMNO anti kepada syarahan agama. Walhal surau itu dekat dengan markas PAS itu. Kita hendak sembahyang dalam keadaan aman, jangan bising. Jadi, terus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak sambung ucapan tadikah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya bukan hendak sambung, saya menyokong hujah Yang Berhormat bagi Batang Lumar memang patutlah rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen supaya perkara yang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lumar yang ada dalam akta ini tidak berlaku ataupun dilakukan oleh pihak parti pembangkang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul Tuan Yang di-Pertua, betul. Bukan di Pendang sahaja lebih daripada itu pun saya lihat. Masuk dalam tempat mengundi bawalah satu kipaskah apa benda. Tunjuk lagi kawan, tunjuk kiri kanan. *[Sambil mengangkat sebuah buku]* Yang ini PAS..

Seorang Ahli: Bulan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, bulan. Jadi, inilah benda yang kita kata janganlah benda yang tidak *ethical* ini kalau kita tidak faham logik manusia *ethical* yang biasa kita kena buat undang-undang Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Betul!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau kita tidak mengikut budi pekerti yang baik, undang-undang akan dibuat untuk mengatasi masalah keburukan perandai seseorang manusia. Bukan ditujukan kepada PAS sahaja, bukan tuju kepada sesiapa tetap kepada sesiapa sahaja yang mahu melakukan kesalahan tetapi malangnya PAS terasalah oleh kerana buat salah banyak sangat. ..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Makan lada.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau yang tidak buat salah macam kita ini siapa hendak marah. Buatlah undang-undang macam mana pun, saya tidak akan masuk ISA, saya tidak akan dituduh melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini sebab saya tidak melakukan kesalahan undang-undang. Jadi, kenapa pula kita begitu sensitif. Mekanisme yang dibuat begitu baik sekali bukan difikirkan sekali dua, berpuluh-puluh kali fikiran dibuat, bincang lima kali, enam kali. Dahulu sudah hendak dibawa ke Dewan tetapi tidak jadi. Sebab tarik balik itu bukan kerajaan takut. Kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, esok boleh datang lagilah. Masa cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

9 September 2002

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- ” *Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)*
- ” Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ *Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)*
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A.(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- " Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- Yang Berhormat Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato’ Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Dato’ Othman bin Abdul (Pendang)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari

Syed Azuddin bin Syed Othman

Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV

Bil. 27

Selasa

10 September 2002

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002 (Halaman
21)